

Jilid 1  
Bil. 50



Hari Isnin  
16hb Mac, 1987

MALAYSIA

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**

*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

**Kuasa Tuan Yang di-Pertua Membenarkan Cuti Kepada Ahli-ahli—Kelulusan  
Usul 1961 [Ruangan 7689]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 7691]**

**RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA—MENARIK BALIK [Ruangan 7794]**

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 18:**

**Tabung Wang Kumpulanwang Simpanan Pekerja—Y.B. Tuan Lim  
Guan Eng [Ruangan 7795]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 7798]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) [Ruangan 7799]**

## **KANDUNGANNYA—(Samb.)**

### **Jawatankuasa—**

#### **Jadual:**

**Maksud B.4 [Ruangan 7823]**

**Maksud B.14 [Ruangan 7868]**

### **USUL:**

**Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1985**  
**[Ruangan 7799]**

### **Jawatankuasa—**

**Maksud P.18 [Ruangan 7869]**

**Maksud P.24 [Ruangan 7873]**

**Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) Bil. 2) 1986**  
**[Ruangan 7799]**

### **Jawatankuasa—**

**Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 7867]**

**Maksud P.13 [Ruangan 7867]**

**Maksud P.14 dan P.16 [Ruangan 7868]**

**Maksud P.17 [Ruangan 7868]**

**Maksud P.18 [Ruangan 7869]**

**Maksud P.19 [Ruangan 7870]**

**Maksud P.20 [Ruangan 7872]**

**Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 [Ruangan 7873]**

### **UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Perumahan Taman Mayang Jaya dan Majlis Perbandaran—Y.B. Dr Eng Seng Chai [Ruangan 7883]**

**Mengurangkan Had Kelayakan Umur dari 60 ke 50 untuk Melancong ke Negeri China—Y.B. Tuan Lee Lam Thye [Ruangan 7891]**

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).



- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selangor).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

„ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

„ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P. P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S. B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

„ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

„ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,  
S.P.N.S. (Kota Tinggi).

„ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

„ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

„ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

„ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

„ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN P. PATTO (Ipoh).

„ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

„ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

„ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).

„ DR TAN SENG GIAW (Kempas).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

„ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 16hb Mac, 1987

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG  
DI-PERTUA

KUASA TUAN YANG  
DI-PERTUA MEMBENARKAN  
CUTI KEPADA AHLI  
AHLI—KELULUSAN  
USUL 1961

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Jumaat, 13hb Mac, 1987 Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah membuat teguran terhadap kuasa yang diberi kepada Tuan Yang di-Pertua membenarkan cuti kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Beliau mempersoalkan sama ada keputusan yang dibuat oleh Dewan Rakyat pada tahun 1961 memberi kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua membenarkan cuti ahli-ahli masih boleh berkuatkuasa hingga sekarang.

Saya telah membuat penyiasatan dan mendapati bahawa pada 25hb April 1961, Dewan Rakyat telah meluluskan satu Usul yang berbunyi seperti berikut:

“That the leave of the House under Article 52 of the Constitution shall be given to, and may be signified by Mr. Speaker in the case of, any member of the House of

Representatives whose absence thereunder has been approved by Mr. Speaker:

Provided that Mr. Speaker shall report to the House the name of every member to whom such leave has been given.”

Kuasa yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan cuti Ahli-ahli adalah untuk memudahkan urusan memberi cuti dan telah digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua bagi maksud yang tersebut itu semenjak Usul itu diluluskan pada 25hb April, 1961 hingga sekarang tanpa teguran atau bantahan daripada mana-mana pihak. Oleh kerana itu tidaklah boleh dikatakan bahawa cuti-cuti yang telah dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua itu tidak sah kerana tiap-tiap cuti itu dimaklumkan kepada Dewan ini dan oleh sebab tidak ada apa-apa bantahan, maka bolehlah dianggap kebenaran yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua itu adalah sah.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menjalankan kuatkuasa Usul ini kecuali ia dibatalkan oleh Dewan Rakyat atau jika ada usul baru, yang dibuat berkenaan dengannya. Tuan Yang di-Pertua tidaklah seharusnya meminta Ahli-ahli Dewan membuat usul baru kerana itu bukan di dalam bidang tugasnya, dan lagi oleh sebab Usul itu dibuat oleh Dewan dan bukanlah terbuka kepada Tuan Yang di-Pertua mengatakan Usul itu tidak sah. Ini juga terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sama ada hendak membuat usul baru ataupun tidak.



## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### RUMAH KOS RENDAH— PROGRAM KHAS

**1. Tuan Mohamed bin Jamrah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada target Kerajaan untuk membina 80,000 unit rumah dapat dicapai memandangkan kepada perkara-perkara berikut:

- (a) ramai pemaju perumahan mendapati sukar untuk mendapat bayaran wang dari pinjaman “end-finance” kakitangan Kerajaan yang telah diluluskan daripada Perbendaharaan atas alasan Kerajaan buat masa ini kekurangan wang;
- (b) berapa banyakkah wang tabungan yang dikhaskan untuk pinjaman membeli rumah kos rendah yang berbaki setiap tahun dan berapa banyak pinjaman yang dipohon, diluluskan dan wang dikeluarkan setiap tahun untuk tujuan itu; dan
- (c) dengan kesulitan-kesulitan yang wujud itu adakah ini bermakna wang sebanyak \$2.0 bilion yang dikhaskan untuk skim rumah kos rendah itu ada setakat pada peruntukan tetapi wangnya belum ada lagi.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan Kementerian Kewangan memberi jawapan kepada ketiga-tiga pecahan soalan ini sekali gus.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu supaya target untuk membina 80,000 unit setahun rumah

kos rendah di bawah program khas perumahan kos rendah itu dicapai. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan mengenai kredit untuk industri perumahan pada bulan Mac, 1986 untuk memastikan supaya sistem urusan bank dapat menyediakan tidak kurang daripada \$1.5 bilion sebagai pembiayaan akhir untuk membiayai pembelian rumah sepanjang tahun 1987. Bank Negara pula telah bersetuju untuk menyediakan 500 juta setiap tahun melalui pasaran cagaran kedua. Oleh itu tidaklah timbul soalan bahawa pembiayaan tidak boleh didapati selagi projek-projek tersebut terdaya maju.

Sungguhpun sedemikian, pelaksanaan projek ini bergantung juga kepada faktor-faktor lain termasuk isu-isu berkaitan dengan pindah milik tanah setingan, infrastruktur, jualan dan keupayaan pemaju-pemaju untuk menyiapkan projek-projek mereka.

Dalam tahun 1986 bagi rumah-rumah yang berharga \$25,000 dan kurang, bank perdagangan dan syarikat kewangan telah membiayai penglibatan 14,295 unit rumah kos rendah yang bernilai \$257 juta di mana bank perdagangan menyediakan pembiayaan bagi 10,239 unit dan syarikat kewangan bagi membiayai 4,036 yang bernilai \$72 juta. Dengan ini pada 31hb Disember, 1986 bank perdagangan dan syarikat kewangan telah memenuhi 29.5% daripada paras yang ditetapkan dalam pembiayaan perumahan kos rendah dengan bank perdagangan memenuhi 26% dan syarikat kewangan memenuhi 43.6% daripada paras yang ditetapkan dalam garis panduan masing-masing.

Menjelang penghujung tahun 1986, \$90 juta atau 35% daripada \$257 juta yang telah diluluskan oleh sektor bank

untuk pembiayaan rumah kos rendah telah dikeluarkan.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya, kalau soalan saya diteliti saya tidak mempersoalkan pinjaman daripada bank, saya mempersoalkan pinjaman daripada Kerajaan. Ramai daripada kakitangan Kerajaan yang telah mendapat kelulusan pinjaman daripada Kerajaan tetapi wang itu sukar dikeluarkan daripada Perbendaharaan kerana katanya Kerajaan tidak ada wang. Itu saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, bukan masalah berapa kuota daripada bank dan sebagainya.

Ketiga-tiga soalan saya adalah ditumpukan kepada pihak Kerajaan, tidak ada kena-mengena dengan masalah bank.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok adalah soalan yang melibatkan atau memerlukan jawapan yang begitu luas. Sebagaimana yang diketahui oleh Kementerian Kewangan, masalah-masalah yang ditimbulkan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan terhadap pengeluaran pinjaman perumahan adalah bukan begitu serius. Memandangkan bahawa kes-kes ini mempunyai latar belakang yang berlainan daripada satu sama lain, jadi jikalau ada kes-kes mengenai dengan kesukaran pengeluaran pinjaman Kerajaan, haraplah peminjam-peminjam itu menghubungi Kementerian Kewangan.

Mengenai dengan masalah yang mungkin timbul di antara syarikat-syarikat kewangan atau financial institution, Kementerian Kewangan berasa puashati bahawa mereka telah bekerjasama dengan Bank Negara untuk sama-sama mencapai matlamat Kerajaan.

## **PARTI KOMUNIS MALAYA— PENGAMPUNAN**

**2. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sikap dan dasar Kerajaan Malaysia terhadap saranan daripada Panglima Angkatan Tentera Darat Thai baru-baru ini supaya Kerajaan Malaysia mengampun anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) yang bersembunyi di Sempadan Malaysia/Thai dan menerima kembali mereka sebagai warganegara ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan Malaysia dalam menghadapi ancaman Parti Komunis Malaya sebagaimana diketahui oleh orang ramai bukanlah terhad hanya kepada tindakan-tindakan ketenteraan tetapi termasuk juga langkah-langkah untuk menggalakkan anasir-anasir komunis untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Sejak darurat Kerajaan-kerajaan telah menjalankan berbagai usaha untuk menarik anggota-anggota Parti Komunis supaya meninggalkan kegiatan mereka. Sejak tahun 1961 seramai 733 anggota komunis telah meninggalkan kumpulan komunis mereka.

Syor Kerajaan Thailand yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bukanlah satu perkara baru bagi kita. Sebaliknya, sepertimana yang dinyatakan oleh seorang Jeneral dari Angkatan Tentera Thailand yang melawat Malaysia baru-baru ini, tawaran pengampunan yang dibuat oleh Kerajaan Thailand kepada anggota Parti Komunis Thailand adalah diilhamkan oleh Operasi Seri Aman di mana sebahagian besar daripada anggota komunis di Sarawak telah kembali ke pangkuan masyarakat dalam tahun-tahun 70an.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada hasrat dari mana-mana kumpulan

pengganas komunis yang hendak meninggalkan kegiatan mereka, Kerajaan bersedia mempertimbangkannya.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Berita TV Malaysia yang disiarkan pada malam Ahad lalu, seramai 89 orang pengganas Parti Komunis Malaya baru-baru ini telah menyerah diri kepada pihak berkuasa Thai di Sadao. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri terhadap perkara ini, adakah Kementerian bercadang menggesa Kerajaan Thai supaya menyerahkan 89 orang pengganas ini kepada Kerajaan Malaysia?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita mempunyai satu Jawatankuasa Bersama antara Thailand dengan Malaysia, biarlah Jawatankuasa ini mengendalikan perkara ini. Setelah dibereskan, barulah diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengambil tindakan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan bahawa beberapa anggota-anggota bekas komunis telah meletakkan perjuangan mereka dan meminta ampun daripada Kerajaan untuk memulih semula di masyarakat kita dan setelah mereka kembali ke masyarakat kita, oleh kerana beberapa sekatan atau syarat-syarat yang mereka tidak dapat patuhi, mereka masuk semula ke dalam hutan-hutan untuk menjalankan perjuangan mereka yang lalu. Bolehkah Kerajaan memberitahu apa latar belakangnya jikalau ada anggota-anggota yang masuk semula lagi, dan apakah latar belakang itu Kerajaan akan ambil untuk mempertimbangkan syarat-syarat atau cara-cara untuk menggalakkan mereka berada di masyarakat yang kita berada ini selama-lamanya?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, daripada 733 anggota Parti Komunis Malaya yang telah menyerah diri, tidak ada kita mendapat laporan bahawa mereka telah masuk kembali. Bagaimanapun, oleh kerana sejak tahun 1960 kita telah menangkap lebih kurang 3,193 orang yang disyaki terlibat dalam Parti Komunis dan daripada jumlah itu kita telah bebaskan sehingga hari ini ialah 3,170 orang, yang tinggal hanya 23 orang lagi, berkemungkinan yang kita bebaskan ini ada yang masuk untuk menganggotai Parti Komunis Malaya kembali. Bagaimanapun kita akan cuba seberapa daya agar Pusat-pusat Pemulihan terhadap Parti Komunis Malaya ini dapat diperelekkkan lagi agar mereka yang kembali itu akan kekal dalam masyarakat.

## PROJEK JOHOR BARAT

**3. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pertanian menyatakan Projek Johor Barat Fasa I dari segi kemajuannya, kosnya dan juga kejayaannya. Kiranya Kerajaan puashati dengan kejayaan yang tercapai mengapakah Kerajaan masih lagi teragak-agak untuk melaksanakan sepenuhnya Projek Johor Barat Fasa II. Nyatakan juga kesengsaraan, penderitaan, kerugian rakyat dan perbelanjaan Kerajaan tiap-tiap tahun empat tahun kebelakangan ini tiap kali berlakunya banjir di kawasan Projek Johor Barat Fasa II.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):** Tuan Yang di-Pertua, Projek Johor Barat Fasa I telah dimulakan dalam tahun 1974 dan hingga ke masa ini pembinaan infrastrukturnya dianggarkan 98% siap dan akan siap keseluruhannya pada akhir tahun 1987. Sehingga kini, 66 kilometer benteng laut; 1,041 kilometer parit; 1,418 kilometer jalan; 7 buah Pusat Perkhidmatan Pertanian

Bersepadu dan sebuah empangan telah dibina. Anggaran kos projek termasuk kos penyelenggaraan ialah sebanyak \$365 juta dan sehingga akhir tahun 1986 sebanyak \$322.2 juta telah dibelanjakan.

Pelaksanaan Projek Peringkat I ini telah memberi banyak manfaat dan faedah kepada penduduk-penduduk di kawasan projek.

Ini dapat dibuktikan daripada masalah banjir yang berkurangan, penggunaan tanah untuk tujuan pertanian yang lebih luas, peningkatan hasil ladang dan pendapatan petani-petani. Contohnya dari segi banjir, faedah yang didapati ialah keluasan kawasan yang ditenggelami air telah dapat dikurangkan daripada 36,437 hektar sebelum projek kepada kira-kira 2,023 hektar sahaja sekarang. Dengan pengurangan masalah ini, keluasan kawasan yang dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang produktif turut bertambah. Misalnya, keluasan tanaman kelapa sawit telah meningkat daripada 102 hektar dalam tahun 1974 kepada 11,000 hektar dalam tahun 1986, dan bagi koko, keluasan meningkat dari 179 hektar dalam tahun 1978 kepada 5,200 hektar dalam tahun 1986. Sementara itu, dari segi peningkatan hasil pertanian, hasil koko misalnya, telah meningkat daripada 254.2 kg/ha. Dalam tahun 1973 kepada 1,700 kg/ha dalam tahun 1986. Hasil kelapa sawit meningkat daripada 254.2 kg/ha dalam tahun 1973 kepada 1,700 kg/ha dalam tahun 1986 dan hasil kelapa sawit dijangka mencapai 24 tan/ha dalam tahun 1988. Pendapatan tahunan petani sekeluarga turut meningkat daripada \$1,400 dalam tahun 1973 kepada di antara \$4,900 hingga \$6,000 pada tahun 1986. Berdasarkan kepada faktor-faktor ini, pihak Kerajaan telah berpuashati dengan kejayaan pelaksanaan projek ini.

Mengenai pelaksanaan Projek Fasa II, Kerajaan telah pun mengambil

langkah-langkah tertentu untuk mempercepatkan pelaksanaan fasa ini yang dijangka menelan belanja sebanyak \$347 juta. Kerja-kerja awal termasuk kajian kemungkinan dan penyediaan reka bentuk terperinci telah pun disiapkan. Pihak Kerajaan telah juga membuat perundingan dan mendapat pinjaman daripada Bank Dunia sebanyak \$136 juta pada pertengahan tahun 1986. Kerja-kerja pengambilan balik tanah telah pun dimulakan dalam tahun 1986. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh masalah kemelesetan ekonomi yang sedang mengancam negara sekarang dan berikutan pemotongan anggaran peruntukan Rancangan Malaysia Kelima yang tidak dapat dielakkan, maka projek ini terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, panjang sangat. Boleh ringkaskan ataupun jawab bertulis.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Sebab soalan ini meminta anggaran-anggaran selama 4 tahun. Saya boleh beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat, kalau boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Muar, soalan tambahankah?

**Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan:** Tuan Yang di-Pertua, ada bahagian yang kedua yang saya fikir lebih penting belum dijawab iaitu berhubung dengan Johor Barat Fasa II dan perlunya soalan ini dijawab di sini untuk komitkan pihak Kerajaan memastikan bahawa masalah dan

penderitaan rakyat yang berlaku tiap-tiap tahun itu sekurang-kurangnya dapat dibela oleh Kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya bagi dua minit Yang Berhormat Menteri supaya soalan-soalan tambahan dapat dibuat.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kalau Yang Berhormat tidak perlu tahu anggaran-anggarannya, jawapannya boleh dipendekkan.

Komitmen pada Fasa II ini akan dijalankan tetapi kita ikut peruntukan yang didapati dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dan setakat ini kita sudah jalankan peringkat I di Fasa II iaitu kita jalankan membina Bekok Dam kosnya \$136 juta.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari.

*(Soalan No. 4 Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Johari tidak hadir)*

## KAD PENGENALAN—SEMAKAN

**5. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah Suruhanjaya Pilihanraya mengenal dan membezakan Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (Biru) palsu daripada yang tulen, sebab Kad Pengenalan Palsu begitu banyak beredar di negara ini khususnya di Sabah. Apakah langkah-langkah telah diambil untuk memastikan bahawa hanya Rakyat Malaysia jati sahaja berkelayakan didaftar sebagai pengundi dan bukannya orang asing di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, urusan menyemak Kad Pengenalan sama ada palsu atau

bukan, bukanlah terletak di bawah bidang tugas Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai tugas-tugasnya tersendiri sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan dan juga peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan. Tugas menyemak Kad-kad Pengenalan sama ada palsu atau sebaliknya adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara.

Mengenai pendaftaran pemilih, tiada rakyat asing yang telah didaftarkan sedemikian.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa bidang kuasa untuk menyemak Kad-kad Pengenalan supaya dapat menentukan sama ada iaitu palsu atau tidak, adakah Jabatan Pendaftaran Negara melancarkan satu kempen bukan sahaja dalam negeri Sabah, juga di Semenanjung dan Sarawak supaya dapat membolehkan Suruhanjaya Pilihanraya mendaftarkan pengundi-pengundi yang tulen, yang benar-benar warganegara Malaysia dan bukanlah orang-orang yang memegang Kad Pengenalan Biru palsu.

**Dato Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, setakat masa ini untuk suatu exercise secara menyeluruh seluruh negara belum dijalankan.

## MAKTAB PERGURUAN SULTAN IDRIS TANJUNG MALIM— TARAF

**6. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah kedudukan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) sekarang ini. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak menaikkan taraf maktab tersebut sebagai sebuah Universiti Kolej, kalau ya, bila, kiranya tidak, mengapa.

**Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan yang diberikan kepada Maktab Perguruan Sultan Idris ialah kerana ianya merupakan Maktab Perguruan ulung di mana berputiknya tradisi dan tersemainya semangat nasionalism di kalangan orang-orang Melayu yang berpendidikan. Justeru itu, sifat dan tradisi ini akan dipertahankan serta diperkukuhkan ke arah pemupukan semangat kebangsaan yang unggul.

Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim telah dinaikkan tarafnya kepada sebuah institut yang dikenali sebagai Institut Pendidikan Sultan Idris (IPSI) mulai 21hb Februari, 1987. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan hendak meningkatkan mutu pendidikan di negara ini. Dengan kenaikan taraf tersebut, IPSI akan menjalankan kursus Sijil Lanjutan Perguruan dan kursus Diploma Lepas Sijil. Buat masa ini kursus Sijil Asas Perguruan akan diteruskan, tetapi pengambilan baru dalam bulan Julai tahun ini dikurangkan bagi menempatkan calon yang akan mengikuti kursus Sijil Lanjutan Perguruan dan Diploma Lepas Sijil.

IPSI juga mempunyai rancangan untuk mengadakan kursus Diploma Lepas Ijazah dan kursus Ijazah Pendidikan pada masa hadapan, iaitu setelah beberapa masalah teknikal, termasuk soal menyelaraskan kurikulum dengan universiti tempatan, dapat dilaksanakan. Kerjasama universiti tempatan diperlukan oleh kerana sebagai sebuah institut, IPSI belum boleh mengeluarkan ijazahnya sendiri.

Walau bagaimanapun, insya-Allah Kementerian Pelajaran akan terus menjalankan penilaian dari masa ke semasa bagi memastikan kesesuaian institut itu untuk dinaikkan lagi tarafnya sama dengan universiti.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, memandangkan bahawa taraf IPSI boleh dinaikkan, mengapakah ijazah-ijazah dari negeri-negeri luar seperti Taiwan atau India tidak boleh diberi layanan yang sama di mana ijazah mereka diiktirafkan oleh negeri-negeri yang maju seperti Amerika Syarikat atau England, tetapi tidak diberi layanan yang sama di negara kita.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai pengiktirafan ijazah-ijazah luar negeri tidak berbangkit dalam soal ini kerana pertimbangan dibuat adalah oleh Jawatankuasa Profesional dan Jawatankuasa Akademik yang mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengiktirafan Kerajaan sama ada sesuatu jenis ijazah itu layak diberikan pengiktirafan atau tidak. Kita dalam menilai ijazah sesebuah universiti tidak semestinya tunduk kepada apa yang ditetapkan oleh Amerika Syarikat atau Britain. Kita mempunyai syarat-syarat dan keutamaan kita sendiri dan penilaian haruslah dibuat secara bebas oleh universiti dan pihak profesional negara ini.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada soal asal dan terdapat cadangan supaya MPSI ataupun IPSI dinaikkan kepada universiti kolej dan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi taraf IPSI daripada keadaan yang ada sekarang, tetapi saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya maka MPSI (Maktab Perguruan Sultan Idris) ditukarkan nama kepada Institut Perguruan Sultan Idris kerana saya rasa nama adalah penting. Institut bagi saya tidaklah begitu berbeza dengan "maktab" kerana ada kolej ataupun sekolah-sekolah swasta yang bernama

institut seperti Goon Institute, umpamanya. Jadi, soal tukar nama ini, kenapa ditukarkan semata-mata kepada "institut", tidak dengan nama lain. Apakah sebab-sebabnya?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini dikemukakan bersama oleh Jawatankuasa Akademik berkenaan yang melibatkan penyertaan pensyarah-pensyarah universiti dan sarjana-sarjana di samping Persatuan Suluh Budiman iaitu anak-anak lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris. Setelah mendapat persetujuan mereka, maka kita mencadangkan nama institut bagi membezakan tarafnya yang lebih tinggi dibandingkan dengan maktab-maktab perguruan lainnya.

## DASAR PANDANG KE TIMUR

**7. Tuan S. S. Subramaniam** minta Perdana Menteri menyatakan berkaitan dengan dasar "Pandang Ke Timur" dan "Membeli Jepun", bolehkah Kerajaan menerangkan adakah pihak Negeri Jepun membalas budi tersebut dengan membeli Kereta Nasional kita kerana projek ini telah pun dilahirkan dengan kemahiran Negeri Jepun dan jika mereka tidak membeli kereta ini bagaimanakah negara-negara lain akan membeli kereta tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana termaklum, Kerajaan sememangnya telah mengamalkan Dasar Pandang ke Timur, tetapi tidak pula menganjurkan dasar membeli Jepun. Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur untuk mengambil contoh dari negara-negara Timur yang telah maju dalam usaha membangunkan Malaysia. Perkara-perkara yang ditumpukan ialah nilai

dan amalan positif seperti kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan ataupun perniagaan, tekanan terhadap pengurusan yang cekap, daya pengeluaran dan mutu yang tinggi serta peningkatan kecekapan dan sebagainya. Penerapan nilai-nilai yang positif ini dijangka akan dapat menyumbangkan kepada kemajuan negara kita.

Dasar Pandang ke Timur tidak bermakna meminta belas ihsan daripada negara-negara Timur atau memindah tanggungjawab kemajuan negara kita sendiri kepada negara-negara Timur seperti negara Jepun. Tanggungjawab terhadap negara kita adalah tanggungjawab kita dan bukan sesiapa yang lain. Sekiranya daya pengeluaran kita tinggi dan pengeluaran negara kita bermutu, tentu sekali kita mampu bersaing dengan sesiapa juga. Oleh itu, soal Jepun membalas budi dikaitkan dengan pembelian Kereta Nasional adalah tidak berbangkit.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah berkaitan dengan berapakah kereta yang telah dapat dipasarkan di dalam negeri Jepun. Saya ingin dapat tahu sama ada benar Kereta Nasional kita mutunya begitu rendah, tidak boleh dapat dipasarkan dalam negeri Jepun; jika benar apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan kita untuk menaikkan mutu Kereta Nasional kita?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita tidak menjual Proton Saga ke negara Jepun. Tetapi untuk memberi gambaran yang betul, Proton Saga bukanlah satu kereta yang mutunya rendah, sedangkan pada setakat ini kita mempunyai sebanyak 44 negara yang telah memberi petunjuk yang mereka mahu membeli Kereta Nasional ini.

Jadi, soal yang mengatakan bahawa mutu Kereta Nasional Proton Saga ini adalah rendah tidak timbul sama sekali:

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah rupa bentuk pertolongan yang didapati oleh Proton Saga daripada Syarikat Mitsubishi terutama sekali dalam usaha pemasaran dan juga usaha-usaha pemasaran Proton Saga untuk menembusi pasaran di luar negeri. Kalau tidak ada, adakah ini bermakna bahawa dalam perjanjian ulung dahulu Proton Saga ini adalah khas untuk keperluan di Malaysia sahaja ataupun pemasaran di Malaysia sahaja?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang pertama tidak. Yang kedua, strategi untuk memasarkan Proton Saga kerana Proton Saga adalah kepunyaan Malaysia adalah terletak kepada pihak Malaysia yang mempunyai ekuiti yang lebih besar daripada Mitsubishi.

#### **KAD PENGENALAN MERAH KEPADA PENDATANG HARAM INDONESIA**

**8. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar satu kenyataan yang dibuat baru-baru ini oleh Atase Imigresen Kedutaan Besar Indonesia, Encik R. Soebagio bahawa sebilangan besar pendatang haram Indonesia telah mendapat kad pengenalan merah Malaysia, jika sedar, sama ada Kementerian telah mengambil satu pandangan yang serius dan mengarahkan satu siasatan ke dalam masalah itu dijalankan;

(b) sama ada Jabatan Pendaftaran Negara akan mengenalpasti mana-mana kad pengenalan palsu yang dikeluarkan kepada pendatang haram Indonesia, jika ada, berapa banyak kes yang dikenalpasti dan apakah tindakan yang telah diambil; dan

(c) perkembangan siasatan Polis ke dalam pengeluaran kad pengenalan baru kepada pendatang haram oleh sindiket-sindiket tertentu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah membuat siasatan ke atas kenyataan akhbar yang dibuatkan oleh Atase Imigresen, Kedutaan Besar Republik Indonesia dan dari kenyataan itu, terdapat beberapa kes pendatang tanpa izin Indonesia yang telah memperolehi kad-kad pengenalan merah secara palsu. Kes-kes ini sedang disiasat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kad-kad pengenalan merah adalah dikeluarkan kepada mereka yang mendapat taraf penduduk tetap. Mereka itu telah mendapat Permit Masuk dan terdiri daripada pelbagai warganegara asing seperti Indonesia, Sri Lanka, Burma, India, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan juga Eropah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, yang pertama, tentang berapa kad pengenalan merah yang palsu yang telah dikeluarkan kepada pendatang haram Indonesia ini yang telah disita oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Yang kedua, berapakah kad pengenalan merah yang sah yang telah dikeluarkan. Yang ketiga, apakah langkah yang akan diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara untuk



memperketatkan lagi pengeluaran kad pengenalan, memandangkan kepada masalah yang telah berlaku.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pendaftaran Negara tidak pernah mengeluarkan kad walau kad pengenalan merah palsu atau kad pengenalan biru palsu. Apa yang telah terjadi ialah pihak polis telah dapat menangkap dan yang sedang disiasat setakat hari ini ialah 11 kad pengenalan merah dan satu kad pengenalan biru palsu dan ini akan disiasat dengan rapinya. Kemungkinan ini hanya satu pertemuan yang kecil, mungkin lebih banyak lagi berikutan dari siasatan daripada pihak polis.

Tentang jumlah kad pengenalan merah yang telah dikeluarkan setakat ini ialah 330,994 iaitu Semenanjung 278,992, Sabah 28,131 Sarawak 23,821. Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod kad pengenalan merah mengikut negara asal masing-masing, tetapi angka-angka itu dikumpulkan dalam satu kumpulan sahaja iaitu yang mendapat penduduk tetap di Malaysia.

#### **GELARAN KEBESARAN— MENARIK BALIK**

**9. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan bercadang kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja, Gabenor-gabenor supaya melucutkan segala gelaran yang diberi kepada orang-orang yang disabit salah oleh Mahkamah Malaysia untuk menghormati gelaran-gelaran tersebut; jika tidak mengapa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri tidak bercadang memohon kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Tuan-tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri untuk melucutkan gelaran yang telah dianugerahkan oleh kerana kuasa menganugerahkan adalah hak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan juga Tuan-tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri seperti yang tercatat dalam Statut Darjah Kebesaran Negeri masing-masing.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, oleh kerana gelaran Datuk-datuk dan Tan Sri-Tan Sri kepada mereka dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat atau dicadangkan oleh pihak-pihak Kerajaan, oleh kerana itu mungkin Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan lain-lain boleh tarik balik gelaran Datuk-datuk itu. Jadi, itu cadangan daripada Barisan Nasional dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mengapa cadangan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu tidak boleh dilucutkan, bukan dilucutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, iaitu hanya dicadang dilucutkan?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menganugerahkan adalah berlainan dengan cadangan untuk melucutkan kerana cadangan untuk menganugerahkan biasanya dibuat oleh Kerajaan, tetapi untuk melucutkan adalah di atas titik pandang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Tuan-tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri.

**Tuan P. Patto:** Memandangkan bahawa Kerajaan mempunyai hak untuk mencadangkan, saya kira berikutan dengan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, maka apabila Kerajaan membuat cadangan tentulah ada alasan-alasan tertentu supaya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan juga Tuan-tuan Yang Terutama boleh menimbang untuk memberi gelaran-gelaran. Kalau boleh diberi alasan-alasan supaya gelaran-gelaran diberi, mengapakah Kerajaan tidak boleh memberi alasan-alasan juga supaya dilucutkan gelaran-gelaran itu memandangkan di antara mereka telah dibawa ke mahkamah kerana beberapa kes jenayah dan disabitkan kesalahan, umpamanya CBT, tidakkah Kerajaan memikirkan ini juga satu tanggungjawab Kerajaan supaya menjaga nama Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sesuatu kes telah timbul atas seseorang yang telah menerima Darjah Kebesaran daripada pihak Kerajaan itu berlaku, sudah tentulah satu publisiti yang meluas akan disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan dan sudah tentulah akan menarik perhatian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu dan Tuan-tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri. Sudah tentulah, kalau ada titik pandang gelaran mereka itu perlu ditarik balik tak payah atas cadangan Kerajaan pun akan ditarik balik juga.

Saya menarik perhatian misalnya di atas tindakan yang diambil oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Sultan Johor telah pun menarik balik beberapa anugerah kebesaran yang dikeluarkan kepada beberapa orang yang tertentu. Jadi, tak perlulah

atas cadangan Kerajaan sahaja baru ditarik balik.

### **STESEN RADIO SWASTA— PENGUJUDAN**

**10. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kerajaan akan membenarkan stesen-stesen radio swasta ditubuhkan kerana rangkaian radio yang sedia ada terbukti sebagai tidak memuaskan kepada para pendengar-pendengar kerana ia merupakan jentera propaganda Kerajaan. Apakah inilah sebabnya Kerajaan masih belum membentangkan Rang Undang-undang Stesen-stesen Radio Swastanya yang dilaung-laungkan kerana Kerajaan takut jentera propagandanya tidak akan berkesan lagi dengan penubuhan stesen-stesen radio swasta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan berpendapat bahawa penubuhan Stesen Radio Swasta boleh membantu tanggungjawab memberi keterangan dan penerangan kepada orang ramai di samping mewujudkan persaingan sihat dalam industri penyiaran di negara ini. Oleh itu soal melengah-lengahkan tidak timbul sama sekali, sebaliknya Kementerian Penerangan pada masa ini pun sedang mengkaji permohonan-permohonan daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk menubuhkan stesen radio swasta. Walau bagaimanapun, penubuhan dan operasi stesen radio swasta itu nanti perlulah diselaraskan dengan teliti supaya ia menjadi perusahaan yang viable dengan segala maklumat dan keterangan yang diberikan kepada rakyat dan orang ramai adalah bertanggungjawab.

Untuk itu Akta Penyiaran harus diwujudkan lebih dahulu dan pada hari ini Akta itu dalam proses penyusunan

dan penelitian oleh Kementerian Penerangan dengan Jabatan Peguam Negara.

### **DASAR SUKAN NEGARA— PENGUJUDAN INSTITUT SUKAN NEGARA**

**11. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan dalam usaha meningkatkan mutu sukan negara, apakah rancangan segera dan jangka panjang “Dasar Sukan Negara” dan apakah penekanan “DSN” kepada aktiviti kesukanan di sekolah-sekolah dipandang dari segi pengujudatan sebuah Institut Sukan Negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, langkah jangka panjang Kerajaan untuk meningkatkan mutu sukan negara dijangka akan terkandung dalam Dasar Sukan Negara yang sedang disediakan sekarang. Oleh yang demikian, adalah terlalu awal bagi Kementerian ini untuk mengatakan secara terperinci tentang rancangan segera, rancangan jangka panjang ataupun aktiviti sukan dan di sekolah-sekolah dalam hubungannya dengan Institut Sukan Negara.

Walau bagaimanapun, pada masa ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sedang melaksanakan beberapa rancangan yang bertujuan untuk mempertingkatkan mutu sukan negara. Rancangan-rancangan ini adalah seperti berikut:

- (1) memperkemaskan jentera pentadbiran persatuan-persatuan dengan melantik pegawai kerja yang dibayar elaunnya oleh Majlis Sukan Negara dan akan ditempatkan di bawah satu bumbung;

- (2) menyediakan perancangan jangka panjang seperti projek gemilang 1990 yang bertujuan untuk menyediakan Pasukan Negara ke Sukan SEA ke 15 pada tahun 1989 di Kuala Lumpur dan Sukan Asia 1990 di Beijing;
- (3) melaksanakan program untuk memajukan jurulatih melalui skim kejurulatihan kebangsaan;
- (4) mengadakan skim perangsang ahli sukan yang bertujuan untuk membantu atlit menjalani latihan;
- (5) memperkenalkan skim hadiah yang memberikan hadiah wang tunai kepada pemenang-pemenang pingat di peringkat Olimpik, Asia dan Asia Tenggara;
- (6) mewujudkan 3 biasiswa sukan untuk atlit-atlit yang terpilih bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke luar negeri di samping mempertingkatkan prestasi sukan masing-masing; dan
- (7) memperkenalkan skim insurans perlindungan sukan untuk membolehkan atlit dilindungi oleh insurans yang khusus diwujudkan untuk mereka.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan-rancangan jangka panjang pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terhadap jaguh-jaguh sukan dan olahragawan negara supaya kemahiran dan pengalaman mereka dapat dimanfaatkan selain daripada memberi hadiah dan gelaran dalam bentuk jangka pendek?

**Tuan Haji Awang bin Haji Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian akan meminta mereka-mereka ini memberi khidmat ataupun tunjuk ajar kepada bakat-bakat baru di dalam

dunia sukan di negara ini menerusi badan-badan ataupun pertubuhan sukan di seluruh negara.

## PLO—BANTUAN MALAYSIA

**12. Drs Suleiman bin Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah bentuk derma, bantuan atau pertolongan yang Kerajaan Malaysia telah beri kepada Wakil Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) di Malaysia, memandangkan 35,000 orang Pelarian Palestin di Khemah-khemah pelarian di Lebanon telah mengalami kebuluran.

**Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Malaysia terhadap PLO adalah tidak berubah. Malaysia sangatlah bersimpati dengan penderitaan yang dialami oleh rakyat Palestin, oleh sebab itulah Malaysia telah mengambil sikap yang aktif di Pertubuhan Antarabangsa ke arah mencapai penyelesaian.

Dalam rangka ini Malaysia telah memberikan bantuan kepada PLO dalam pelbagai bentuk termasuk moral dan bantuan kebendaan.

Pelarian Palestin telah menghadapi tekanan dari berbagai-bagai pihak di Lebanon. Namun begitu, masalah yang dihadapi oleh pelarian Palestin di Beirut baru-baru ini bukanlah bersabit dengan kekurangan bantuan tetapi disebabkan oleh kepungan yang dikenakan terhadap kawasan perkemahan mereka. Apabila sekatan ini dihapuskan, masalah kekurangan makanan tidak lagi timbul.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah jenis bantuan kebendaan yang

disebutkan tadi yang diberi untuk orang-orang pelarian Palestin?

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang diberi oleh Malaysia kepada PLO adalah terbahagi kepada dua, secara terus atau secara spesifik yang dipohon oleh PLO dari masa ke semasa.

Sebagaimana dimaklumkan menerusi perbincangan di Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam telah diberi berbagai bantuan sama ada menerusi Tabung Solidarity Islam ataupun menerusi sumbangan-sumbangan khusus, setakat ini negara telah memainkan peranan menerusi OIC.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, adakah bantuan-bantuan yang diberi kepada pelarian-pelarian Palestin sama dengan bantuan yang diberi kepada pelarian-pelarian Filipina dan Vietnam. Terimakasih.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, pelarian-pelarian yang asal usulnya dari Vietnam dan pelarian-pelarian yang asal usulnya dari Filipina adalah berbeza daripada tanggapan dan juga pengertian negara kita terhadap PLO.

Pertamanya, ialah dari segi penerangan yang wujud dan juga dari segi keperluan di atas sesuatu bangsa itu lari dari sebuah negara. Soal yang sabit dengan negara Malaysia kita ialah menerusi Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa. Oleh itu peranan Malaysia adalah banyak ditekankan kepada Pertubuhan Negara-negara Islam dan juga pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu secara langsung atau, dengan izin, direct tanah air kita tidak ada memainkan peranan bantuan secara terus.

## PEGAWAI BERSARA BERKHIDMAT SEMULA

**13. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan berapa jumlah pegawai yang telah bersara tetapi diambil berkhidmat semula dengan Kerajaan. Berapakah bilangan mereka mengikut Jabatan atau agensi-agensi Kerajaan yang terlibat. Adakah pengambilan pegawai-pegawai yang telah bersara berkhidmat semula itu menyebabkan bertambahnya bilangan pengangguran di negara kita.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 jumlah pegawai/kakitangan yang telah bersara dan diambil berkhidmat semula ialah 100 orang terdiri daripada:

Kumpulan A	— 19 orang
Kumpulan B	— 32 „
Kumpulan C	— 10 „
Kumpulan D	— 39 „

Kedudukan mereka mengikut Jabatan atau agensi Kerajaan yang terlibat adalah seperti berikut:

Kementerian Pelajaran	— 1 orang
Kementerian Pertanian	— 7 „
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	— 1 „
Kementerian Pengangkutan	— 9 „
Kementerian Pertahanan	— 9 „
Jabatan Perdana Menteri	— 3 „
Kementerian Kebajikan Masyarakat	— 3 „
Pejabat Setiausaha Kerajaan-kerajaan Negeri	— 5 „
Kementerian Kehakiman	— 15 „
Kementerian Kesihatan	— 15 „
Jabatan Telekom	— 9 „
Istana Negara	— 3 „
Jabatan Cetak	— 8 „

Jabatan Penjara	— 6 orang
Kementerian Kerjaya	— 1 „
Jabatan Perkhidmatan Awam (INTAN)	— 4 „
Kementerian Penerangan	— 1 „
Jumlah ..	100

Oleh kerana bilangan pegawai/kakitangan ini adalah kecil, maka ianya tidak menyebabkan berlaku pertambahan bilangan pengangguran di negara ini.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah kriteria atau sebab-sebab tertentu orang-orang yang telah bersara itu diambil balik bekerja?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Secara kasar, Tuan Yang di-Pertua, alasan-alasan perlantikan semula pesara adalah berasaskan kepada tiga perkara yang berikut:

- (i) untuk mengisi jawatan yang memerlukan kepakaran di mana perkhidmatan pegawai yang berkenaan itu amat diperlukan;
- (ii) untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan yang sukar diisi; dan
- (iii) atas kehendak Kerajaan sendiri.

## TUNGGAKAN BIL AIR SEMENJAK 1981

**14. Dr V. David** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) mengapakah tunggakan bayaran bil-bil dari tahun 1981 baru dikira sekarang dan pengguna-pengguna diminta membawa resit-tesit untuk membuktikan bayaran mereka. Bukankah

menjadi tanggungjawab oleh JKR dan bukan oleh pengguna-pengguna dalam menyediakan rekod-rekod ini; dan

- (b) bolehkah kejadian seperti ini dianggap sebagai petunjuk kepada rakyat bahawa Jabatan Kerjaraya ini tidak cekap, dan diuruskan oleh orang-orang yang tidak mempunyai sebarang perasaan timbangrasa kepada pengguna-pengguna dan jawatan-jawatan mereka hendaklah diubahsuai untuk menjamin taraf kecekapan yang tinggi.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ditujukan kepada pengguna-pengguna air di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Saya sedar bahawa pengguna-pengguna bekalan air di kawasan tersebut diminta menjelaskan tunggakan bil air sejak tahun 1981. Jabatan Bekalan Air Selangor tidak mengambil tindakan yang tegas sebelum ini kerana tidak mempunyai cukup kakitangan untuk menjalankan tindakan memotong bekalan air ke atas pengguna-pengguna yang tidak menjelaskan bil-bil mereka, dengan demikian pengguna-pengguna air yang tidak menjelaskan bil semakin bertambah. Oleh hal yang demikian, Jabatan Bekalan Air telah memperkenalkan sistem pengeluaran bil secara berkomputer. Pada peringkat awal perjalanan sistem ini menghadapi sedikit masalah, tetapi akhirnya masalah tersebut dapat diatasi.

Melalui sistem ini satu penyata akaun yang mengandungi bil-bil dan pembayarannya sejak tahun 1981 hingga 1985 telah dikeluarkan kepada tiap-tiap pengguna. Pengguna-pengguna tersebut bolehlah

menyemak butir-butir yang dikeluarkan itu dengan Jabatan Bekalan Air.

Bagi mengelakkan beban bayaran oleh pengguna, Jabatan Bekalan Air Selangor bersedia menerima bayaran secara ansuran.

Untuk menjawab soalan (b) daripada Ahli Yang Berhormat, saya suka juga menjelaskan, Jabatan Bekalan Air Selangor telah menjalankan tugasnya pada tahap yang memuaskan dalam keadaan serba kekurangan untuk memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

Saya yakin pegawai-pegawai Jabatan Bekalan Air Selangor akan berusaha lebih gigih lagi untuk meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat khususnya kepada pengguna-pengguna air kawasan Selangor dan juga kawasan Wilayah Persekutuan.

**Dr V. David:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada kata tadi soal pertama ialah Kerajaan tidak ambil kuatkuasa atas dengan izin, consumer, jaminan itu saya boleh terima dan saya ucapkan syabas. Tetapi JKR ada mengatakan kalau tidak bayar diberi amaran, kalau tidak bayar terus semua bil itu dipotong airnya, bolehlah beri keterangan Yang Berhormat?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini iaitu mulai 1957 selepas kemerdekaan, Jabatan Kerjaraya tidak mengambil apa-apa tindakan kepada pengguna-pengguna air ini, walaupun mereka bayar atau tidak bayar, ditukar meter, ditipu—semua perkara ini sudah terjadi dalam Jabatan Bekalan Air.

Daripada tahun 1981 kita telah mengambil tindakan yang tegas, tindakan yang tegas itu ialah kita memeriksa meter, memeriksa bil-bil mereka dan akhir sekali kita dapat tahu

lebih kurang \$80 juta belum dapat dikutip daripada pengguna-pengguna air. Selepas itu barulah kita hantar notis kepada tiap-tiap pengguna, jikalau mereka tidak bayar bil air ini dalam tempoh satu masa yang kita tetapkan, kita ambil tindakan. Walaupun saya suka juga mengambil tindakan di atas beribu-ribu orang, tetapi Tuhan tidak dibenarkan saya sebab tidak ada kakitangan, kakitangan itu yang paling kurang, sebab itu kita mempunyai sedikit masalah dan saya timbulkan perkara ini kepada PSD untuk mendapatkan kakitangan tambahan. Saya berharap di masa hadapan jika kita ada masalah seperti ini hendaklah membuat aduan kepada Jabatan Bekalan Air sebab semua bil telah dikomputer dan kita boleh menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dikatakan bil air itu dibayar atau tidak pun tidak dipotong. Adakah Menteri yang berkenaan itu mengaku ini adalah kecuaiian daripada Menteri sendiri dan kakitangan-kakitangan di Jabatan yang berkenaan. Dan juga, jikalau perkara ini timbul bermaknanya kutipan-kutipan daripada tol-tol inipun ada masalah juga. Tetapi kalau masalah itu timbul 5 atau 10 tahun yang akan datang, barulah cari langkah-langkah untuk memperbaiki. Oleh kerana itu, saya rasa ini adakah Kerajaan mengaku ini ada kecuaiian daripada Menteri sendiri dan kakitangan-kakitangan bagi Jabatannya dan kesalahan yang berlaku oleh Kementerian yang berkenaan itu tidak sepatutnya mengedarkan kesusahan itu kepada pengguna-pengguna di mana pengguna-pengguna tidak akan menyimpan bil-bil selama 5, 6 ataupun 10 tahun.

Adakah Menteri yang berkenaan boleh memberitahu Dewan ini

“parking ticket” Menteri yang berkenaan itu berapa lama dia telah simpan? Jikalau boleh jawab, mungkin rakyat yang terlibat itu boleh dapat diterima.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan berertinya pegawai-pegawai dalam Jabatan Bekalan Air tidak berapa dedicated atau dinamik untuk menjelaskan perkara ini, tetapi dunia ini telah dimodenkan tiap-tiap hari; tahun 1970 selain daripada tahun 1980, tahun 1990 berlain daripada tahun 1980 lagi. Jadi, baru-baru ini sahaja kita terima beberapa banyak peruntukan daripada Kementerian Kewangan untuk memodenkan pentadbiran air kita. Melalui pentadbiran moden itu, kita dapat tahu beberapa ramai orang belum bayar bil air yang mereka gunakan. Jabatan Bekalan Air bukanlah satu jabatan dermawan. Kita suka juga mengikuti dengan keadaan manusia, kita beri air kepada manusia, itu jadi derma, tetapi derma tidak boleh banyak lama, akhir sekali kita boleh rugi lebih, sebab itu juga kita mengambil tindakan. Tindakan itu pun bukanlah kita memotong air itu, kita beri dia amaran, kita menolong kepada mereka untuk mencari akaun-akaun mereka dan akhir sekali selepas kita dapat sejarah mereka dalam bayaran-bayaran air ini, baru sahajalah kita akan memotong air. Memotong air bukan macam memotong elektrik. Memotong air bukan satu perkara telah berlaku tiap-tiap hari dalam Bandar Kuala Lumpur atau di Selangor. Kita lebih menasabah, bukan macam orang lain, fasal punca air ini manusia tidak boleh hidup, tetapi manusia pun mesti ingatkah macam manakah kita dapat punca itu? Kerajaan membelanjakan beberapa juta ringgit untuk mendapat punca itu. Sebab itu, jikalau kita kedua-dua bertanggungjawab, kita tidak menghadapi apa-apa masalah.

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sekiranya pengguna-pengguna air itu tidak dapat menunjukkan bil-bil yang 5 atau 6 tahun dahulu, apakah pendirian Kerajaan terhadap mereka, sama ada mahu potong air merekakah atau macam mana mahu selesaikan perkara ini, oleh kerana bil 5, 6 tahun memang tidak dapat disimpan lagi sungguhpun telah dibayar.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita telah mengemukakan berkenaan dengan bil-bil daripada tahun 1981, banyak diantara pengguna-pengguna kata mereka tidak ada bil dalam tangan mereka. Apabila sahaja kita mengemukakan jikalau mereka tidak menunjukkan bil itu, kita memotong air; semua bil sudah keluar (*Ketawa*). Sekarang ada 5% sahaja. 5% berertinya "extreme case", dengan izin. Itu saya telah mengarahkan kepada Jabatan Bekalan Air Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini tanpa apa-apa masalah, sebab Menteri ini hati banyak baik punya orang (*Ketawa*), dia orang belum tahu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 15 hingga 82 adalah diberi di bawah ini).*

#### **MAJLIS KEBUDAYAAN/MAJLIS BELIA/MAJLIS SUKAN NEGERI**

**4. Dato' Zainal Abidin bin Johari** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah atau rancangan-rancangan yang dibuat bagi menolong Majlis Kebudayaan, Majlis Belia dan Majlis Sukan Negeri.

**Tuan Haji Awang bin Jabar:** Terdapat dua bentuk khidmat yang diberi oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Majlis-majlis Kebudayaan, Majlis Belia dan Majlis Sukan Negeri. Pertama bantuan kewangan; diberi bagi maksud pentadbiran Majlis-majlis berkenaan dan juga bantuan bagi membiayai melaksanakan projek-projek yang dirancang oleh mereka yang dipersetujui oleh Kementerian. Kedua, merupakan bantuan khidmat nasihat, iaitu bagi membantu Majlis-majlis berkenaan merancang dan melaksanakan projek-projek yang sesuai dengan objektif dan kumpulan sasaran masing-masing, sama ada ianya dilaksanakan secara persendirian oleh Majlis tersebut ataupun secara usahasama dengan Kementerian, Majlis Sukan Negara atau JKBS Negeri.

Berhubung dengan Majlis Sukan Negeri, pihak Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri bersetuju melantik seorang Setiausaha Kerja bagi mengujudkan jentera pentadbiran yang lebih berkesan. Elaun Setiausaha Kerja yang dilantik akan dibayar oleh Majlis Sukan Negara Malaysia.

Pihak Kementerian juga sedang menimbangkan satu cadangan Pindaan Kepada Jadual Kedua Akta Majlis Sukan Negara (Akta 29), 1971 yang menjadi sumber undang-undang penubuhan Majlis Sukan Negeri untuk tujuan-tujuan di bawah:

- (i) Memperkemaskan urusan perlantikan Ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa Pengurus dengan tidak perlu mengadakan Mesyuarat Agung.
- (ii) Mengujudkan jentera pentadbiran yang tetap dengan perlantikan pegawai-pegawai/kakitangan yang bertugas sepenuhmasa. Sistem ini sama seperti yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara sekarang.



- (iii) Menubuhkan satu Kumpulan-wang Sukan Negeri dengan menggunakan asas yang ada sekarang iaitu segala sumber kewangan yang diterima dan segala perbelanjaan dimasukkan/dikeluarkan di bawah Kumpulan wang Negeri. Kerajaan bersetuju memberi pelepasan cukai pendapatan terhadap derma-derma yang di keluarkan kepada Tabung Sukan Negeri.

#### **PEJABAT POLIS DAERAH BARAT DAYA PULAU PINANG**

**15. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bila Pejabat Polis Daerah Barat Daya, Pulau Pinang akan diperbesarkan, memandangkan kepada bertambahnya pegawai dan kakitangan sedangkan bangunan yang ada sekarang ini sudah tidak sesuai lagi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Barat Daya, Pulau Pinang tidak dapat diperbesarkan kerana keadaan dan kedudukan tapak yang ada sekarang. Walau bagaimanapun bangunan Ibu Pejabat baru akan didirikan di atas tapak tanah yang sesuai apabila kedudukan kewangan negara mengizinkan.

#### **EKUITI ASING/ PEMGAMBILAN KAKITANGAN**

**16. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir-butir garis panduan pelaburan baru Malaysia khasnya berkenaan penceburan ekuiti asing dan pengambilan kakitangan asing dan menyatakan bagaimana garis panduan baru ini dapat membantu mempertingkatkan iklim pelaburan di Malaysia.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Pelabur-pelabur asing adalah dibenarkan untuk memegang sebarang peringkat ekuiti sehingga 100 peratus jika syarikat tersebut mengeksport atau menjual kepada syarikat-syarikat yang ditempatkan di Zon Perdagangan Bebas (FTZ) dan Gudang Perkilangan Berlesen (LMW) 80% peratus atau lebih daripada keluarannya. Kelonggaran ini diberi tanpa mengira sama ada keluaran-keluaran syarikat tersebut akan menyaingi keluaran-keluaran yang pada masa tersebut telah pun dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar tempatan untuk pasaran tempatan. Pelabur-pelabur tempatan untuk pasaran tempatan. Pelabur-pelabur asing yang permohonannya diterima oleh MIDA dalam jangka-masa 1-10-1986 hingga 31-12-1990 juga dibenarkan untuk memiliki sebarang peringkat ekuiti sehingga 100 peratus tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) hendaklah mengeksport atau menjual kepada syarikat yang ditempatkan di Zon Perdagangan Bebas (FTZ) dan Gudang Perkilangan Berlesen (LMW) 50 peratus atau lebih daripada keluarannya, atau syarikat tersebut mengambil 350 pekerja sepenuh masa yang terdiri daripada rakyat Malaysia dan perlantikan rakyat Malaysia tersebut hendaklah mencerminkan komposisi bangsa di negara ini.
- (b) barang-barang keluaran syarikat tidak berasing dengan barang yang telah pun dikilangkan untuk pasaran tempatan.

Mana-mana syarikat yang mempunyai modal asing lebih daripada US\$2 juta akan dibenarkan secara automatik lima jawatan asing termasuk sekurang-kurangnya satu "Jawatan Penting".

Keterangan lanjut berkaitan dengan butir-butir garispaduan pelaburan ini boleh didapati dari penerbitan bertajuk "Malaysia—Investment in the Manufacturing Sector: Policies, Incentives and Procedures" yang diterbitkan oleh MIDA.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat, mengenai bagaimana garis-garis panduan baru dari segi ekuiti dan pengambilan kakitangan asing ini dapat membantu mempertingkatkan iklim pelaburan di Malaysia. Sukacita dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat dahulunya keberatan untuk melabur di Malaysia disebabkan mereka tidak dapat menguasai syarikat dan mereka tidak pasti tentang kebenaran untuk membawa masuk kakitangan asing yang mahir dalam peringkat permulaan projeknya, sekarang menunjukkan minat untuk melabur di Negara ini. Kelonggaran-kelonggaran yang telah diberi ini telah dapat memberikan lebih keyakinan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia.

#### NELAYAN PASIR PUTIH— TANGKAPAN

**17. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa sebahagian daripada nelayan Pasir Putih telah bersetuju dan telah mula menjual hasil tangkapan mereka melalui Persatuan Nelayan Kawasan walaupun tidak dikuatkuasakan. Bagi mendorong kesedaran ini adakah Kementerian bercadang:

- (a) membina sebuah jeti pendaratan bagi membantu nelayan-nelayan memunggah hasil tangkapan mereka;
- (b) membina bilik sejuk bagi menyimpan hasil tangkapan yang tidak sempat dijual; dan

- (c) memberi bantuan kewangan berupa geran kepada PNK Semerak yang baru ditubuhkan dalam tahun 1982 bagi menyediakan kemudahan modal dan kemudahan asas di pengkalan seperti tempat simpan minyak, bekalan elektrik dan sebagainya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Saya sedar bahawa nelayan Pasir Putih telah bersetuju dan telah mula menjual hasil tangkapan mereka melalui Persatuan Nelayan Kawasan. Oleh itu bagi mendorong kesedaran ini beberapa langkah telah pun diambil seperti berikut:

- (a) Pihak Kementerian telah pun menyediakan jeti pendaratan di Kuala Sungai Semerak untuk kemudahan bot-bot kecil. Di samping itu juga pihak Kementerian telah pun menyediakan sebuah Kompleks Pendaratan Ikan di Kuala Besut. Kompleks ini adalah sejauh 9.6 km dari Kuala Sungai Semerak dan boleh menampung bot-bot nelayan dari Pasir Putih yang melebihi 30 GRT. Pada masa ini nelayan-nelayan dari kawasan tersebut menggunakan kompleks ini.
- (b) Mengenai bilik sejuk yang dibangkitkan, pihak Kementerian juga telah menyediakan 5 buah bilik sejuk di Kompleks Pendaratan Ikan Besut yang mempunyai kapasiti muatan 10 tan tiap-tiap satu. Kemudahan ini juga boleh digunakan oleh nelayan-nelayan daripada Pasir Putih.
- (c) Pihak Kementerian tidak lagi memberi apa-apa bantuan "grant" kepada mana-mana Persatuan Nelayan termasuk Persatuan Nelayan Kawasan Semerak pada masa ini. Walau bagaimanapun, pinjaman bagi

mengendalikan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan perikanan boleh diperolehi daripada Bank Pertanian seperti kegiatan mengendalikan penjualan minyak disel, air batu dan sebagainya.

### **PENDAPATAN PETANI LUAR BANDAR**

**18. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan petani-petani luar bandar yang kini hidup dalam serba serbi kekurangan.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Kementerian Pertanian memang sedar mengenai kedudukan petani-petani di kawasan luar bandar, dan oleh itu telah memberi tumpuan kepada pembangunan dan peningkatan taraf penghidupan petani-petani di luar bandar dalam merancang segala program-program pertanian. Hampir keseluruhan program-program projek dan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian serta Jabatan/Agensi adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani. Projek-projek penyelidikan, khidmat-khidmat sokongan seperti kredit, pemasaran dan pengembangan adalah bertujuan untuk membolehkan petani-petani mendapatkan pendapatan yang sesuai bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka. Begitu juga melalui kursus-kursus seperti kursus tanaman cendawan akan membolehkan petani-petani mempelbagaikan sumber pendapatan mereka. Di antara langkah-langkah ini Kementerian Pertanian telah melancarkan dua pelan operasi berbentuk setempat bagi meningkatkan pendapatan petani. Pelan operasi ini telah dilancarkan bagi kawasan yang merangkumi Baling, Sik

dan Padang Terap dan satu lagi bagi kawasan Hilir Perak.

Tujuan pelan operasi ini adalah bagi mempergiatkan program pembangunan pertanian di kawasan-kawasan tersebut supaya dapat meninggikan pengeluaran pertanian dan pendapatan serta seterusnya mengurangkan kemiskinan petani-petani melalui strategi pelbagaian pertanian, pemasatan dan pertukaran tanaman kepada yang lebih ekonomik.

Pelan operasi Hilir Perak melibatkan lebih kurang 5,000 petani-petani dan tumpuan diberikan kepada petani-petani yang menerima kurang daripada \$4,500 setahun. Petani-petani di kawasan ini digalakkan menyelingkan kelapa dengan koko dan kelapa sawit dan mengadakan projek ternakan seperti kambing biri-biri dan lebah madu. Di samping itu industri-industri kampung digalakkan sebagai aktiviti sampingan. Di kawasan ini FELCRA melibatkan diri di dalam mengusahakan kelapa sawit.

Pelan operasi di Baling, Sik dan Padang Terap yang melibatkan kira-kira 6,000 petani menggalakkan penanaman kelapa sawit dan getah secara mini estet. Bagi kedua-dua program ini RISDA dan FELCRA memainkan peranan yang utama. Strategi kedua yang terpenting di kawasan ini ialah pelbagaian tanaman dengan menggalakan tanaman buah-buahan, koko Robusta dan koko. Selain daripada itu ternakan dan akuakultur juga digalakkan. Dua lagi pelan-pelan operasi bagi kawasan-kawasan Langkawi dan Labuan adalah di peringkat akhir rancangan dan akan dilaksanakan dalam sedikit masa lagi.

### **TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH**

**19. Tuan Adam bin Abdul Kadir** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, oleh kerana

perlembagaan baharu Filipina telah diterima oleh rakyat Filipina, iaitu dengan sendirinya mengesahkan Kerajaan Presiden Corazon Aquino, apakah pendirian dan langkah-langkah kita terhadap Filipina memandangkan perlembagaan baharu itu masih lagi belum memansuhkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

**54. Tuan Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perkembangan terakhir mengenai tuntutan negara Filipina terhadap negeri Sabah, berikutan dengan kenyataan bekas Presiden negara itu, Presiden Marcos beberapa tahun dahulu dan terisytiharnya perlembagaan baru Filipina oleh Presiden barunya, Puan Aquino baru-baru ini.

18-3-87

**15. Dato' Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan dapatkah Menteri menerangkan tentang perkembangan perundingan mengenai masalah tuntutan Filipina ke atas Sabah. Apakah Yang Berhormat Menteri yakin masalah ini dapat diselesaikan menimbangkan janji-janji pada masa lalu hanya tinggal janji sahaja.

**Dato' Rais Yatim:** Dengan izin, saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan-soalan yang akan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Bernard Giluk Dompok pada hari ini juga dan Yang Berhormat Dato' Mohamed bin Rahmat pada 18hb Mac.

Sebagaimana telah dijelaskan berulang kali di Dewan Yang Mulia ini, tuntutan Filipina ke atas Sabah merupakan masalah yang harus diselesaikan sendiri oleh Kerajaan Filipina.

Walau bagaimanapun kita mengalu-alukan kenyataan-kenyataan dan langkah-langkah yang diambil oleh

Kerajaan Filipina di bawah pimpinan Puan Aquino yang boleh membuka jalan kepada penyelesaian kepada isu ini.

## PENDUDUK TETAP WARGA- NEGARA ASING

**20. Tuan Mandatang bin Morejal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan cara-cara seseorang warganegara asing yang menetap di negara Malaysia untuk memperolehi warganegara Malaysia dan seterusnya kad pengenalan biru.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Seorang warganegara asing yang menetap di Malaysia boleh memohon untuk menjadi penduduk tetap negara ini, jika ia dapat memenuhi kehendak undang-undang Imigresen.

Setelah menjadi penduduk tetap, ia boleh memohon untuk menjadi warganegara Malaysia. Sebelum seorang penduduk tetap itu memohon untuk menjadi warganegara Malaysia, ia dikehendaki mempunyai tempoh pemastautinan seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia. Selain daripada tempoh pemastautinan, ia juga perlu memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan dalam Perlembagaan Malaysia dan undang-undang berkenaan.

Apabila seorang itu menjadi warganegara Malaysia, maka ia boleh membuat permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan biru.

## PEJABAT POS KAMPAR— MENGGANTIKAN

**21. Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina sebuah Pejabat Pos baru untuk menggantikan Pejabat Pos yang lama lagi buruk di Kampar. Jika ya, bilakah

akan dibina, jika tidak, mengapa. Walaupun negara kita sedang menghadapi kemelesetan ekonomi tetapi Kerajaan masih sanggup memikul perbelanjaan projek ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak mempunyai rancangan untuk menggantikan bangunan lama Pejabat Pos Kampar. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak 35 buah bangunan lama akan diganti dengan bangunan baru, termasuk 5 buah di negeri Perak, setelah mengambilkira keperluan dan keutamaannya serta kemampuan kewangan Kerajaan membiayainya.

Walau bagaimanapun, rancangan untuk menggantikan Pejabat Pos Kampar akan diberi pertimbangan sewajarnya dalam rancangan pembangunan akan datang. Sebagai langkah sementara, sebarang kerja mengubahsuai yang diperlukan bagi pejabat-pejabat Pos lama seperti Pejabat Pos Kampar akan dijalankan untuk memperbaiki kemudahan dan keselesaan bekerja.

## NELAYAN MODEN

**22. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar sebahagian besar anak-anak nelayan tidak berminat untuk menjadi nelayan disebabkan oleh pekerjaan (nature of work) itu sendiri dan juga faktor-faktor lain. Jika ya:

- (i) apakah usaha-usaha Kementerian untuk mendorong anak-anak nelayan menjadi nelayan yang lebih moden;
- (ii) apakah rancangan Kementerian untuk memastikan bahawa semasa mereka tidak turun ke laut, mereka mempunyai pekerjaan sambilan yang lain.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Pihak Kementerian sedar bahawa ada sebahagian dari anak-anak nelayan yang tidak berminat untuk menjadi nelayan. Di bawah Rancangan Penempatan Semula Nelayan-nelayan lebih ke sektor lain, Kementerian Pertanian menggalakkan nelayan-nelayan lebih dan anak-anak nelayan yang tidak berminat untuk ke laut, menyertai rancangan-rancangan di sektor pertanian seperti rancangan tanaman tembakau, rancangan pembangunan tanah FELDA, FELCRA, rancangan ternakair, dan juga ke sektor pembinaan dan pembuatan. Untuk memindahkan mereka ke sektor pembinaan dan pembuatan, Kementerian telah mengatur kursus-kursus kemahiran ketukangan dengan kerjasama Kementerian Buruh di Institut Latihan Perindustrian.

Bagi anak-anak nelayan dan nelayan-nelayan yang berminat untuk teruskan usaha-usaha penangkapan ikan, pihak Kementerian Pertanian telah melaksanakan beberapa rancangan pembangunan seperti berikut:

- (i) Bagi mendorong anak-anak nelayan menjadi nelayan yang lebih moden, Kementerian telah mengambil anak-anak nelayan untuk mengikuti kursus dan latihan berasrama dan tidak berasrama di dalam bidang-bidang seperti pelayaran, pengendalian injin, pengendalian ikan, peralatan dan sebagainya yang disediakan oleh Institut Perikanan Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang.
- (ii) Bagi menambahkan pendapatan anak-anak nelayan semasa mereka tidak turun ke laut, Kementerian mengwujudkan beberapa projek. Projek-projek yang dijalankan adalah projek menternak ikan dalam sangkar

dan kolam, pemerosesan hasil-hasil perikanan seperti keropok, belacan dan juga satey ikan. Di samping itu, terdapat juga kursus-kursus bagi meningkatkan kemahiran yang dijalankan, seperti kursus ketukangan, kimpalan, mekanik kereta motor, penyejuk bekuan, Penyaman Udara dan juga memperbaiki radio televisyen. Adalah diharapkan supaya laithan yang diterima itu akan dapat memberi peluang pekerjaan yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada anak-anak nelayan ini.

### BAYI YANG DISELUDUP

**23. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang lebih berkesan oleh Kerajaan untuk mencegah surat beranak bayi-bayi kepada warganegara Malaysia yang meninggal dunia daripada digunakan semula untuk bayi-bayi yang diseludup daripada negara asing digunakan oleh Ibu bapa bukan warganegara Malaysia.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kementerian Dalam Negeri sedar mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Tanjung Karang. Kemungkinan berlakunya perkara yang dimaksudkan itu adalah, dengan izin, "remote". Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian yang serius kepada perkara ini.

### FELDA—PEMBINAAN JALAN

**24. Dato' Dr Afffuddin bin Haji Omar** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah, hasil-hasil yang tercapai daripada perundingan di antara Kementerian Kerjaraya dengan

FELDA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah mengenai pembinaan jalan-jalan di rancangan-rancangan FELDA, adakah jalan-jalan yang dibina dan dirancang mengikut keutamaan-keutamaan yang disarankan di dalam pelan-pelan induk Lembaga Kemajuan Wilayah.

**Dato' S. Samy Vellu:** Perbincangan di antara Kementerian Kerja raya, dan FELDA sentiasa diadakan bertujuan untuk merancang pembinaan jalan-jalan di rancangan-rancangan FELDA. Di dalam perbincangan tersebut pihak FELDA akan mengemukakan keutamaan-keutamaannya dan pihak Jabatan Kerja raya sentiasa membina jalan mengikut senarai keutamaan yang disarankan dalam bentuk induk Lembaga Kemajuan Wilayah.

### JAMBATAN DI PITAS

**25. Tuan Joe Ojihi Supiring** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Jambatan di Sungai Pitas itu dapat dibina.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa sekarang Kerajaan belum ada cadangan untuk membina Jambatan di Pitas, kerana jumlah kenderaan yang melalui jalan tersebut adalah sedikit.

### KOPERASI PENERIMA DEPOSIT—SIASATAN

**26. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan berhubung dengan kertas putih mengenai 24 buah koperasi yang dalam penyiasatan Bank Negara bersabit dengan dakwaan pecah amanah oleh pihak pengurusan Koperasi-koperasi berkenaan, apakah kemajuan setakat ini yang dicapai oleh Bank Negara dalam hal ini. Selain daripada

membawa mereka-mereka yang didapati bersalah ke Mahkamah apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak yang berkenaan untuk menyelamatkan wang deposit yang masih belum dibayar balik. Adakah Kerajaan bercadang untuk membayar gantirugi kepada mereka yang terlibat.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Bank Negara telah melantik institusi-institusi kewangan untuk merangka rancangan penyelamat yang sesuai bagi setiap Koperasi Penerima Deposit. Hasilnya, 11 Koperasi Penerima Deposit telah bersetuju untuk membayar balik deposit sepenuhnya kepada pendeposit-pendeposit mereka. Bagi 13 Koperasi Penerima Deposit yang lain, Bank Negara bersama-sama dengan penerima dan institusi-institusi kewangan, dengan giatnya sedang mengkaji cadangan-cadangan untuk menyelesaikan masalah Koperasi Penerima Deposit berkenaan dengan adil dan menasabah.

Mengenai mereka yang telah didakwa di Mahkamah atas berbagai-bagai kesalahan, aset-aset mereka masih dibekukan di bawah Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan kepada Pendeposit) 1986. Bagi melindungi kepentingan pendeposit-pendeposit, Bank Negara telah berjaya mendapat perintah mahkamah untuk melantik penerima serta juga susunan (ranking) pembayaran balik.

Kerajaan tidak akan membayar pampasan kepada mereka-mereka yang telah menderita akibat daripada pengurusan yang tidak jujur dan penyelewangan dalam koperasi.

#### **PENAGIH DADAH DIPUSAT PEMULIHAN**

**27. Tuan Haji Zubir bin Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan penagih dadah

yang ditahan di Pusat Pemulihan dan keberkesanan Pusat Pemulihan tersebut terhadap pengurangan bilangan penagih-penagih dadah di negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Yang Berhormat, pada suatu jangka masa, 7 buah Pusat Pemulihan Dadah yang sedia ada sekarang boleh menempatkan 2,050 orang pelatih. Buat masa ini seramai 2,132 orang berada di semua Pusat di Semenanjung Malaysia seperti berikut:

Pusat	Muatan	Bil. Pelatih Yang Ada Pada 28-2-87
1. Pusat Serenti Sg. Petani, Kedah.	300	283
2. Pusat Serenti Perlop, Perak.	300	369
3. Pusat Serenti Tampin, Melaka.	500	503
4. Pusat Insaf Diri, Bukit Mertajam Pulau Pinang.	300	334
5. Pusat Insaf Diri, Tampoi Johor.	300	297
6. Pusat Insaf Diri, Besut Terengganu.	300	296
7. Pusat Pasukan Kerja	50	50
	2,050	2,132

Sejak tahun 1975 seramai 14,146 penagih dadah telah menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah. Semasa mereka ini di Pusat, mereka bolehlah dikatakan telah dapat mengikuti segala program-program yang mempunyai unsur-unsur disiplin, agama, vokasional dan lain-lain lagi secara positif. Kementerian berpuashati dengan kejayaan yang dicapai oleh mereka semasa di Pusat. Namun demikian keberkesanan program rawatan dan pemulihan ini bukanlah boleh diukur semasa mereka berada di Pusat akan tetapi ianya boleh dikatakan bermula selepas mereka dibebaskan dari Pusat. Oleh sebab itulah maka Kerajaan telah mengadakan peruntukan di dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang mensyaratkan mereka yang dibebaskan dari Pusat

menjalani program Jagaan Lanjutan selama dua tahun. Dalam tempoh inilah bekas-bekas penagih ini diharap dapat mengikuti program-program ke arah mencapai objektif mengintegrasikan mereka balik ke pangkuan masyarakat.

Sungguhpun pihak Kementerian Dalam Negeri belum ada membuat kajian yang khas tentang "kejayaan" pelatih ini selepas tamat masa Jagaan Lanjutan, tetapi mengikut rekod-rekod yang ada, pelatih yang berjaya menghindarkan diri dari penagihan semula adalah seramai 30% dari mereka yang telah dibebaskan dari Pusat-pusat Pemulihan Dadah.

#### **LEBUHRAYA IPOH— CHANGKAT JERING**

**28. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Hassan** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Lebuhraya Ipoh—Changkat Jering akan dibuka dengan rasmi. Kalau Lambat kenapa, dan sering diketahui sudah banyak orang-orang menggunakannya secara haram dan apakah tindakan yang diambil ke atas mereka.

**Dato' S. Samy Vellu:** Lebuhraya Ipoh—Changkat Jering dijangka akan dibuka pada bulan Julai 1987. Kelambatan adalah disebabkan pengubahsuaian rekabentuk, pembinaan terowong yang kedua dan juga bertambahnya kerja-kerja mengorek batu (rock cut) yang di luar jangkaan).

Bagi mengatasi penggunaan secara haram lebuhraya tersebut, Kerajaan telah menutup semua jalan-jalan masuk ke lebuhraya, dan satu unit peronda telah dihantar ke tempat tersebut untuk memastikan penggunaan secara haram tidak dilakukan. Tindakan akan diambil ke atas mereka yang menggunakan lebuhraya tersebut secara haram.

#### **PENGARAH BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE—DAKWAAN**

**29. Tuan Gerard Math Lee Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai dakwaan bekas Pengarah Bumiputera Malaysia Finance yang telah membabitkan nama orang-orang kenamaan seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bekas Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan dan sama ada sebuah Suruhanjaya Kerajaan akan dibentuk untuk penyiasatan selanjutnya dalam kes Bumiputera Malaysia Finance.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, orang-orang perseorangan yang berkenaan telah pun memberi penjelasan masing-masing di dalam Kertas Putih mengenai Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasatan BMFL yang telah dibentangkan di Dewan ini pada bulan Mac tahun lepas.

Mengenai saraan Ahli Yang Berhormat supaya sebuah Suruhanjaya di Raja ditubuh untuk membuat penyiasatan lanjut atas kes BMF, saya telah pun memberi jawapannya di Dewan ini semasa menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjung dan Bagan pada 9 Mac 1987 yang lalu. Ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa persoalan untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di Raja bagi membuat siasatan lanjut ke atas perkara ini adalah tidak berbangkit.

#### **MENTERI KEHAKIMAN— JAWATAN**

**30. Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa jawatan Menteri Kehakiman masih belum dipenuhi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Jawatan Menteri Kehakiman



disandang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

### CAWANGAN JENAYAH PERDAGANGAN

**31. Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pegawai-pegawai penyiasat di bahagian jenayah komersial (Commercial Crime Division) di Jabatan dan di Kementerian berkenaan mempunyai kepakaran dan pengalaman yang cukup seperti pengalaman dalam bidang korporat untuk menyiasat jenayah-jenayah komersial yang pada masa ini menjadi lebih "sophisticated" selepas penyalahgunaan kuasa oleh pengarah-pegarah koperasi baru-baru ini. Jika ya, apa-apa kepakaran dan pengalaman ini; jika tidak, apakah tindakan-tindakan segera yang diambil oleh Kerajaan supaya pegawai-pegawai yang berpengalaman diambil untuk berkhidmat di bahagian jenayah komersial untuk mengawal dan mencegah jenayah-jenayah komersial.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan memang menyedari peranan Cawangan Jenayah Perdagangan Polis Diraja Malaysia telah begitu ketara dari bertambahnya bilangan kes jenayah-jenayah perdagangan akibat dari pengembangan bidang perdagangan dan perindustrian.

Pada masa ini bilangan pegawai dan kakitangan Cawangan Jenayah Perdagangan ialah 112 orang. Pegawai-pegawai yang ditempatkan di cawangan ini mempunyai kelulusan dalam berbagai-bagai bidang seperti undang-undang, kajian perniagaan, perakaunan, komputer dan ekonomi. Selain dari mempunyai kelayakan asas, pegawai-pegawai di cawangan ini juga diberi latihan dari masa ke semasa supaya mereka mampu menjalankan tugas dengan lebih cekap untuk menyiasat kes-kes komersial yang semakin rumit.

### PERBINCANGAN BANDUAN

**32. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar banyak kes-kes orang tahanan yang sudah lama di dalam penjara yang belum dibicarakan telah menimbulkan masalah-masalah termasuklah nafkah keluarga mereka. Bolehkah Menteri memberitahu apakah langkah-langkah yang boleh dibuat untuk mempercepatkan perbicaraan dijalankan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengeluarkan arahan kepada mahkamah-mahkamah supaya memberi keutamaan terhadap perbicaraan banduan yang sedang menunggu perbicaraan mereka terutama yang menghadapi kes-kes yang berat.

### GURU SANDARAN DI SABAH

**33. Tuan Michael Asang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sedar atau tidak bahawa pengambilan Guru Sandaran tidak terlatih di Sabah menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan pemohon-pemohon tempatan oleh kerana walaupun mereka ini layak, tempat kekosongan yang ada telah dipenuhi oleh orang bukan tempatan. Apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi masalah ini. Megikut sumber-sumber yang boleh dipercayai terdapat pengambilan Guru Sandaran dibuat secara lantikan dan bukan melalui saluran-saluran tertentu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan guru-guru sandaran di Sabah adalah mengikut saluran yang telah ditetapkan dan mengutamakan

anak-anak tempatan, kecuali di kawasan di mana anak-anak tempatan tidak mempunyai kelayakan yang diperlukan; maka kekosongan diisi dengan orang-orang bukan tempatan.

### **PUSAT MAKLUMAT SAINS DAN TEKNOLOGI**

**34. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan bahawa Perdana Menteri ada berkata pada bulan April 1986 sebuah Pusat Maklumat Sains dan Teknologi akan diwujudkan di negara ini, bagaimanakah dengan projek itu sekarang dan apakah ia benar-benar perlu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Pada Maklumat Sains dan Teknologi yang dicadangkan untuk negara ini telah pun diluluskan supaya dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Anggaran perbelanjaan Pusat itu berjumlah \$7.5 juta. Namun demikian, disebabkan kedudukan kewangan negara akibat dari kemelesetan ekonomi, projek ini telah disemak semula pada akhir tahun lepas dan peruntukannya telah ditarik balik dan projek ini dibekukan buat sementara waktu sehingga keadaan ekonomi negara pulih.

Tujuan mengadakan Pusat Maklumat Sains dan Teknologi ini ialah untuk mengumpulkan segala maklumat mengenai sains dan teknologi seperti hasil-hasil kajian dan rekacipta baru supaya maklumat-maklumat yang dikumpulkan itu boleh disampaikan serta digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam sektor awam atau sektor-sektor swasta bagi meningkatkan lagi tahap teknologi dan pembangunan ekonomi negara. Maklumat-maklumat mengenai perkembangan sains dan teknologi yang terkandung dalam

rangkaian maklumat antarabangsa dan penerbitan-penerbitan dari luar negeri atau hasil kajian yang di jalankan oleh institusi-institusi penyelidikan, khasnya dalam negeri, akan mudah didapati. Pada masa ini, maklumat-maklumat yang diperlukan itu terdapat berselerak di institusi-institusi penyelidikan dan tidak ada satu usaha dijalankan bagi mengumpulkan maklumat-maklumat tersebut. Dengan pengumpulan maklumat-maklumat itu, pihak-pihak yang memerlukannya boleh mendapatkan maklumat tersebut dengan cepat, dan adalah diharapkan ianya akan dapat menggalakkan penggunaan maklumat-maklumat itu untuk tujuan pembangunan dengan lebih pesat lagi.

Pusat Maklumat Sains dan Teknologi yang dicadangkan itu akan dapat menyelaraskan dengan lebih baik lagi kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan (atau R & D) dengan cara mengelakkan pertindihan kerja di antara institusi-institusi penyelidikan yang akan menyebabkan perbelanjaan yang berlebihan. Tanpa pertindihan dalam kerja-kerja penyelidikan, institusi-institusi penyelidikan akan dapat menggunakan dengan sepenuhnya keupayaan yang sedia ada dalam bidang masing-masing. Pusat ini juga akan mengawasi kemajuan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam negara. Dengan adanya Pusat Maklumat Sains dan Teknologi, dapatlah ditentukan keupayaan negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan serta ke arah mana yang hendak dicapai.

### **POLICE LANCE CORPORAL YANG MENGAMOK**

**35. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab sebenar atas kejadian police lance corporal yang menjadi amok dan menembak mati 3 orang

konstabal di Semporna, Sabah pada 9-2-1987. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerianannya untuk menghentikan atau mengelakkan kemalangan tersebut berlaku lagi.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan polis menunjukkan kes tersebut adalah disebabkan oleh emosi manusia yang tidak dapat dikawal.

### MINI MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**36. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan membangunkan sebuah Mini Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Pasir Mas bagi menampung pelajar-pelajar di kawasan Kelantan Utara kerana tapak sudah pun dikenalpasti oleh Pejabat Tanah Jajahan Pasir Mas.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Pihak MARA sedang merancang untuk membina 5 buah Mini Maktab Rendah sains MARA (Mini MRSM) di negeri Kelantan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Pada masa ini kajian sedang dibuat untuk mengenalpasti tapak-tapak yang sesuai dari segi rupa bentuk muka bumi dan kemudahan infrastruktur yang sedia ada. Dan jika satu tapak itu dikenalpasti di Pasir Mas MARA akan memberi pertimbangan sewajarnya.

### KAMPUNG-KAMPUNG NELAYAN

**37. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah kampung-kampung nelayan

tersusun yang telah wujud. Namakan tempat-tempat dan jumlah keluarga nelayan yang terlibat.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Setakat ini tiga (3) buah kampung-kampung nelayan tersusun telah diwujudkan. Jumlah keluarga nelayan yang terlibat adalah 312 keluarga dan mereka ini adalah ditempatkan di Tanjung Dawai, Kedah (100 keluarga), Rhu 10, Setiu, Terengganu (112) dan di Kandis, Kelantan (100 keluarga).

### ISU HUKUMAN SEBAT— KENYATAAN

**38. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang sudah diambil oleh pihak polis atas laporan aduan dua orang pelajar daripada Universiti Islam Antarabangsa dan seorang wakil daripada Persatuan Ulama Malaysia pada 24-1-1987 tentang kenyataan bekas Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengenai isu hukuman sebat yang dijatuhkan kepada seorang pemuda berusia 21 tahun di negeri Kelantan pada 21-1-1987 oleh Mahkamah Syariah; apakah garis panduan dan cadangan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian berkaitan dengan hukuman sebat atas pesalah syariah untuk penganut Islam dan yang bukan Islam.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak polis masih menjalankan siasatan ke atas laporan yang dibuat oleh pelajar Universiti Islam Antarabangsa dan wakil Persatuan Ulama Malaysia mengenai isu tersebut.

Sukalah juga saya memaklumkan bahawa Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pihak

Kementerian tidak bercadang mengeluarkan apa-apa cadangan dan garis panduan mengenainya.

### **RUMAH KOS RENDAH— PROGRAM KHAS**

**39. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berkaitan dengan rancangan khas 80,000 unit setahun:

- (a) berapa negerikah yang telah bersetuju memberi tanah kepada Kerajaan Pusat dan jumlah luas tanah yang telah diberikan mengikut negeri-negeri;
- (b) apakah masalah yang dihadapi dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini; dan
- (c) sejauh manakah institusi-institusi kewangan membantu Kerajaan dan swasta di dalam usaha menjayakan rancangan khas 80,000 unit/setahun.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah di dalam program khas perumahan kos rendah adalah dilaksanakan oleh sektor swasta sama ada di tanah mereka sendiri atau di tanah Kerajaan yang dibuat melalui kaedah penswastaan atau usahasama. Di samping program khas ini, Kerajaan juga mempunyai satu program tambahan yang melibatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah oleh Kerajaan Persekutuan di tanah-tanah yang diserahkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Setakat ini, enam negeri telah mengemukakan senarai tanah/tapak berjumlah 645.13 hektar (1,593 ekar) yang dicadang untuk diserahkan kepada Kerajaan

Persekutuan. Negeri-negeri tersebut ialah Perlis, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan.

- (b) Di antara masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Khas Perumahan Kos Rendah adalah seperti berikut:
  - (i) Kelembapan ekonomi menimbulkan keadaan di mana pemaju-pemaju yang telah diberi kelulusan-kelulusan untuk pembangunan perumahan berhati-hati untuk melaksanakan kerana ragu tentang ujudnya permintaan berkesan;
  - (ii) Pemaju-pemaju menghadapi kesulitan mendapat pinjaman dari institusi-institusi kewangan. Di antara sebab-sebabnya ialah keraguan institusi kewangan mengenai keupayaan pemaju-pemaju melaksanakan dengan jayanya projek dan kekurangan pembeli-pembeli; dan
  - (iii) Pemaju-pemaju tidak melaksanakan projek di sebabkan masalah-masalah tapak seperti wujudnya setinggan dan oleh kerana mereka belum memperolehi kelulusan-kelulusan tertentu.

Untuk mengurangkan masalah-masalah di atas, beberapa langkah telah diambil. Baru-baru ini, kadar faedah pinjaman telah diturunkan dan ini dijangka akan menambah permintaan berkesan. Di samping itu, masalah pembiayaan dikesani dengan rapi oleh Bank Negara yang telah mengujudkan Jawatan-kuasa-jawatankuasa Tetap

Mengenai Pembiayaan Perumahan Kos Rendah di peringkat pusat dan di peringkat negeri di mana aduan-aduan mengenai kesulitan mendapat pinjaman diteliti dan langkah tertentu untuk menyelesaikan diambil. Selain dari langkah-langkah ini, jawatankuasa-jawatankuasa yang bertanggungjawab ke atas pengesanan program ini secara keseluruhannya di peringkat Persekutuan dan Negeri sedang mengawasi pelaksanaan program ini dengan lebih berkesan lagi.

- (c) Dalam tempoh 1hb Januari, 1986 hingga 31hb Disember, 1986, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah membuat penglibatan tegas (firm commitments) kepada pembeli-pembeli untuk membiayai pembelian rumah-rumah kos rendah sebanyak \$256.6 juta untuk 14,275 unit.

#### **SURAU DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**40. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa banyak sekolah-sekolah menengah dalam Malaysia yang tidak mempunyai surau/tempat ibadat; sejauh manakah tindakan telah diambil bagi memastikan semua sekolah yang mempunyai murid/guru Islam mempunyai tempat-tempat ibadat. Se jauh manakah langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran bahawa pembangunan fizikal sesebuah sekolah mestilah mengutamakan atau disertai dengan pembinaan surau/tempat ibadat terlebih dahulu.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang

menggalakan semua sekolah-sekolah yang mempunyai ramai murid/guru Islam menyediakan tempat ibadat/surau di sekolah-sekolah. Kebiasaannya sekolah-sekolah tersebut menggunakan bilik-bilik yang tidak digunakan, sebagai tempat ibadat. Pihak Kementerian telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam pembangunan fizikal sesebuah sekolah di mana dalam projek-projek pembinaan sekolah-sekolah menengah baru atau tambahan, dengan Kementerian memastikan bahawa terdapatnya bilik ibadat/surau di semua sekolah menengah yang mempunyai murid/guru Islam.

#### **PERTANIAN BERSEPADU**

**41. Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa konsep pertanian bersepadu masih belum tersebar luas di kalangan petani-petani sendiri walaupun ia adalah satu konsep yang begitu baik dan perlu diterima oleh semua pihak. Saya ingin tahu:

- (a) setakat ini, sejauh manakah usaha-usaha menuju ke arah itu telah dibuat dan sejauh manakah kejayaan;
- (b) apakah pihak Kementerian telah berpuas hati dengan sambutan yang telah diberikan oleh petani, jika tidak, apakah masalahnya.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Untuk makluman Yang Berhormat, konsep Pembangunan Pertanian Bersepadu yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian adalah merupakan integrasi segala usaha dan aktiviti berbagai Jabatan dan Agensi yang terlibat dengan perlaksaaannya untuk menghasilkan satu program tindakan bersepadu ke arah peningkatan pendapatan petani-petani selaras dengan objektif mengurangkan kemiskinan. Pendekatan sebegini

memerlukan supaya usaha-usaha perkhidmatan sokongan dan aktiviti-aktiviti Jabatan/Agensi digembelangkan dan disatukan ke arah pencapaian matlamat yang sama. Jawapan saya selanjutnya kepada soalan Yang Berhormat adalah terhad kepada definasi yang diberikan tadi.

Kementerian saya sedar bahawa konsep pembangunan pertanian bersepadu belum dapat dilaksanakan dengan lebih meluas lagi memandangkan kos bagi mengujutkan satu-satu projek itu melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Setakat ini Kementerian Pertanian telah dan sedang melaksanakan enam belas projek pembangunan pertanian bersepadu yang melibatkan perbelanjaan melebihi \$3,000 juta dan dijangka memberi faedah secara langsung dan tidak langsung kepada seramai 368,200 keluarga tani di seluruh negara. Projek-projek yang telah siap dilaksanakan telah dapat meningkatkan hasil ladang dan pendapatan petani di kawasan berkenaan.

Pada keseluruhannya Kementerian Pertanian berpuashati dengan sambutan yang telah diberi oleh petani-petani terhadap perolek-projek yang dilancarkan di bawah konsep pertanian bersepadu. Walau bagaimanapun, sambutan daripada petani-petani boleh diperingkatkan lagi terutamanya dari segi mendapat kerjasama mereka di dalam pelaksanaan projek-projek pertanian secara kelompok atau mini estet, penanaman mengikut jadual dan pengalaman pertanian seperti yang dinasihatkan oleh pegawai-pegawai pengembangan.

#### **IMPORT BURUH-BURUH ASING—PENGHARAMAN**

**42. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Buruh menyatakan jika pengharaman

pengimportan buruh-buruh asing sebagai tenaga kerja di estet-estet akan dibubarkan, bagaimana pula dengan hajat Kementerian untuk menggalakkan buruh tempatan supaya lebih giat lagi dalam bidang perladangan. Adakah pihak Kementerian sudah berputus asa dalam usaha-usaha untuk menawarkan peluang pekerjaan dalam estet kepada rakyat Malaysia yang menganggur atau telah diberhentikan dari kerja. Jika tidak, bagaimana pula pihak Kementerian menakrifkan tindakannya untuk membenarkan buruh asing bekerja sekali lagi di dalam estet-estet. Apakah maklumat-maklumat yang dapat diberi untuk menyokong dakwaan Kementerian bahawa usahanya menawarkan peluang pekerjaan dalam estet kepada rakyat Malaysia satu kejayaan.

**78. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Buruh menyatakan dalam Oktober 1986. Kementerian telah mengumumkan bahawa pengimportan buruh untuk bekerja di dalam estet-estet diharamkan. Maka dengan pemberian pas-pas sempadan kepada rakyat Indonesia oleh Kementerian Dalam Negeri, adakah pengharaman tersebut masih dipertahankan; jika ya, apakah di antara bidang-bidang ekonomi yang lain yang terbuka kepada buruh-buruh asing ini sebagai mata pencarian mereka. Sudahkah pihak Kementerian menduga serta bersedia untuk menghadapi kesan-kesan yang mungkin timbul ke atas pembekuan lain-lain bidang ekonomi kepada rakyat asing. Jika sudah, apakah di antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan untuk mengesyorkan supaya rezeki rakyat Malaysia sendiri tidak akan terjejas oleh kemasukan orang-orang asing ini. Bagaimanakah pihak Kementerian akan mengesyorkan (selain daripada dakwaan majikan) bahawa buruh-buruh asing ini tidak berjaya mencerobohi ke depan sektor estet.

**Menteri Buruh (Dato' Lee Kim Sai):**

Saya memohon izin untuk menjawab dua soalan sekali gus yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk dijawab pada hari ini, oleh kerana kedua-dua soalan tersebut mempunyai maksud yang hampir sama mengenai kesan kemasukan buruh asing ke atas peluang pekerja tempatan.

Sebenarnya apa yang terjadi mengenai kemasukan buruh asing untuk bekerja di sektor perladangan bukanlah pengharaman tetapi hanyalah penggantungan buat sementara waktu. Di samping itu, pekerja-pekerja tempatan digalakkan sesungguhnya untuk mengisi kekosongan peluang pekerjaan di sektor perladangan yang masih mengalami kekurangan tenaga kerja.

Beralih kepada pemberian pas-pas sempadan pula, kepada pekerja-pekerja Indonesia, saya difahamkan bahawa ia masih di dalam pertimbangan. Mengikut amalan biasa, pas-pas sempadan yang di keluarkan bagi mereka yang tinggal di sempadan untuk membolehkan mereka berulang-alik apabila tenaga kerja diperlukan bagi tempoh yang singkat.

Tertakluk kepada pengalaman dan peninjauan operasi pasar buruh tempatan, Kementerian Buruh tidak ada asas untuk kebimbangan bahawa kemasukan tenaga buruh asing secara teratur di bawah pengawasan kerajaan akan menjejaskan peluang-peluang pekerja di bidang-bidang lain dalam ekonomi negara kita khasnya di sektor perladangan.

Mengenai hasil usaha Kementerian Buruh menawarkan peluang pekerjaan dalam sektor perladangan, pengalaman setakat ini bolehlah dikatakan menggalakkan dan merupakan satu kejayaan. Semenjak Program Brigid Kerja dilancarkan pada awal 1986, setakat ini dari sejumlah 846 orang mencari kerja yang

telah berdaftar di Pejabat Pekerjaan, seramai 380 orang (44.9%) telah menerima tawaran tersebut dan bekerja di ladang. Melalui Skim anjuran bersama Persatuan Perladangan Bersatu Malaysia (UPAM) dan Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat seramai 560 orang pencari kerja telah ditawarkan peluang pekerjaan di Sektor Perladangan di Negeri Perak. Seramai 240 (42.9%) telah menerima tawaran tersebut dan bekerja di ladang.

**KEBAKARAN DI WILAYAH  
PERSEKUTUAN—PERANGKAAAN**

**43. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan kebakaran yang berlaku dalam Wilayah Persekutuan untuk tahun-tahun 1985, 1986 dan sehingga 28-1-1987 dan amaun kerugian yang terlibat;
- (b) bagaimanakah kekuatan Pasukan Pencegah Kebakaran (Bomba) dalam Wilayah Persekutuan; dan
- (c) memandangkan kekerapan berlakunya kejadian kebakaran dalam Wilayah Persekutuan, apakah langkah yang telah diambil setakat ini untuk mempertingkatkan dan memperkemarkan Perkhidmatan Bomba bagi menampung (i) Kebakaran dalam kawasan setinggan; (ii) kebakaran di bangunan-bangunan berbilang tingkat dan (iii) kebakaran di bangunan-bangunan lama.

**Puan Napsiah binti Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini ingin memaklumkan bahawa perangkaan kebakaran bagi

Wilayah Persekutuan untuk tahun-tahun 1985, 1986 dan Januari 1987 adalah seperti berikut:

Tahun	Bil Kebakaran	Anggaran Taksiran Kerugian (\$ juta)	Anggaran Taksiran diselamatkan (\$ juta)
1985	1,131	26.33	74.42
1986	925	25.73	96.93
Jan 1987	97	0.55	3.14
	—	—	—
Jumlah	2,153	52.61	204.49
	—	—	—

(Bagi bulan Februari, perangkaan masih lagi dalam persediaan dan tidak dapat dibentangkan).

Jumlah bilangan anggota bomba yang bertugas di perkhidmatan Bomba Wilayah Persekutuan adalah seramai 403 orang. Terdapat 8 buah balai bomba di seluruh Wilayah Persekutuan dengan 14 buah kereta bertangki (pelbagai jenis), 5 buah kereta bertangga tinggi, 1 buah kereta penyelamat, 1 buah kereta gerakan dan lapan buah kereta sokongan.

Pasukan Bomba di Wilayah Persekutuan sentiasa menjalankan latihan-latihan di kawasan-kawasan setingan, bangunan tinggi dan kawasan-kawasan yang lain supaya anggota bomba dapat bertindak dengan cepat dan berkesan jika berlaku kebakaran. Di samping itu, Jabatan Bomba Malaysia juga telah memberi latihan kepada penduduk di kawasan setingan tentang tindakan yang perlu diambil jika berlaku kebakaran dan membuat persediaan untuk menentang apabila berlaku kebakaran.

Bagi bangunan-bangunan tinggi, Jabatan Bomba telah memberi latihan kepada pengurus-pengurus dan pekerja-pekerja bangunan mengenai langkah yang perlu diambil apabila berlaku kebakaran dan menghadapi

kebakaran kecil, juga menggalak ditubuhkan pasukan atau unit bomba sukarela dan unit kawalan kebakaran.

Semasa minggu kempen mencegah kebakaran dilancarkan Jabatan Bomba telah menganjurkan pertandingan menjaga keselamatan bangunan dan mengedarkan risalah-risalah kepada orang ramai.

Bagi Bangunan-bangunan lama, terdapat sedikit kerumitan untuk menaikkan semula taraf dan memenuhi kehendak-kehendak bomba kerana ia mungkin melibatkan pengubahsuaian rekabentuk bangunan tersebut. Walau bagaimanapun Jabatan Bomba telah menyediakan garis panduan untuk diedarkan kepada Majlis Tempatan sebagai panduan dalam menaikkan semula taraf bangunan lama tersebut secara berperingat-peringkat. Bangunan-bangunan lama tersebut yang menjalankan perniagaan merbahaya dan dirujuk oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada Jabatan Bomba akan dibuat pemeriksaan serta diberikan teguran-teguran sebelum menyokong kelulusan lesen-lesen.

## PILI BOMBA—BILANGAN

**44. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pili bomba dalam Wilayah Persekutuan, bilangan yang dijadikan “anak angkat” dan sejauh mana kejayaan skim anak angkat ini; dan
- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah seperti tekanan air rendah dan kesesakan lalulintas semasa memadamkan api dan apakah rancangan untuk mewujudkan Balai Bomba Mini dalam bandaraya.



**Puan Napsiah binti Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa bilangan pili bomba yang terdapat di seluruh Wilayah Persekutuan ialah berjumlah 8,627 buah. Dari jumlah ini, sebanyak 1,200 buah pili bomba telah pun dijadikan anak angkat. Sambutan yang diterima daripada orang ramai adalah sangat menggalakkan.

Bagi mengatasi masalah tekanan air yang rendah, dimaklumkan bahawa Jabatan Bomba telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Kerja Air untuk memasang pili bomba baru dengan saluran paip besar. Di samping itu, di beberapa kawasan tertentu khususnya kawasan yang mempunyai bangunan tinggi dan risiko tinggi telah dipasang dengan pili bomba saiz besar 8" garis pusat untuk membolehkan bekalan air yang banyak semasa memadam kebakaran. Sehingga sekarang 5 buah pili bomba saiz besar telah dipasang di kawasan Kuala Lumpur.

Kementerian ini sedar tentang kesesakan lalulintas semasa memadam kebakaran. Dalam perkara ini, kerjasama orang ramai dan pengguna jalan raya adalah amat penting. Jabatan Bomba mendapat kerjasama media massa bagi memberi pengumuman supaya orang ramai atau pengguna-pengguna jalan raya memberi bantuan kepada pihak bomba apabila diperlukan. Bila berlaku kebakaran, pihak polis dihubungi untuk memberi bantuan mengawal orang ramai dan lalulintas di tempat kebakaran.

Mengenai pembinaan Balai Bomba Mini di Wilayah Persekutuan, suka saya maklumkan bahawa Kementerian ini sedang membuat kajian untuk mendapatkan kawasan yang sesuai dan strategik. Konsep mewujudkan Balai Bomba Mini atau Balai Bomba Tumpang di bangunan-bangunan tinggi juga sedang dikaji.

## BEKALAN AIR PAIP KEPADA RAKYAT

**45. Dr V. David** minta Menteri Kerjaya menyatakan:

- (a) apakah dasar Kerajaan di atas bekalan air paip kepada semua rakyat Malaysia. Adakah semua rakyat akan mendapat bekalan air dari paip-paip JKR atau tidak dan jika jawapan ini positif, apakah tarikh cadangannya; dan
- (b) apakah sebabnya Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah selalu pilih memilih bila membekalkan air kepada penduduk-penduduk setingan.

**Dato' S. Samy Vellu:**

- (a) Adalah menjadi Dasar Kerajaan bagi membekalkan air bersih kepada semua rakyat Malaysia, dan mengikut perancangan, menjelang tahun 2015 hampir semua rakyat Malaysia akan menikmati bekalan air bersih.
- (b) Untuk pengetahuan dan makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air adalah hak mutlak dan di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri di mana pada amnya dasar Kerajaan-kerajaan Negeri adalah tidak membenarkan bekalan-bekalan air untuk disalurkan ke kawasan-kawasan setingan.

Pihak berkuasa Bekalan Air Negeri mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum bekalan air ke kawasan-kawasan setingan boleh diberi. Keputusan sama ada bekalan air ke kawasan setingan boleh diluluskan atau tidak adalah juga berbeza bagi satu negeri dengan yang lain.

Dalam keadaan bagaimana sekalipun sekiranya sesuatu bekalan air diberikan ke sesuatu kawasan setingan, tindakan tersebut adalah semata-mata berdasarkan sifat perikemanusiaan sahaja.

#### **JALAN HULU SEPETANG— SELAMA**

**46. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Kerjaraya menyatakan benarkah jalan dari Hulu Sepetang ke Selama, Perak telah dinaikkan ke taraf Jalan Persekutuan, sekiranya ya, bilakah jalan itu akan dibesarkan kerana pada masa sekarang jalan itu begitu kecil dan sangat merbahaya kepada lalulintas yang bertambah.

**Dato' S. Samy Vellu:** Kerajaan tidak ada rancangan untuk menaikkan taraf jalan negeri dari Hulu Sepetang ke Selama kepada Jalan Raya Persekutuan oleh sebab jalan ini bukan jalan raya utama.

#### **PELARIAN FILIPINA DI SABAH—KAWALAN**

**47. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada "Task Force VII" sudah dibentuk untuk memperbaiki penyelarasan dan pengawalan pelarian-pelarian di Negeri Sabah; dan
- (b) sejauh manakah "Task Force VII" telah mencapai matlamatnya.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Pada tahun 1986, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memperluaskan bidang tugas Pasukan Petugas VII ini supaya ia juga

dipertanggungjawabkan untuk merangka strategi-strategi dan langkah-langkah yang berkesan bagi maksud menyekat kemasukan pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah. Adalah juga menjadi tugas pasukan ini bersama-sama dengan pihak berkuasa lain bagi menghantar balik pendatang-pendatang tanpa izin Filipina.

Pasukan Petugas VII ini akan mula menjalankan tugasnya di Sabah apabila ianya siap membuat persediaan.

#### **RUMAH SENDIRI**

**48. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian berusaha untuk membawa pembinaan rumah tersendiri di seluruh negara ke mahkamah untuk apa yang dituntut sebagai "cuba sengaja melambatkan dan mengelakkan tanggungjawab menyiapkan projek perumahan". Kalau tidak, mengapa.

**Puan Napsiah binti Omar:** Adalah sukar bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menentukan bahawa projek-projek perumahan yang lambat disiapkan itu disengajakan oleh pemaju untuk mengelakkan tanggungjawab mereka bagi menyiapkan projek. Walau bagaimanapun mengikut jadual E di bawah Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1982 (Peraturan 12 (1)) iaitu Surat Perjanjian Jualbeli seragam mempunyai peruntukan-peruntukan di mana pembeli berhak mendapatkan ganti rugi tertentu sekiranya pemaju gagal menyiapkan rumah dalam tempoh yang ditetapkan. Setakat ini tiada tindakan mahkamah diambil terhadap pemaju yang lambat menyiapkan projek mereka. Walau

bagaimanapun sekiranya pembeli mengadu kepada Kementerian, Kementerian akan mengadakan perundingan dengan kedua-dua pihak untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut seterusnya menyiapkan projek tersebut.

### JALAN LEMAL—RANTAU PANJANG

**49. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah beliau sedar bahawa di sepanjang jalan raya antara Lemal—Rantau Panjang, Kelantan, tidak diletakkan “Kalbot” sebagai saluran air. Ini menyebabkan kawasan di sepanjang jalan tersebut senang dinaiki air bila hujan lebat, dan air bertakung (merosakkan tanaman/hasil-hasil pertanian) kerana tidak ada saluran sehingga berlaku banjir begitu lama setiap tahun di kawasan tersebut.

**Dato’ S. Samy Vellu:** Kerajaan memang sedar keadaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan Kerajaan sedang mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan membina “culvert” di tempat-tempat yang sesuai di sepanjang jalan ini secara langkah jangka pendek. Di samping itu Kerajaan memang ada cadangan untuk mengatasi masalah ini secara jangka panjang apabila kajian lembah sungai golok disiapkan. Satu projek bersepadu akan dilaksanakan, yang mana sistem pengairan dan perparitan akan ditingkatkan lagi dan juga membina benteng pencegah banjir. Dengan terlaksananya projek tersebut dan beberapa projek lagi yang akan dicadangkan dalam kajian lembah sungai golok masalah tersebut akan dapat dikurangkan atau diatasi.

### PROJEK KERANG/ TERNAKAN UDANG

**50. Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah projek ternakan udang, ketam dan kerang yang telah diwujudkan di bawah Kementerian Pertanian. Sejauh manakah kejayaannya setakat ini dalam bentuk penglibatan petani dan nelayan. Berapakah perbelanjaan digunakan dan berapakah keuntungan dalam bentuk kewangan yang telah diperolehi.

**Dato’ Alexander Yu Lung Lee:** Sehingga akhir tahun 1986, LKIM telah melaksanakan sebanyak 10 buah projek kerang dan 1 buah projek ternakan udang tetapi belum pernah menjalankan projek ternakan ketam. Kawasan-kawasan projek serta bilangan penerima faedah adalah seperti berikut:

#### 1. Ternakan Kerang

Kawasan	Penerima Faedah
(i) Sg. Merbok, Kedah	5
(ii) Seberang Prai, Pulau Pinang	108
(iii) Kuala Juru, P. Pinang	5
(iv) P. Aman, P. Pinang	7
(v) Jarum Mas, Perak	33
(vi) K. Selinsing, Perak	26
(vii) Bagan Tiang, Perak	37
(viii) Lekir, Perak ..	37
(ix) Bagan Lipas, Perak	29
(x) Kuala Selangor ..	30
Jumlah ..	317

#### 2. Ternakan Udang

Kawasan	Penerima Faedah
(i) Sg. Merbok, Kedah	15
Jumlah ..	15

Dari segi kewangan pula jumlah modal pelaburan serta keuntungan projek berakhir tahun 1985 ialah seperti berikut:

(i) *Ternakan kerang*

Jumlah pelaburan = \$7,640,000.00  
Keuntungan = \$ 819,768.76  
Terkumpul  
(31/12/85)

(ii) *Ternakan Udang*

Jumlah pelaburan = \$2,300,000.00  
Kerugian terkumpul = \$ 99,320.09  
(31/12/85)

Di samping itu Jabatan Perikanan memberi perkhidmatan teknikal serta latihan kepada mereka yang berminat dalam bidang ini.

### MINORITI ISLAM DI BULGARIA

**51. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah Malaysia dalam usaha memberikan pembelaan kepada kaum MUSLIMIN yang menjadi kaum minoriti di beberapa buah negara seperti Bulgaria, Yugoslavia dan seumpamanya yang menghadapi tekanan dari sudut menjalankan ibadat dan mendidik anak-anak dalam perjalanan agama Islam. Dan nyatakan setakat manakah sambutan daripada anggota OIC mengenai masalah ini.

**Dato' Rais Yatim:** Malaysia turut bersimpati dengan kaum minoriti Islam yang tertindas dan menyokong tindakan yang diambil oleh OIC untuk menegakkan hak-hak mereka dalam bidang-bidang agama, kebudayaan, politik dan ekonomi.

OIC sentiasa memandang berat masalah ini dan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu khususnya mengenai masalah yang dihadapi oleh minoriti Islam di Bulgaria di mana satu jawatankuasa kecil (Contact Group)

telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah ini. Sidang Kemuncak baru ini telah memutuskan supaya "Contact Group" ini meneruskan usaha-usahanya dan melaporkan kepada Persidangan Menteri-menteri Luar OIC yang akan datang.

Mengenai masalah minoriti Islam umumnya, Sidang Kemuncak telah meluluskan supaya Setiausaha Agung mengemukakan cadangan kepada Persidangan Menteri-menteri Luar akan datang untuk menentukan langkah-langkah yang perlu diambil oleh OIC supaya mereka dapat menikmati hak-hak mereka dalam bidang agama, kebudayaan dan lain-lain selaras dengan undang-undang antarabangsa.

### PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM KERJA PENGURUSAN

**52. Tuan James Jimbun Pungga** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kementerian ini untuk meluaskan aktiviti di Sarawak dalam tugas meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera dalam pengambilan pekerja sebagai pengurusan serta memiliki Sektor Perdagangan Negara dan Perusahaan.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam pengambilan pekerja di bidang pengurusan serta pemilikan dalam Sektor Perdagangan dan Perusahaan di Negeri Sarawak, Kementerian ini melalui agensi-agensi di bawahnya seperti LPN, FIMA, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (PPES) dan juga Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan (LPPJ Sarawak)

telah dan akan mengadakan program-program yang bersesuaian dengan objektif bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Sejak LPN beroperasi di Negeri Sarawak pada tahun 1972 rakyat Negeri Sarawak terutamanya Bumiputera telah dilantik menjadi tenaga pekerja bagi berbagai kumpulan berjumlah 153 orang. Seramai 558 orang pula telah menyertai aktiviti perniagaan berkaitan dengan beras seperti Lesen Berat Runcit, Lesen Membeli Padi dan juga Lesen Mengilang Padi. FIMA pun melalui penjualan "franchise" Restoran Fima Rantei yang diusahakan oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak telah memberikan peluang pekerjaan kepada 28 orang rakyat Negeri Sarawak.

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam berbagai bidang perniagaan telah melaksanakan berbagai program. Antaranya adalah melalui skim yang dikenal sebagai Skim Latihan, Skim Pembangunan Kontraktor, Skim Pembangunan Perniagaan Kecil, Skim Rancangan Negeri, Skim Lori, Skim Pemasaran Hasil Tani, Skim Bimbingan Nelayan, Skim Bimbingan Perniagaan, Skim Bantuan Kemudahan Kewangan dan sebagainya. Setakat ini lebih 7,400 orang rakyat Bumiputera Negeri Sarawak telah mendapat kemudahan daripada skim-skim yang disebutkan itu.

Dari segi pemilikan dari Sektor Korporat itu pula, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak telah melaksanakan peranannya sebagai pemegang amanah melalui aktiviti-aktiviti pelaburan dengan menubuhkan syarikat-syarikat anak dan syarikat

bersekutu. Adanya penubuhan-penubuhan syarikat tersebut telah juga memberi peluang pekerjaan kepada lebih 1,059 orang pekerja. Bagi syarikat-syarikat yang ditubuhkan itu pula setelah ianya mendapatkan keuntungan dan apabila usahawan-usahawan Bumiputera mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan pengurusan, ianya akan diserahkan kepada mereka untuk mengendalikan melalui skim yang telah diluluskan. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak juga memberi kemudahan dengan mengadakan ruang-ruang niaga untuk rakyat Negeri Sarawak bagi menjalankan perniagaan. Mereka itu diberi peluang sama ada untuk menyewa atau memiliki ruang-ruang niaga yang dibangunkan itu. Setakat ini seramai 391 orang telah mendapat kemudahan memenuhi ruang niaga berkenaan.

Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) Cawangan Sarawak juga menyumbangkan ke arah penyertaan kaum Bumiputera di Negeri Sarawak melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Ini dibuat melalui memberikan kemudahan pinjaman. Setakat ini sebanyak 141 pinjaman bernilai \$50.04 juta telah diluluskan kepada usahawan-usahawan Bumiputera. BPMB juga telah merancang untuk melaksanakan Skim Kilang Bimbingan di Negeri Sarawak. Skim Kilang Bimbingan ini dijangka akan mula beroperasi menjelang suku tahun ketiga tahun 1988.

Di dalam sektor Pengangkutan pula Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Sarawak melalui pemberian permit-permit kenderaan perniagaan telah dapat melibatkan rakyat Negeri Sarawak dalam aktiviti-aktiviti perdagangan berkaitan dengan pengangkutan. Sehingga tahun 1986, sebanyak 22,933 permit telah dikeluarkan bagi membolehkan

mereka mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti bagi Sektor Pengangkutan Jalan.

Program-program bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera di Negeri Sarawak itu akan terus dijalankan dari semasa ke semasa oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

### **PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU**

**53. Tuan James Jimbun Punga** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah peruntukan yang diberi untuk pembangunan Kampung Baru di bawah Rancangan Malaysia Ke 5 di Sarawak dan Kampung Baru yang mana akan mendapat faedah yang sama bagi peruntukan itu, Jika ada; kalau ada, mengapa.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Mengikut rekod yang ada di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terdapat 452 Kampung Baru yang kesemuanya terletak di Semenanjung Malaysia. Kampung-kampung Baru didefinisi sebagai petempatan-petempatan manusia yang diwujudkan semasa zaman darurat di bawah Rancangan Briggs untuk tujuan memerangi ancaman Komunis di Malaya pada masa itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pembangunan luar bandar, tidak mengira Kampung Baru ataupun Kampung Tradisional sedang diselaraskan dan tumpuan akan diberikan untuk memajukan petempatan-petempatan yang kurang maju. Oleh yang demikian, soalan peruntukan khas bagi pembangunan Kampung Baru di Sarawak tidak timbul sama sekali.

*(Soalan No. 54. Sila lihat jawapan No. 19).*

### **PASPORT MALAYSIA YANG DITAHAN**

**55. Tuan Tieu Sung Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada 108 naskah pasport warganegara-warganegara Malaysia di Sibu telah ditahan oleh pihak polis kerana kes "forgery". Jika ia, sama ada tindakan telah diambil untuk mengeluarkan pasport-pasport baru bagi orang-orang yang berkenaan kerana mereka telah disahkan oleh pihak polis tidak bersalah dan mereka juga didapati cuma mangsa bawah satu amalan atau practice yang diamalkan oleh pihak Imigresen sehingga kes yang tertentu di atas berlaku.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes tersebut adalah berkaitan dengan laporan polis Sibu, Sarawak No. 2781/86 yang dibuat pada 2-10-1986 mengenai cop "China Endorsement" (dengan izin) yang dipalsukan bagi tujuan lawatan ke negeri Cina. Kes ini masih disiasat dan pasport-pasport berkenaan tidak boleh dikembalikan sehingga siasatan mengenainya selesai. Bagaimanapun jika ada pemilik-pemilik pasport berkenaan yang perlu membuat perjalanan ke luar negeri, mereka boleh memohon kepada pihak Imigresen untuk dipertimbangkan.

### **PINJAMAN KERAJAAN MALAYSIA**

**56. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah pinjaman Malaysia perolehi daripada negeri Jepun setakat pada 31-12-86, apakah nisbah pembayaran hutang pinjaman tersebut dan setakat manakah peningkatan matawang Yen mempengaruhi pinjaman Yen Jepun kita, apakah langkah-langkah yang telah diambil

oleh Kerajaan Malaysia dan Jepun untuk melindungi dan membantu perkembangan ekonomi di Malaysia.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Jumlah pinjaman Kerajaan Malaysia yang diambil dalam matawang Yen sehingga 31hb Disember, 1986 ialah Y930.6 billion (M\$119.9 billion), termasuk pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan. Nisbah pembayaran hutang pinjaman tersebut berbanding dengan eksport negara dalam tahun 1986 ialah 2.76%.

Peningkatan nilai Yen sememangnya memberi kesan kepada pinjaman-pinjaman yang diambil dalam matawang tersebut. Dalam tahun 1986 beban bayaran balik pokok telah bertambah sebanyak \$154 juta, manakala bayaran faedah bertambah sebanyak \$258 juta akibat dari kenaikan nilai Yen.

Kerajaan sentiasa berhubung dengan pihak Jepun untuk mencari jalan yang sesuai bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia berikutan kenaikan nilai matawang Yen. Langkah-langkah yang diambil sehingga ini termasuklah:

- (i) Meminta supaya bayaran awal dibuat ke atas pinjaman-pinjaman yang diambil sebelum kenaikan nilai Yen.
- (ii) Meminta supaya Kerajaan Jepun menurunkan kadar faedah dan memberi kelonggaran kepada syarat-syarat pinjaman Official Development Assistance (Bantuan Pembangunan Rasmi).
- (iii) Meminta supaya menukar pinjaman kepada ekuiti bagi pinjaman-pinjaman yang diberi oleh pemegang-pemegang saham Jepun dalam syarikat-syarikat milik Kerajaan.

Baru-baru ini Kerajaan Jepun telah pun menurunkan kadar faedah atas pinjaman Bantuan Pembangunan Rasmi (Official Development Assistance) dari 5% kepada 4%. Di samping itu Kerajaan Jepun telah menyatakan kesediaan mereka untuk terus mengadakan peruntukan bagi membiayai projek-projek pembangunan di negara ini. Kerajaan juga sedang mengambil usaha yang lebih gigih untuk menarik lebih banyak pelaburan Jepun terutamanya perusahaan-perusahaan kecil dan pertengahan yang bercadang memindahkan operasi mereka ke negara lain atas sebab kenaikan nilai Yen.

#### **PENDUDUK SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**57. Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) bilangan penduduk setingan di Wilayah Persekutuan Labuan;
- (b) bilangan penduduk setingan yang terdiri daripada orang tempatan, pelarian Filipina dan pendatang Indonesia; dan
- (c) Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk menempatkan mereka di satu tempat yang sesuai dan meninggikan taraf kehidupan masyarakat setingan di Wilayah Persekutuan Labuan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bilangan penduduk setingan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan adalah seramai 7,962 orang. Daripada jumlah itu, klasifikasi

mereka mengikut kewarganegaraan adalah seperti berikut:

- (i) 230 terdiri daripada rakyat Malaysia;
- (ii) 6,982 terdiri daripada pelarian Filipina; dan
- (iii) 750 terdiri daripada pendatang Indonesia.

Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasi masalah setingan di Labuan. Pada masa ini, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama-sama dengan Majlis Perbandaran Labuan telah mengenalpasti 3 kawasan yang mungkin boleh dihaskan untuk dijadikan sebagai kawasan penempatan setingan. Kawasan-kawasan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Sungai Peduan—seluas 20 ekar
- (ii) Batu Arang—seluas 40 ekar
- (iii) Tiga Pulau Buah—seluas 20 ekar

Kerajaan akan mengkaji bagi memastikan sama ada perlu atau tidak rumah-rumah kos rendah dibina di kawasan-kawasan berkenaan.

Memandangkan komposisi kebanyakan setingan ini adalah terdiri daripada bukan warganegara Malaysia, Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah tertentu yang boleh menjejaskan taraf kehidupan mereka di Labuan. Ini bukan bermakna bahawa Kerajaan bersikap dingin terhadap masalah setingan ini, tetapi Kerajaan lebih bersikap terbuka dalam menghadapi masalah seumpama ini. Perlu saya tegaskan bahawa para setingan ini diberi kebebasan untuk mendapatkan pekerjaan sendiri seperti di kilang-kilang, syarikat swasta dan sebagainya. Ini adalah satu cara untuk mereka memperbaiki taraf kehidupan masing-masing di Labuan.

## PINJAMAN BANK KEPADA PENGUSAHA BUMIPUTERA

**58. Tuan Muhammad Yusof bin Abdul Latiff** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai kemudahan pinjaman Bank kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera. Setakat ini kita dapati ramai pengusaha Bumiputera yang menyatakan rasa tidak puashati kerana sukar untuk mendapat pinjaman bank, termasuk Bank Bumiputera sendiri. Pada masa-masa yang lalu pengurus bank di daerah-daerah diberi kebenaran meluluskan pinjaman segera antara \$5,000 hingga \$20,000 tetapi pada masa sekarang, semua pinjaman terpaksa mendapat kelulusan Ibu Pejabat. Oleh yang demikian, banyaklah pengusaha-pengusaha yang susah untuk meneruskan usaha mereka.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan kemelesetan ekonomi pada masa ini telah menyebabkan secara keseluruhannya kegiatan-kegiatan perniagaan menjadi lembab, terutama kepada peniaga-peniaga Bumiputera. Isu ini telah pun dibangkitkan oleh Bank Negara dengan beberapa buah bank-bank. Institusi-institusi kewangan telah pun diarahkan agar lebih bertimbangrasa dengan pelanggan-pelanggan yang menghadapi masalah di dalam perniagaannya akibat dari kemelesetan ekonomi sekarang. Dalam menyahut seruan ini, institusi-institusi kewangan telah bersetuju untuk lebih bertolak ansur semasa berurusan dengan pelanggan-pelanggan yang perniagaan mereka terjejas akibat dari kemelesetan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera telah bertambah sebanyak 10.4% di dalam tahun 1986 menjadikan 43.3% dari jumlah baru pemberian pinjaman di dalam tahun 1986.



Dalam memproses permohonan untuk mendapatkan pinjaman, pegawai-pegawai bank terpaksa mengikut peraturan-peraturan dalam yang telah dibuat oleh bank bagi mengekalkan kehematan yang tinggi dalam sistem bank (sound banking prudence). Di bawah seksyen 27AA, Akta Bank 1973, seseorang pegawai bank adalah dilarang dari memberikan pinjaman melebihi had yang dibenarkan ke atasnya. Ini untuk mengelakkan dari berlakunya penyalah-gunaan kuasa di dalam memproses pemberian pinjaman. Dengan itu, sekiranya jumlah pinjaman yang dipohon melebihi had yang dibenarkan ke atas seseorang pengurus cawangan, kelulusan perlulah diperolehi dari ibu pejabat. Oleh itu dakwaan bahawa semua pinjaman terpaksa mendapat kelulusan Ibu Pejabat adalah tidak benar.

### **KERETA PROTON SAGA— JUALAN**

**59. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan:

- (a) mengenai kedudukan penjualan Kereta Nasional PROTON SAGA bagi tahun 1984/1985/1986;
- (b) berapa besarkah pasaran yang diharapkan daripada Negara-negara Brunei Darussalam dan Malta; dan
- (c) sejauh manakah kemungkinan Malta akan menjadi pintu masuk eksport Proton Saga ke Negara-negara Eropah.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

- (a) Untuk pengetahuan Yang Berhormat kereta Proton Saga hanya mula dijual pada bulan September, 1985. Bagi tahun

tersebut sejumlah 7,494 yunit telah dijual dan bagi tahun 1986 jualan yang dicapai ialah sebanyak 24,041 yunit.

- (b) Buat permulaan, negara Brunei Darussalam dianggarkan akan membeli sejumlah 100 yunit dan Malta dianggarkan membeli sejumlah 120 yunit. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari tahun mengikut suasana ekonomi negara-negara tersebut.
- (c) Pulau Malta yang terletak di Lautan Mediteranean adalah sebuah pulau peranginan yang dikunjungi pelawat-pelawat atau pelancong-pelancong daripada negara-negara Eropah. Dengan secara tidak langsung, pelancong-pelancong ini akan terdedah kepada kereta PROTON SAGA dan sekembalinya ke negara masing-masing akan membawa bersama potensi kereta Malaysia ini.

### **PROJEK METROLINK**

**60. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan berapakah anggaran kos menjayakan projek "Metrolink" dan sudahkah kajian yang mendalam dan terperinci dijalankan, kerana nampaknya belum apa-apa telah pun berhutang seratus juta. Untuk mengatasi masalah perhubungan awam bagi jangka pendek, tidakkah Kerajaan mengambil tindakan segera bagi mengadakan "Perkhidmatan Bas" dengan cara yang lebih komprehensif, dengan yang demikian akan dapat menjimatkan kos dan menjamin perkhidmatan yang lebih selesa digemari serta sangat-sangat dinantikan.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran kos projek

Metrolink yang dirancang untuk dilaksanakan itu adalah seperti berikut:

Fasa 1	.. ..	\$36 juta
Fasal 2	.. ..	\$29 juta
Fasal 3	.. ..	\$49 juta

Oleh kerana projek ini akan dilaksanakan oleh pihak swasta di bawah dasar penswastaan, pihak swasta yang berkenaan telah pun menjalankan kajian terperinci sebelum mengemukakan cadangan bagi pertimbangan Kerajaan.

Semua perbelanjaan akan dibiayai oleh pihak swasta itu. Sayrikat yang akan melaksanakan projek ini sedang berusaha untuk mendapatkan pinjaman \$100 juta dari sumber-sumber tertentu bagi membiayai projek ini. Pinjaman ini tidak melibatkan Kerajaan.

## PELURU SENJATAPI

**61. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membeli peluru-peluru bagi kegunaan Angkatan Tentera yang kini sudah "life expired";
- (b) jumlah yang telah dibelanjakan untuk membeli peluru-peluru yang selepas diterima untuk kegunaan Angkatan Tentera didapati tidak dapat digunakan langsung ketidaksesuaian;
- (c) sama ada benar pesanan-pesanan yang dibuat untuk pembekalan peluru-peluru sepertimana disebut dalam (b) daripada luar negeri adalah dibuat tanpa pengujian, peluru-peluru itu dengan senjata Tentera kita, jika ya, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab tidak

dilepaskan begitu sahaja kerana yang dibazirkan ialah wang rakyat serta juga memastikan perkara seumpama ini tidak diulangi; dan

- (d) apakah dibuat dengan peluru-peluru senjata seperti disebut dalam (a) dan (b).

**Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Bagi soalan (a) dan (b) anggota dari Ipoh itu suka saya memaklumkan bahawa tidak pernah terjadi kes di mana Angkatan Tentera membeli peluru-peluru yang telah "life expired" ataupun yang tidak dapat digunakan langsung kerana ketidaksuaian. Jika terdapat peluru yang cacat semasa dibekalkan, maka peluru-peluru ini akan diubahsuai atau diganti semula oleh pembekal dengan tidak mengakibatkan sebarang perbelanjaan tambahan kepada Kementerian Pertahanan. Oleh yang demikian dapatlah dikatakan bahawa tidak ada wang awam yang digunakan untuk pembelian peluru-peluru yang telah "life expired" semasa dibeli ataupun yang tidak dapat digunakan langsung.

Bagi soalan (c) suka saya memaklumkan bahawa ujinilai peluru-peluru bergantung kepada kemampuan yang ada. Pengujian biasanya diadakan di dalam negeri menggunakan kemudahan-kemudahan ujian yang ada di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Ujian-ujian yang dilaksanakan di luar negeri adalah bagi ujinilai-ujinilai yang memerlukan kemudahan yang tidak terdapat di dalam Angkatan Tentera seperti ujian "Scabbing" dan "Fragmentation" sedangkan ujian-ujian fungsian seperti "accuracy" dan "compatibility" dilaksanakan di dalam negeri. Ujian-ujian ini adalah mengikut protokol ujian yang telah ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat suka saya nyatakan

di sini iaitu adalah menjadi dasar kita untuk meneliti dan menguji mutu setiap senjata termasuk peluru-peluru di tempat-tempat pengeluaran sebelum ianya diterima untuk kegunaan dalam Angkatan Tentera kita. Oleh yang demikian tidak ada kes-kes di mana pembelian peluru ini telah dibuat tanpa pengujian yang teliti. Oleh itu soal tindakan ke atas pegawai yang bertanggungjawab adalah tidak timbul.

Perkara yang dibangkitkan di dalam soalan (d) juga tidak timbul.

### **KERETA PROTON SAGA— EKSPORT KELUAR NEGERI**

**62. Tuan Douglas Uggah Embas** minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah Kereta Nasional-Proton Saga—telah diekspor keluar negeri dan nama-nama negara yang mengimportnya.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Sehingga 31 Januari 1987 sejumlah 283 buah kereta Proton Saga telah diekspor ke luar negeri seperti berikut:

Brunei	..	..	..	25 unit
New Zealand	..	..	..	167 unit
Bangladesh	..	..	..	51 unit
Malta	..	..	..	40 unit

### **POLIS—ADUAN ATAS SALAHGUNA KUASA**

**63. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu badan bebas bagi menyiasat aduan-aduan yang dibuat terhadap anggota-anggota polis yang menyalahguna kuasa dan keganasan pihak polis oleh kerana amalan sekarang yang dijalankan oleh pihak polis bagi menyiasat aduan-aduan terhadap jabatan mereka sendiri berkemungkinan akan berat sebelah.

### **Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu badan bebas bagi menyiasat aduan-aduan yang dibuat terhadap pegawai dan anggota polis yang menyalahgunakan kuasa serta keganasan kerana amalan, peraturan dan undang-undang yang sedia ada sekarang adalah mencukupi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap laporan polis yang dibuat oleh pengadu terhadap pegawai dan anggota polis yang melakukan penyalahgunaan kuasa serta keganasan akan disiasat dengan teliti dan hasil siasatan diserahkan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan beliau selanjutnya. Sukalah saya tegaskan bahawa Kerajaan tidak teragak-agak untuk mendakwa mana-mana pegawai dan anggota polis yang melanggar mana-mana undang-undang negara ini. Cawangan Tatatertib Polis Diraja Malaysia juga menjalankan siasatan sendiri terhadap tiap-tiap aduan dan tohmahan yang dihadapkan ke atas pegawai dan anggota polis. Jika aduan atau tohmahan itu terbukti, tindakan tegas di bawah peruntukan Perintah-perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980 dan Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai Rendah Polis dan Mata-mata) 1970 akan diambil terhadap pegawai atau anggota yang terlibat.

### **SPORTS TOTO— PENSWASTAAN**

**64. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa tender terbuka tidak dipelawa bagi penswastaan Sports Toto, kriteria dan syarat-syarat dengan mana Sports Toto ditukar menjadi sebuah B&B Enterprise, dan sama ada Sports Toto merupakan satu contoh bagaimana penswastaan boleh disalahgunakan

untuk menguntungkan individu-individu dengan mengorbankan orang awam.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 11 Mac 1987, semasa menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjung.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Sports Toto ditukar menjadi B&B Enterprise, adalah tidak benar. B&B Enterprise hanya membeli 60% saham-saham Sports Toto dan baki sahamnya adalah dimiliki oleh Kerajaan (30%) dan Melewar Corporation (10%).

#### **TIMBALAN PENGARAH IMIGRESEN KELANTAN— TINDAKAN**

**65. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap Timbalan Pengarah Imigresen Kelantan, Haji Abu Bakar Zainal, kerana mengambil bahagian dalam Pemilihan bahagian UMNO; berapakah jumlah pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang telah mengambil bahagian dalam Pemilihan Parti UMNO yang berjalan sekarang bertentangan dengan perintah am dengan memberikan nama dan butir-butir lain serta tindakan yang diambil terhadap mereka.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara penglibatan Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Zainal iaitu Timbalan Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Kelantan (Pegawai Tadbir Am Tingkatan Kanan) dalam pemilihan Ketua UMNO Bahagian Rantau Panjang sedang dalam siasatan oleh Ibu Pejabat Jabatan Imigresen. Setelah mempunyai bukti-bukti yang mencukupi, tindakan tatatertib akan diambil ke atas pegawai berkenaan.

Mengenai jumlah pegawai-pegawai Kanan Kerajaan yang mengambil bahagian dalam pemilihan Parti UMNO yang sedang berjalan, ianya tidak diketahui kerana perkara ini berlaku di peringkat cawangan dan bahagian dalam Parti UMNO dan tidak dilaporkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengikuti perkembangan ini dengan teliti. Setelah mempunyai bukti-bukti cukup, tindakan tatatertib akan diambil ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan.

#### **MEROKOK SEMASA MEMANDU—SEKATAN**

**66. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) alasan-alasan beliau bagi mengenakan sekatan kepada pemandu-pemandu kenderaan bermotor dari merokok ketika memandu; dan
- (b) sama ada beliau sedar merokok ketika memandu sebenarnya mengurangkan berlakunya kemalangan oleh kerana mereka-mereka yang merokok ketika memandu akan sudah tentunya memandu dengan perlahan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman):** Mengikut Ordinan Lalulintas Jalan 1958 peraturan mengenai merokok semasa memandu hanya boleh dikuatkuasakan terhadap pemandu-pemandu atau konduktor kenderaan perkhidmatan awam sahaja.

Buat masa sekarang Kerajaan tidak mempunyai perangkaan atau rujukan Kajian yang membuktikan bahawa jumlah kemalangan akan bertambah

sekiranya pemandu-pemandu  
kenderaan merokok semasa  
memandu.

### WARGANEGARA MALAYSIA MELAWAT CHINA

**67. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah penduduk-penduduk keturunan China dan begitu juga keturunan-keturunan yang lain di Negara Malaysia ini yang telah pergi melawat ke negara China dari tahun 1980 hingga akhir tahun 1986.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan telah meluluskan sebanyak 42,604 permohonan melawat Republik Rakyat China daripada warganegara Malaysia dari tahun 1980 hingga 31/12/86. Permohonan mengikut kaum adalah seperti berikut:

<i>Kaum</i>	<i>Bilangan</i>
Cina .. .. .	41,687 (97.85%)
Bumiputera/Melayu	774 ( 1.82%)
India .. .. .	113 ( 0.26%)
Lain-lain .. ..	30 ( 0.07%)
<b>JUMLAH ..</b>	<b>42,604 100%</b>

### EKSPORT MALAYSIA KE CHINA

**68. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejak ujudnya perdagangan antara Malaysia dan negeri China berapa peratuskah hasil negara kita ini yang telah dieksport ke negara China dan begitu juga dari negara China diimport ke negara Malaysia.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Eksport Malaysia ke negara China pada tahun 1978 berjumlah \$250.8 juta, iaitu 1.5% dari jumlah besar

eksport negara. Pada tahun 1981 jumlahnya turun kepada \$203.1 juta atau 0.7% daripada keseluruhan eksport Malaysia. Akan tetapi mulai tahun 1982 jumlah ini telah meningkat dari setahun ke setahun dan mencapai jumlah \$398.5 juta pada tahun 1985, iaitu merupakan 1% daripada keseluruhan eksport Malaysia. Bagi sebelas (11) bulan pertama tahun 1986, jumlah eksport Malaysia ke negeri China ialah sebanyak \$374.4 juta atau 1.2% daripada keseluruhan eksport Malaysia dalam tempoh tersebut.

Import Malaysia dari Negeri China pula berada di dalam keadaan turun naik. Pada tahun 1978 import Malaysia dari negeri China ialah sebanyak \$508.9 juta iaitu 3.7% daripada jumlah import negara. Pada tahun 1981, jumlahnya ialah \$631.6 juta atau 2.4% daripada keseluruhan import Malaysia dan jumlah ini telah meningkat kepada \$668.4 juta pada tahun 1984. Tetapi jumlah ini menurun dalam tahun 1985 kepada \$621.4 juta iaitu merupakan 2% daripada keseluruhan import Malaysia.

Bagi sebelas (11) bulan pertama tahun 1986 jumlah import dari China meningkat semula kepada \$664.0 juta, iaitu 2.6% daripada keseluruhan import Malaysia bagi tempoh tersebut.

### STESEN RADIO SWASTA

**69. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah Kerajaan akan membenarkan stesen-stesen radio swasta ditubuhkan kerana rangkaian radio yang sedia ada terbukti sebagai tidak memuaskan kepada para pendengar kerana ia merupakan jentera propaganda Kerajaan. Adakah ini sebabnya Kerajaan masih belum membentangkan Rang Undang-undang Stesen-stesen Radio

Swastanya yang dilaung-laungkan kerana Kerajaan takut jentera propagandanya tidak akan berkesan lagi dengan penubuhan Stesen-stesen Radio Swasta.

**Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Kementerian Penerangan berpendapat bahawa penubuhan stesen radio swasta boleh membantu tanggungjawab memberi keterangan Kementerian Penerangan kepada orang ramai di samping mengujudkan persaingan yang sihat dalam industri penyiaran di negara ini. Oleh itu soal melengah-lengahkan tidaklah timbul. Sebaliknya Kementerian Penerangan pada masa ini sedang mengkaji permohonan-permohonan daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk memnubuhkan stesen radio swasta.

Walau bagaimanapun penubuhan dan operasi stesen radio swasta itu nanti perlulah diselaraskan dengan teliti supaya ia menjadi perusahaan yang "viable" dan maklumat dan keterangan-keterangan yang diberikan kepada rakyat dan orang ramai adalah bertanggungjawab. Untuk itu Akta Penyiaran harus diujudkan lebih dulu dan hari ini akta itu dalam proses penyusunan dan penelitian oleh Kementerian Penerangan dengan Jabatan Peguam Negara.

#### **MAKTAB PERGURUAN ISLAM—PEMBINAAN**

**70. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak membina/ menambah Maktab Perguruan Islam daripada yang ada sekarang ini bagi tujuan memberi latihan perguruan kepada guru-guru agama yang tidak terlatih dan juga bakal-bakal guru agama di negara ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Maktab Perguruan Islam yang baru di Bangi Selangor sedang dalam proses pembinaan bagi menggantikan Maktab Perguruan Islam yang menumpang di bangunan Maktab Perguruan Lembah Pantai.

#### **UNIT KHAS POLIS**

**71. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dasar dan matlamat Kementerian Dalam Negeri mengenai penubuhan Unit Tindakan Khas Polis; apakah rancangan masa depan Kerajaan bagi unit tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Unit Tindak Khas Pasukan Polis Diraja telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menentang kumpulan keganasan tempatan dan antarabangsa. Unit ini juga diberi tanggungjawab menjaga keselamatan pembesar negara kita dan juga mana-mana pembesar negara lain yang melawat negara kita. Selain daripada itu Unit ini diberi peranan sampingan iaitu untuk membantu Cawangan Polis yang lain seperti membanteras jenayah khususnya yang berkaitan dengan rompakan bersenjata, membuat serbuan dan menyelamat tebusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekuatan Unit ini semasa ditubuhkan dalam tahun 1975 ialah seramai 141 orang anggota. Memandangkan peranan Unit ini telah bertambah penting khususnya selepas kejadian di Penjara Pudu dan Penjara Kuantan baru-baru ini maka keanggotaan Unit ini telah ditambah 46 orang lagi. Selain dari pertambahan keanggotaan, Unit ini juga diperlengkapkan dengan peralatan-peralatan yang diperlukannya di samping anggota-anggota Unit ini diberi latihan yang mencukupi.

## KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH

**72. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pelajaran menerangkan Kurikulum baru bagi Sekolah Menengah yang dirancang oleh Kementerian Pelajaran dan bagaimana penyelarasan kurikulum baru ini dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan untuk mencapai matlamat perpaduan kaum di negara kita.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Kurikulum yang baru bagi sekolah menengah (KBSM), yang sedang diusahakan sekarang adalah sambungan kepada rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Rancangan KBSM akan memberi penekanan kepada perkembangan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani dan jasmani.

Satu daripada tumpuan khas KBSM ialah pembinaan dan pemupukan semangat kewarganegaraan. Penerapan nilai-nilai sejagat yang merupai nilai-nilai bersama masyarakat Malaysia (shared common values) untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, berfikiran rasional, hormat menghormati, bekerjasama dan bertoleransi akan ditekankan dalam KBSM. Pembinaan dan Pemupukan sikap dan perlakuan ini dapat menyumbang ke arah perpaduan kaum dan negara.

Pemupukan semangat kewarganegaraan akan dibuat secara menyeluruh (totak approach) melalui semua matapelajaran KBSM dan aktiviti ko-kurikulum. Amalan-amalan semangat kewarganegaraan juga akan ditekankan dalam lain-lain aktiviti sekolah seperti acara perhimpunan ramai, gotong-royong dan sebagainya. Untuk mencapai hasrat ini, kerjasama dan sokongan dari semua pihak termasuk ibubapa

dan masyarakat setempat sangat diperlukan.

## KOPERASI PENERIMA DEPOSIT—NAMA PEMINJAM

**73. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada:

- (a) keenggan Bank Negara untuk menyerahkan nama-nama peminjam-peminjam koperasi yang besar adalah kerana pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA yang utama adalah terkandung dalam senarai Laporan Putih yang sengaja;
- (b) apakah kos yang perlu ditanggung oleh tiap-tiap 24 buah Koperasi yang dibekukan akibat menyediakan Laporan Putih, melantik penerima dan perbelanjaan guaman dalam permohonan mahkamah untuk melantik seorang penerima bagi tiap-tiap koperasi; dan
- (c) bilakah ansuran yang kedua akan dibayar balik kepada penyimpan-penyimpan wang koperasi yang dibekukan.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (a) Ahli Yang Berhormat tentu setuju, pengeluaran nama-nama peminjam Koperasi Penerima Deposit hendaklah dibuat dengan ikhlas tanpa niat jahat. Sebelum mengeluarkan nama-nama peminjam berkenaan Bank Negara haruslah memenuhi tanggungjawab moralnya supaya peminjam-peminjam diberi pertimbangan yang wajar untuk membayar balik pinjaman-pinjaman mereka.

Pengeluaran nama-nama ini akan dibuat apabila penerima koperasi pengambilan deposit

telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mendapat balik pinjaman-pinjaman yang tertangguh. Nama-nama peminjam yang gagal membayar balik pinjaman akan diketahui oleh orang ramai apabila tindakan mahkamah diambil bagi mendapat balik pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan. Bank Negara tidak berniat untuk menyembunyikan nama-nama peminjam yang gagal membayar balik pinjaman mereka.

- (b) Kos penyiasatan ke atas 24 koperasi pengambilan deposit adalah ditanggung oleh Bank Negara. Bank Negara belum lagi diminta membayar kos perundangan yang terlibat dengan perlantikan penerima.
- (c) Bagi 10 koperasi pengambilan deposit yang telah mencapai persetujuan dengan institusi-institusi kewangan yang dilantik, pembayaran ansuran yang kedua dan selanjutnya akan dibuat kepada pendeposit-pendeposit mengikut jadual yang telah dipersetujui dalam rancangan penyelamat. Kebanyakan dari mereka akan membuat pembayaran yang seterusnya dalam masa satu tahun selepas pembayaran pertama dibuat. Untuk koperasi pengambilan deposit yang lain, kesemua pihak sedang giat mencari satu penyelesaian yang adil dan munasabah. Apabila perjanjian tercapai, jadual pembayaran balik deposit seterusnya akan diumumkan.

#### **PELABUR ASING—GALAKAN**

**74. Tuan Abdul Ghani bin Othman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimana Malaysia mengambil kesempatan

sepenuhnya ekoran daripada proses deindustrialization yang sedang berlaku dalam ekonomi Amerika, Jepun dan Eropah bersesuaian dengan matlamat mengembangkan sektor industri di negara.

#### **Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:**

Kerajaan memang sedar dan berusaha untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur dari negara-negara maju yang sedang menghadapi kos pengeluaran yang tinggi untuk melabur dalam sektor perkilangan di Malaysia. Kerajaan dengan itu telah mengambil langkah-langkah tertentu seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan galakan pelaburan yang baru di bawah Akta Penggalakan Pelabuhan 1986 dan memperbaiki lagi di bawah Belanjawan 1987.
- (ii) Mengubahsuaikan garis-panduan penyertaan ekuiti pelabur asing dan jawatan asing.
- (iii) Melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dengan mengecualikan Lesen Pengilang kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kumpulan wang pemegang-pemegang saham yang kurang daripada \$2.5 juta dan pekerja kurang daripada 75 orang.
- (iv) Pengurangan kadar Tarif untuk tenaga letrik, panggilan telefon antarabangsa dan telex.
- (v) Menubuhkan “New Investment Fund” dan memperluaskan senarai barangan yang layak untuk sekim Pembayaran Semula Kredit/Eksport.



- (vi) Kerajaan juga akan terus bergiat mengadakan seminar-seminar dalam negeri dan luar negeri bagi menggalakan pelaburan dari negara-negara tersebut di negara ini.

- (iii) 2 orang yang dicalonkan oleh Majlis Mesyuarat; Kerajaan Negeri Selangor; dan
- (iv) 8 orang Ahli Tidak Rasmi.

Ahli-ahli Lembaga Penasihat adalah dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahu dalam warta.

### **LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR**

**75. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kewujudan sebuah Majlis Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah gagal memenuhi harapan semua pihak kerana memainkan peranan yang sangat kecil dan tidak dapat memberi manafaat kepada kepentingan awam. Adakah Menteri bersetuju bahawa semua ketujuh Ahli Parlimen dalam Wilayah Persekutuan hendaklah dijemput menganggotai majlis supaya aduan dan aspirasi rakyat boleh difahami dengan baik oleh para pentadbir Dewan Bandaraya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** mengikut Seksyen 6 (1) Akta Ibu Kota Pesekutuan, 1960, satu badan yang dinamakan "Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur" hendaklah ditubuhkan untuk menasihatkan Datuk Bandar mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Bandaraya dan mengenai apa-apa soal yang dirujukkan kepada Lembaga Penasihat oleh Menteri atau Datuk Bandar.

Mengikut Seksyen 3 (1), Peraturan Ibu Kota Persekutuan (Lembaga Penasihat) 1961, Ahli-ahli Lembaga Penasihat hendaklah terdiri daripada:

- (i) Datuk Bandar;
- (ii) Seorang Ahli Rasmi, iaitu "Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan";

Untuk makluman, sebagai sebuah ibu negara dan juga Bandaraya, Kuala Lumpur memerlukan kepada perancangan pembangunan yang teratur dan rapi. Justeru itu Kerajaan mendapati adalah paling sesuai Ahli-ahli Lembaga Penasihat dianggotai oleh pakar-pakar tertentu yang terdiri daripada bidang perancangan pembangunan bandar, ekonomi, politik dan sosial. Di samping itu, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menghindarkan soal-soal politik dan "politiking" yang boleh mempengaruhi bidang-bidang pengurusan dan pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur.

Sebenarnya saluran-saluran tertentu telah sedia ada bagi menyelesaikan segala aduan rakyat dan masalah-masalah masyarakat menerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diduduki oleh wakil-wakil rakyat, melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga pihak Menteri Wilayah Persekutuan sendiri. Di samping itu, soal Bandaraya Kuala Lumpur adalah merupakan soal nasional, maka Dewan Yang Mulia ini adalah juga merupakan satu forum untuk wakil-wakil rakyat membangkitkan masalah-masalah rakyat.

Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada segala masalah yang dibangkitkan di Dewan Yang Mulia ini berhubung dengan Bandaraya Kuala Lumpur. Oleh hal yang demikian, Kerajaan berpendapat keanggotaan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala

Lumpur yang sedia ujud sekarang ini tidak perlu diubah dan akan dikekalkan.

**SEKOLAH RENDAH JENIS  
KEBANGSAAN (C) TAMAN  
CONNAUGHT, CHERAS**

**76. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sekolah (SRJK (C) di Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur) seperti yang beliau sahkan dalam sidang mesyuarat Dewan Rakyat yang lalu sebagai menjawab soalan saya akan disiapkan pada akhir tahun ini. Adakah tawaran untuk projek sekolah itu telah dikeluarkan. Jika belum, bilakah akan dikeluarkan dan mengapa ianya lewat. Adakah benar bahawa pelan asal sekolah tersebut telah ditukar, sebaliknya akan dibina di atas sebidang tanah di Taman Connaught berkongsi sebahagiannya dengan sebuah sekolah menengah yang akan dibina di atas tapak yang sama.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Jabatan Kerja Raya sedang membuat persediaan untuk menender projek (SRJK (C) Taman Connaught, Cheras, Kuala Lumpur. Tender untuk projek ini dijangka akan dibuka untuk tawaran pada bulan Mei, 1987.

**GURU UTS DI SABAH—  
PENYERAPAN**

**77. Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa guru-guru UTS di Sabah diresapi oleh Kerajaan sebagai kakitangan Kerajaan dengan syarat-syarat bahawa gaji mereka akan dikira semula dan mereka mesti membayar balik sebahagian gaji yang telah diterima pada masa dahulu sedangkan

guru-guru UTS di Sarawak diresapi oleh Kerajaan sebagai kakitangan Kerajaan tanpa syarat-syarat.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua penyerapan ke dalam Perkhidmatan Kerajaan adalah mengikut skim-skim yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Oleh kerana bekas guru-guru UTS ini telah bersetuju menerima opsyen penyerapan yang diberikan kepada mereka mengikut syarat-syarat yang ditetapkan, mereka adalah tertakluk kepada syarat-syarat tersebut.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, tidak terdapat guru-guru UTS di Sarawak.

(Soalan No. 78. Sila lihat jawapan No. 42)

**KOPERASI YANG TERIMA  
SIMPANAN DEPOSIT**

**79. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Koperasi dalam negeri yang terima wang simpanan deposit dan nyatakan nama Koperasi tersebut yang tidak diletak di bawah tanggungan;
- (b) apakah alasan yang diberi oleh sebuah Koperasi yang minta untuk dibekukan seperti dinyatakan dalam Kertas Putih; sila namakan Koperasi tersebut.

**Tuan Loke Yuen Yow:**

- (a) Bilangan Koperasi yang dibenar menerima deposit ialah 38 di Semenanjung Malaysia, 3 di Sabah dan satu di Sarawak. Senarai Koperasi-koperasi yang tidak diletak di bawah tanggungan, adalah seperti berikut:

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd.

2. Bank Kerjasama Pusat Bhd.
3. Bank Persatuan Syarikat Kerjasama Seberang Prai Bhd.
4. Koperasi Pekerja Jaya Bhd.
5. Koperasi Nesa Bhd.
6. Koperasi Belia Maju Berhad.
7. Koperasi Belia Nasional.
8. Koperasi Padu Usaha Bhd.
9. National Land Finance Cooperative Society.
10. Koperasi Pekebun Kecil Kelapa Sawit Johor.
11. Koperasi Jaya Sama Bhd.
12. Koperasi Kuala Kuang Ipoh, Bhd.
13. Koperasi Seri Barat Bhd.
14. Koperasi Talang Kuala Kangsar Bhd.
15. Koperasi Jayadiri Malaysia Bhd.
16. Koperasi Usaha Kita Sabah Bhd.
17. Koperasi Serbaguna Kinabalu Bhd.
18. Sabah Development Finance Cooperative Ltd.
19. Koperasi Serbaguna Miri Bhd.

(b) Dalam Kertas Putih Laporan Mengenai Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit, disebutkan beberapa buah Koperasi Pengambilan Deposit yang minta untuk dibekukan. Alasan-alasan telah diterangkan dalam Kertas Putih itu. Oleh yang demikian, saya tidak dapat menyebut secara khusus koperasi yang manakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

## RUMAH KOS RENDAH— SASARAN

**80. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Perumahan menyatakan pencapaian setakat ini, pembinaan rumah-rumah kos rendah di seluruh negara. Mana negerikah yang target yang ditentukan belum dicapai, apa sebabnya dan bagaimanakah masalah-masalah itu dapat di atasi.

**Puan Napsiah binti Omar:** Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sasaran sebanyak 40,698 unit telah ditetapkan untuk program perumahan awam kos rendah bagi seluruh negara. Sebahagian besar daripada sasaran ini ialah projek sambungan Rancangan Malaysia Keempat. Daripada jumlah ini, sebanyak 19,557 unit telah diluluskan dengan peruntukan kewangan yang ada untuk dilaksanakan.

Sehingga akhir tahun 1986, sebanyak 5,721 unit rumah telah dapat disiapkan di seluruh negara. Pencapaian ini ialah 14.1% daripada sasaran 40,698 unit yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, jika pencapaian diasaskan kepada jumlah unit yang telah diluluskan dengan peruntukan kewangan yang dibekalkan, maka pencapaian program ini ialah sebanyak 29.3%. Baki unit yang lain adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Memandangkan bahawa tahun 1987 adalah merupakan tahun kedua Rancangan Malaysia Kelima, tidak ada satu pun Kerajaan Negeri yang telah berjaya mencapai sasarannya. Adalah terlalu awal untuk menentukan sama ada sasaran yang ditetapkan boleh dicapai atau tidak. Walau bagaimanapun dengan peruntukan kewangan terhadap kesan daripada keadaan ekonomi negara, adalah tidak mungkin pencapaian 100% boleh dicapai.

Bagi menampung kekurangan dalam pembinaan rumah kos rendah di bawah program perumahan awam kos rendah ini, semua Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan program khas perumahan kos rendah di negeri masing-masing. Di bawah program khas ini adalah dijangkakan sebanyak 36,677 unit akan berada di dalam beberapa peringkat pembinaan menjelang bulan Jun tahun ini.

### **JUALAN TIKET LOTERI— KEUNTUNGAN**

**81. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan jumlah keuntungan, jika ada, ke atas penjualan tiket-tiket loteri Lembaga Kebajikan Masyarakat dan sosial dari tahun 1980 hingga ke tahun 1986 mengikut pecahan angka tahunan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Angka-angka pecahan bagi penjualan tiket loteri dan keuntungan bersih bagi tahun 1980 hingga 1986 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah jualan</i>	<i>Keuntungan bersih</i>
	\$	\$
1980 .. ..	65,199,982	16,899,571
1981 .. ..	64,799,982	18,679,835
1982 .. ..	85,499,995	21,621,320
1983 .. ..	92,000,000	24,120,436
1984 .. ..	98,500,000	24,702,851
1985 .. ..	115,500,000	29,749,570
1986 .. ..	139,500,000	36,906,741

Angka-angka yang telah disebutkan tadi adalah berdasarkan kepada akaun-akaun tahunan yang telah diauditkan bagi tahun 1980 hingga 1985. Angka bagi tahun 1986 adalah berdasarkan kepada anggaran sahaja oleh kerana akaun tahunan bagi tahun tersebut belum lagi diauditkan.

### **SEKOLAH BERASRAMA PENUH—PENGAWALAN**

**82. Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar yang Kementeriannya secara tidak langsung telah memburukkan lagi masalah polarisasi kaum di kalangan pemuda-pemuda kita. Ini adalah disebabkan oleh pengambilan semua murid dari hampir satu kaum ke dalam sekolah-sekolah berasrama penuh.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Dasar pengambilan pelajar-pelajar ke Sekolah Berasrama Penuh telah dibuat berdasarkan Dasar Ekonomi Baru, iaitu merapatkan jurang perbezaan antara yang berada dengan yang kurang berada. Oleh yang demikian ramai pelajar-pelajar yang kurang berada terutamanya dari luar bandar telah diberi peluang. Kebetulan pelajar-pelajar ini sebahagian besarnya terdiri dari golongan Bumiputera. Namun demikian, kaum bukan Bumiputera telah diberi kuota sebanyak 5% bagi sekolah berintegrasi dan 10% Sekolah Menengah Sains.

Di antara tujuan Sekolah Berasrama Penuh ialah mengintegrasikan pelajar-pelajar dari semua negeri termasuk pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak di samping mengintegrasikan kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera. Keadaan dalam Sekolah Berasrama Penuh di mana pelajar-pelajar tinggal bersama dalam asrama tidak mungkin menimbulkan polarisasi.

### **RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA—MENARIK BALIK**

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengikut Peraturan Mesyuarat 62 dan

meminta Rang Undang-undang  
Hakcipta 1986 (DR. 27/86)  
ditarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan  
Mohamed Amin bin Haji Daud):**  
Baiklah.

## USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

### TABUNG WANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA

3.36 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya minta Dewan ini mengizinkan saya menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merunding satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu menyalurkan \$30 juta secara "mysterious" kepada satu tabung wang dalam bulan Oktober 1985 untuk meninggikan harga-harga saham yang semenjak ia didedahkan pada hari Sabtu lalu, iaitu 14hb Mac, 1987 oleh Pengurus Besar Kumpulanwang Simpanan Pekerja, Datuk Haji Abdul Rashid Mahmud telah menyebabkan rasa bimbang yang berleluasa di kalangan 4,857,273 pencarum-pencarum yang mempunyai caruman sejumlah \$27,607 juta setakat 31hb Disember, 1986 atas sebab-sebab berikut.

Kemasukan wang KWSP ke dalam pasaran saham adalah bercanggah dengan tujuan Akta KWSP 1951 yang mana KWSP merupakan satu skim penyimpanan wajib untuk memastikan terdapat wang persaraan bagi pencarum-pencarum dan bukan mengambil bahagian dalam urusanniaga-urusanniaga yang penuh dengan risiko dalam pasaran saham yang kesemua ini telah menimbulkan rasa takut di

kalangan pencarum-pencarum tentang keselamatan dan kekukuhan pelaburan KWSP. Urusniaga-urusanniaga seumpama ini adalah tidak sah dari segi undang-undang dan melanggar seksyen 4 Akta KWSP 1951, iaitu bahawa pelaburan-pelaburan sedemikian dibuat tanpa risiko serta memastikan pemulangan yang positif kepada ahli-ahlinya. Ini bukanlah kali pertama berlakunya amalan curang dan penyalahgunaan seperti terbukti oleh rekod yang berikut:

- (a) di mana antara Jun, 1984 dan Mac, 1985 \$12.8 juta telah dilabur dalam 13 kaunter di mana 70% saham-saham tersebut kemudian dijual kepada satu syarikat yang ditubuhkan dengan modal berbayar \$2.00 iaitu MAKUWASA Securities Sdn. Bhd. dengan harga yang jauh rendah daripada harga pasaran dan akibat ini KWSP telah melepaskan peluang untuk memperolehi keuntungan sebanyak \$10 juta;
- (b) di mana setakat 31hb Disember, 1985 \$5.79 juta telah dilabur dalam saham-saham bukan amanah atau, dengan izin, "non-trustee stocks" di mana \$18.86 juta dibuat melalui Panel Pelaburan KWSP dan sebanyak \$31.93 juta melalui Pengurus-pengurus Portfolio;
- (c) di mana \$364.42 juta atau 30% daripada pelaburan-pelaburannya dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham dilaburkan dalam hanya 8 buah syarikat awam dan sebuah anak syarikat. Daripada ini, sebanyak \$269.01 juta atau 52% daripada pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham yang dilaburkan dalam 8

buah syarikat awam itu mengalami kerugian sebanyak \$55.97 juta.

Keengganan Panel Pelaburan KWSP dan Pengurus-pengurus Portfolionya menjelaskan rationale di sebalik urusniaga-urusniaga sedemikian dalam syarikat-syarikat awam tertentu serta menyenaraikan senarai syarikat-syarikat yang disenaraikan di pasaran saham dengan jumlah amaun yang dilaburkan, menyalahi prinsip "accountability" awam.

Dengan alasan yang terakhir, untuk mendapat balik dengan serta merta penyaluran wang \$30 juta secara mysterious itu dengan faedah serta memberhentikan mana-mana skim lain yang wujud atau melarang penyalahgunaan lanjut wang KWSP melalui pasaran saham untuk melindungi kepentingan pencarum-pencarum KWSP dan bukan kepentingan orang-orang yang tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, buat kali yang kedua dalam mesyuarat ini, Tuan Yang di-Pertua telah menerima Pemberitahuan di bawah Peraturan Mesyuarat 18. Kali ini Pemberitahuan itu datangnya daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan diterima oleh Tuan Yang di-Pertua pagi ini. Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah berkenaan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan olehnya sebentar tadi. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak usul itu kecuali ia berpuashati bahawa perkara itu adalah perkara:

- (a) tertentu;
- (b) berkehendakkan disegerakan;

(c) berkenaan dengan kepentingan orang ramai.

Saya telah meneliti perkara ini dan telah diberitahu oleh pihak Kementerian Kewangan bahawa kegiatan KWSP dalam langkah ini adalah diambil sama-sama dengan badan-badan Kerajaan yang lain yang mana semuanya mengikut lunas-lunas badan-badan masing-masing dan bukanlah secara mysterious sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam usulnya itu.

Sebenarnya KWSP menyalurkan \$26 juta dan bukan \$30 juta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam usulnya. Pengendalian pembelian saham-saham ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 4 (2) (e) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 dan tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang.

Pasaran saham sekarang makin pulih. Saham-saham yang dibeli dahulu akan memberi keuntungan dan KWSP akan mengendalikan saham-saham itu untuk faedah dan kebajikan pencarum-pencarum. Walaupun saya bersetuju perkara ini tertentu tetapi dengan alasan-alasan yang dinyatakan tadi, saya berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu disegerakan. Oleh kerana itu, saya menolak usul Yang Berhormat itu.

## RANG UNDANG- UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang lebih baik dalam Undang-undang berhubungan dengan Hakcipta dan bagi perkara-perkara lain yang

berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1985

DAN

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 2) 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,169,564,368 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$23,527,590 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang

pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$1,146,036,778 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut." (13hb Mac, 1987)

*Perbahasan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.45 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya penyokong-penyokong Kerajaan yang telah menjawab sebahagian daripada jahat sangka yang dikemukakan oleh pihak DAP. Saya juga terima kasih kepada penyokong-penyokong Kerajaan yang telah mengutarakan pendapat dan pandangan mereka semasa

membahaskan Perbekalan Tambahan yang telah dibentangkan pada 13hb Mac yang lalu.

Saya tidak bercadang hendak menjawab kesemua pendapat dan pandangan yang telah dibuat demi menjimatkan masa. Saya akan menjawab bagi perkara-perkara yang tertentu sahaja. Walau bagaimanapun bagi perkara-perkara yang tidak saya jawab, percayalah, bahawa semuanya akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kedua-dua perkara berkaitan dengan pembaziran wang awam dengan beberapa projek menjadi "gajah putih" seperti yang dibawaikan oleh seorang Ahli Yang Berhormat, sukaiah saya menyatakan bahawa sebelum sesuatu projek Kerajaan dilaksanakan, perancangan yang rapi dibuat bagi menentukan manfaatnya kepada rakyat dari kesemua aspek. Soal penjimatan wang Kerajaan juga diberi perhatian berat pada setiap masa. Namun begitu peruntukan tambahan masih diperlukan oleh kerana peruntukan asal telah didapati tidak mencukupi disebabkan oleh keperluan yang benar-benar mendesak yang tidak dapat dielakkan. Kerajaan mana pun di dalam dunia ini tidak boleh membuat anggaran keperluan yang 100% tepat, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang. Kerajaan tidak membuat keperluan peruntukan tambahan sewenang-wenangnya tetapi keperluan peruntukan tambahan yang dikemukakan ini telah dibuat apabila Kerajaan mendapati benar-benar perlu dan bukanlah bertujuan membazirkan wang rakyat.

Mengenai penswastan Sports Toto, pelaburan KWSP dan juga isu CCB dan Koperasi, seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, misalnya tentang soal penswastan Sports Toto di mana menurut beliau ianya tidak

dibuat dengan cara tender terbuka dan akibatnya menguntungkan pihak tertentu sahaja dan juga Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan bahawa pelaburan KWSP dalam syer-syer bukan amanah, dengan izin, non-trustee stocks, sukaiah saya memaklumkan bahawa dalam melaksanakan proses penswastan, Kerajaan mempunyai cara-cara tertentu iaitu sama ada Kerajaan merancang sendiri sesuatu syarikat atau perkhidmatan yang hendak diswastakan atau menerima cadangan daripada mana-mana pihak swasta yang berminat untuk mengambilalih sesuatu perkhidmatan atau syarikat daripada Kerajaan.

Dalam kes penswastan Sports Toto, Kerajaan tidak merancangnya, tetapi cadangan tersebut telah dibuat oleh pihak swasta yang tertentu. Oleh kerana cadangan daripada pihak swasta yang berkenaan didapati memuaskan dan ianya selaras dengan salah satu daripada cara-cara penswastan yang ditetapkan oleh Kerajaan, maka Kerajaan telah menerima cadangan penswastan Sports Toto yang berkenaan.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong bahawa penswastan Sports Toto menguntungkan pihak tertentu adalah tidak benar kerana harga saham yang ditetapkan adalah berasaskan kepada kriteria-kriteria biasa dalam penilaian saham. Berhubung dengan pelaburan KWSP dalam syer-syer yang . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia hendak penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa penswastan Sports Toto adalah atas sebab cadangan-cadangan yang di-



ketengahkan kepada Kerajaan yang memuaskan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apa ciri-ciri dan butir-butir yang memuaskan daripada idea dan proses penswastaan Sports Toto yang boleh diterima oleh rakyat? Apakah kos yang dibayar oleh PNB Enterprise dan apakah keuntungan yang didapati oleh Kerajaan yang lebih daripada apa Kerajaan ada menikmati dan khasnya kepada kaum sukan oleh kerana kalau saya tidak silap, Sports Toto sebenarnya ditubuhkan untuk menguntungkan kaum sukan di negara ini dan kenapa ini tidak boleh diswastakan untuk Majlis Sukan Negara? Kenapa butir-butir tidak boleh diberi?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan ini tidak bertentangan dengan ciri-ciri untuk kita menswastakan mana-mana syarikat-syarikat Kerajaan iaitu sama ada atas rancangan Kerajaan sendiri ataupun atas cadangan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak. Barangkali Yang Berhormat dari Tanjong terlewat sedikit. Kalau dia mencadangkan hendak menswastakan Sports Toto ini dahulu, mungkin kita beri kepada dia. Saya tidak dapat memberi harga-harga secara detail kerana kalau itu yang diminta daripada saya, barangkali jawapan ini akan memerlukan masa yang lebih panjang. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Menurut Peraturan Mesyuarat 36 tidak boleh sangka jahat. Saya bangkit bukan oleh kerana saya mahu tawaran Sport Toto, tetapi oleh kerana hak rakyat untuk tahu latarbelakang dan butir-butir mengenai penswastaan Sports Toto. Bukan kepada kepentingan saya sendiri, tetapi kepentingan orang ramai, kepentingan rakyat Malaysia mahu tahu apa yang berlaku. Kalau

tidak diberi apa yang disembunyikan, adakah apa-apa perkara yang kotor, yang korup yang tidak boleh diterangkan dalam Dewan yang mulia ini?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong ini sedikit-sedikit hendak marah. Macam dia sahaja boleh marah kepada orang lain. Dia ingat ini tempat dia hendak berlatih marahkan kitakah? Saya katakan tadi kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mohon dahulu, bukan saya kata dia hendak. Kalau dia memohon dahulu, barangkali kita beri pada dia. Itu sahaja saya katakan. Ini bukan jahat sangka. Kalau saya jahat sangka, saya katakan Yang Berhormat dari Tanjong tidak suka kita beri kepada orang itu, orang ini. Tidak! Saya kata kalau dia mohon dahulu, barangkali kita beri kepada dia. Itu yang saya katakan. Ini bukan jahat sangka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Jangan main-main. Apa mohon dahulu, mahu mohon dahulu, tidak mahu mohon dahulu. Jawab apa latarbelakang, apa syarat-syarat, apa ciri-ciri penswastaan Sports Toto?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Ingat saya mahu main-main dengan diakah, Tuan Yang di-Pertua, dia sahaja boleh tepuk meja. Saya tidak boleh tepukkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Jawab itu.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Suruhlah jawab baik-baik, tepuk, tepuk meja pula. Dia ingat dia punya mejakah di sini. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh cuba?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dia ingat dia apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung semula. Berhubung dengan pelaburan KWSP dalam syer-syer bukan amanah suka saya menjelaskan bahawa sebahagian daripada pelaburan tersebut adalah diwarisi oleh KWSP. Apabila ianya mengambilalih Kumpulanwang-kumpulanwang berkenaan seperti Kumpulanwang Pencen, Lembaga LLN dan Kumpulanwang Pencen Lembaga Pelabuhan Kelang. Sebahagian lagi adalah dilabur sendiri oleh KWSP khususnya dalam saham syarikat-syarikat yang mempunyai potensi yang baik dalam jangka masa panjang seperti MAS dan MIC. Saham-saham ini adalah dilabur hanya setelah mendapat persetujuan Menteri Kewangan seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 4 (2) (e) Akta KWSP 1951.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu-isu CCB dan koperasi, saya tidak bercadang memberi apa-apa jawapan yang khusus memandangkan bahawa beberapa penjelasan telah pun diberi dalam Dewan ini mengenai isu-isu yang sama khususnya ketika menjawab beberapa pertanyaan mulut daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai percanggahan kepentingan sebagai ahli Lembaga Pengarah dalam CCB bagi Akauntan Negara, sebenarnya pinjaman yang diperolehi oleh beliau adalah dari skim pinjaman bagi Ahli Lembaga Pengarah yang sememangnya telah dilaksanakan oleh CCB.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan sama ada dengan tambahan tersebut, yakni berkenaan dengan tunggakan gaji anggota Polis, dengan tambahan ini akan mempertingkatkan prestasi anggota Polis yang berkaitan. Beliau seterusnya memberikan butir-butir ataupun

statistik, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes-kes jenayah, pemilik haram senjatapi dan pendatang-pendatang haram.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan angka-angka yang beliau sebutkan itu adalah mencerminkan kegiatan gigih anggota-anggota Polis dalam usaha mereka membanteras jenayah. Tanpa khidmat dedikasi mereka sudah tentu Ahli Yang Berhormat dari Kepong tidak boleh dapat statistik sedemikian mengenai kes-kes jenayah pemilikan senjatapi.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat bahawa kalau kurang tangkapan dibuat, bukan bererti kurang insiden jenayah. Tetapi ini menunjukkan kurang cekap pihak Polis kerana tidak membuat banyak tangkapan. Maka itu saya berpendapat kalau sekiranya banyak tangkapan yang dibuat oleh Polis, ini menunjukkan pihak Polis sudah bertambah cekap. Soalnya sama ada kecekapan ini timbul selepas sahaja dibayar gaji lebih, itu adalah soalan lain.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:**  
Percanggahan pendatang haram. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, dia minta penjelasan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab sama ada dengan penangkapan yang tambah ini menunjukkan kecekapan, itu menurut bukti apa dan sebagainya. Apakah falsafah yang berdasarkan kepada kenyataan sedemikian? Bukankah ini boleh bermakna ada banyak lagi yang tidak ditangkap dan yang kedua, kebanyakan tangkapan itu tidak menunjukkan kes-kes yang sebenar? Jadi, banyak punca-punca, banyak

sebab-sebab mengenai sesuatu angka tangkapan itu? Bolehkah Yang Berhormat itu menerangkan bagaimana berdasarkan kenyataan, kalau lebih tangkapan menunjukkan kecekapan. Jadi, ini satu sikap yang kurang waras.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Yang Berhormat dari Kepong tahukah makna perkataan "waras", saya hendak tanya dahulu? Saya harap tarik balik perkataan itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Makna saya, kurang menasabah, kurang faham.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, waras bukan makna kurang faham. Saya haraplah kalau tidak tahu makna perkataan yang seperti ini jangan gunakan terus.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya tahu ertinya tetapi saya cakap dari segi konteks saya. Jadi, sintaksis bahasa ini kita hendak menuju kepada konteks. Konteks saya ini dengan cakapan dan kenyataan Yang Berhormat tadi menunjukkan kurang menasabah, kurang lojik dan sebagainya.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Kalau begitu maknanya Yang Berhormat dari Kepong tidak waraslah orangnya.

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat dari Kepong kena belajar bahasa Malaysia lagi. Perkataan yang tepat ialah kurang wajar.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Teruskan Yang Berhormat, Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, sebab dia kawan saya, saya hendak jawab juga apa yang dia tanya tadi. Kalau saya kata banyak tangkapan dibuat dia kata ini tidak menunjukkan kecekapan.

Kalau sekiranya tidak ada tangkapan dia akan mengatakan ini juga tidak cekap. Jadi, apa-apa buat nampaknya semua tidak baik—tangkap tidak betul, tidak tangkap pun tidak betul.

Jadi, saya sekali lagi hendak menegaskan bahawa kalau sekiranya banyak tangkapan yang dibuat, ertinya banyaklah tugas-tugas dan hasil yang dibuat oleh pihak polis.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, pencegahan pendatang haram bukanlah hanya tanggungjawab pasukan Polis sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat sebentar.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta jalan. Boleh beri jalan atau tidak?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Dia tidak tanya saya pun, bercakap terus. Ini pun tidak betul juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia minta jalan, beri atau tidak?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Nanti dulu, tadi belum habis saya bercakap pun, terperanjat saya. Saya lemah jantung. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan sakit jantung selepas dengar pertanyaan saya. Tadi Yang

Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pihak Polis ternyata telah menunjukkan hasil dari tugas mereka dengan membuat banyak tangkapan. Saya hendak meneruskan pertanyaan di situ mengapakah tindakan belum lagi diambil terhadap pemimpin-pemimpin UMNO yang terlibat dalam skandal koperasi seperti rakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Yang Berhormat dari Lembah Pantai di sini masih belum ditangkap, sungguhpun namanya telah disebut dalam kertas putih.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, takkanlah kita mesti tangkap semua orang untuk membuktikan lebih berkesan; tangkap hanya mereka yang bersalah, kalau tidak bersalah, tidak boleh tangkap. Lagi pun soal tangkap menangkap ini soal Polis, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahulah, sebab saya bukan Polis. Kita serahlah kepada Polis untuk menangkap mereka yang bersalah. Kalau bersalah mereka akan tangkaplah, termasuk Ahli Yang Berhormat dari Kota Melakalah. Kalau salah tangkap sahaja, habis. Kalau tidak salah, tidak tangkap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat kena tangkap dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Minta jalan dahulu sebelum cakap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia sudah duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Apa penjelasannya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Mintalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah minta. Boleh atau tidak?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Seperti yang saya sebutkan tadi, sungguhpun kuasa bukan di bawah Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi sebagai seorang Timbalan Menteri Kewangan saya ingat Yang Berhormat juga tahu apakah jenayah, dengan izin, white collar crime, yang dilakukan oleh rakan Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu yang dilakukan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai ini, dan saya ingat dengan nyata seperti yang dilaporkan dalam kertas putih bahawa satu jenayah, jenayah bukan dari "conflict of interest" atau percanggahan kepentingan, tetapi penipuan telah juga disebutkan dalam kertas putih dan sebagai seorang Timbalan Menteri, saya rasa Yang Berhormat tahu sama ada Yang Berhormat dari Lembah Pantai membuat satu kesalahan atau tidak, dan saya harap ia boleh mengambil tindakannya sendiri. Terima kasih.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Ianya ambil tindakan sendiri! Ini susah, kalau hendak tangkap dia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Ini kaitan juga dengan Jabatan Imigresen. Walau bagaimanapun, kegiatan mencegah pendatang haram, tangkapan dan menghantar pulang ke negara asal mereka sedang dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemerhatian yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kepong mengenai Jabatan Penerbangan Awam, sukalah saya menyatakan

bahawa pemerhatian dalam Laporan Ketua Audit Negara telah diambil makluman oleh Jabatan tersebut dan tindakan yang sewajarnya telah diambil dalam menyediakan anggaran hasil kewangan bagi tahun 1985 dan seterusnya dengan lebih realistik lagi. Berkenaan dengan pinjaman Perbendaharaan yang berjumlah \$648.1 juta itu, segala pinjaman yang telah diberi tidaklah boleh ditukarkan kepada pemberian ataupun, dengan izin, grant. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk membiayai projek-projek pembangunan yang tidak berdaya maju melalui pemberian pada masa-masa hadapan.

Mengenai projek pembangunan seperti Lapangan terbang Pulau Langkawi, ianya adalah satu daripada infrastruktur bagi membangunkan Pulau Langkawi secara keseluruhannya selain daripada matlamat Kerajaan untuk menggalakkan kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita. Berkaitan dengan bekalan air, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyatakan bahawa banyak peruntukan tambahan di bawah P.61, Butiran 115, iaitu sebanyak \$216,680,370 bagi bekalan air, tetapi sebaliknya pembaziran bekalan air yang sedia ada, khususnya di kawasan Kepong, tidak diberi perhatian. Beliau menyatakan bahawa jumlah yang dibazirkan adalah dalam lingkungan 31%.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan iaitu Kementerian Kerjaraya sedar atas masalah kehilangan air yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu. Salah satu sebab perkara ini berlaku adalah kerana paip-paip air yang sedang digunakan adalah terlalu lama dan buruk dan ada kemungkinan beberapa bahagian sistem paip perlu diganti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Pihak

Berkuasa Air Negeri Selangor telah memulakan satu kajian kehilangan air atau, dengan izin, leakage detection program. Kajian ini akan mengenalpasti sebab-sebab kehilangan air dan seterusnya tindakan akan diambil untuk mengatasi sebab-sebab tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Bekalan Air Selangor akan terus membaiki tempat-tempat yang bocor sekiranya dilaporkan segera kepada Jabatan Bekalan Air.

Mengenai program khas perumahan kos rendah, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan bahawa program khas ini melibatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah oleh pemaju-pemaju swasta sama ada di tanah mereka sendiri atau tanah yang disyorkan disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sungguhpun matlamat yang ditetapkan di bawah program ini adalah pembinaan sebanyak 80,000 unit rumah setahun, Kerajaan sedar bahawa matlamat ini tidak akan tercapai sepenuhnya. Untuk tahun pertama program ini yakni daripada Jun, 1986 hingga Jun, 1987 adalah dijangkakan hanya sebanyak 36,667 unit sahaja akan dibina. Ini kira-kira akan mencapai tahap 80% siap—sebanyak 36,667 unit. Keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, wujud kerana kelembapan ekonomi, masalah kewangan yang dihadapi oleh pemaju dan juga pemilihan tapak yang kurang sesuai. Memandangkan kepada keadaan ini pelaksanaan program ini di tahun-tahun berikutnya akan diubahsuai, dengan kita mengambil kira faktor-faktor seperti permintaan yang sebenarnya ataupun effective demand dengan izin dan juga dengan pemilihan tapak-tapak yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus membina rumah-rumah kos rendah di bawah program perumahan awam kos rendah untuk memenuhi

keperluan perumahan golongan yang berpendapatan rendah di luar bandar. Bagaimanapun bilangan projek yang akan dilaksanakan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kualiti rumah yang dibina, inginlah saya memaklumkan bahawa kawalan mutu bahan-bahan binaan dalam sektor pembinaan adalah tanggungjawab juruperunding-juruperunding yang berkenaan. Pada kebiasaannya, bahan-bahan yang akan digunakan serta spesifikasi untuk sesuatu pembinaan itu dimasukkan ke dalam dokumen kontrak binaan. Oleh itu, juruperunding-juruperunding hendaklah memastikan bahawa semua binaan dibina mengikut dokumen kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak kontraktor dan juga pemaju. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya ada binaan-binaan yang dibina dengan bahan-bahan yang kurang bermutu, perkara ini perlulah dirujuk kepada juruperunding-juruperunding berkenaan. Ada juga kualiti rumah yang tidak baik disebabkan oleh pertukangan yang tidak baik, pertukangan yang tidak memuaskan, dengan izin, poor workmanship, dan pembeli-pembeli rumah berkenaan boleh mengambil tindakan sivil terhadap pemaju-pemaju berkenaan.

Kementerian juga ada mengambil tindakan mengarahkan pemaju-pemaju memperbaiki kecacatan yang terlibat. Jika sekiranya arahan tersebut tidak dipatuhi, Kementerian berkenaan boleh mengambil tindakan menggantung atau membatalkan lesen pemaju yang terlibat dan seterusnya menyenaraihitamkan pemaju berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembinaan tol di Jalan Ipoh, Kerajaan memang bercadang untuk membina

Plaza Tol. Pembinaan dan penyelenggaraan terhadap jalan tersebut akan dilaksanakan oleh Syarikat Seri Angkasa selaras dengan Dasar Penswastaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, penduduk di sekitar rumah tol akan dikecualikan daripada bayaran tol. Ada dua lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sebentar. Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat, bagaimana penduduk-penduduk sekitar di situ dikecualikan? Jadi ini susah kerana beratus-ratus ribu orang di sekitarnya, siapa yang dapat pengecualian nanti atau tidak, itulah satu masalah pokok yang besar. Siapa yang dapat pengecualian seperti Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dapat saya tidak puashati dan sebagainya. Jadi bagaimana, adakah Kementerian atau Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu Jawatankuasa Khas pula untuk mengendalikan hal untuk pengecualian pengguna-jalan raya itu?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Kalau dipandang sekali imbas memanglah susah. Saya katakan di sekitar rumah tol, ertinya adalah ukuran-ukuran tertentu. Mungkin masalah ini berat pada Yang Berhormat dari Kepong, pada Kerajaan tidak susah, kita boleh buatlah—ini bukan jahat sangka. Kalau sekiranya Yang Berhormat dari Kepong hendaklah juga free toll ini—mohon, mungkin kita beri juga.

Dua perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya tidak sebutkan tadi, ini penting, saya sengaja khususkan sebab banyak telah disebutkan tentang perkara ini. Satu mengenai zakat yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari

Sungai Petani yang menyarankan supaya zakat yang dikeluarkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bukan sahaja diberi kepada Jabatan Agama Islam tetapi diberikan juga kepada asnaf mengikut Al-Quran, terutamanya kepada anak-anak yatim.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini sukalah saya memaklumkan bahawa zakat yang dibayar oleh Tabung Haji adalah zakat perniagaan bagi pihak penyimpan-penyimpan mengikut fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Fatwa tersebut memutuskan bahawa zakat hendaklah dibayar kepada Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri mengikut kadar simpanan penyimpan-penyimpan di negeri masing-masing.

Seterusnya perlulah dimaklumkan bahawa Tabung Haji adalah pembayar zakat iaitu bagi pihak penyimpan-penyimpan dan bukannya pemungut atau pentadbir zakat. Tugas memberikan wang zakat kepada asnaf yang tertentu adalah tanggungjawab Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang menerima zakat tersebut. Dari segi pengkhususan tugas, ini adalah cara yang paling baik, tambahan pula Majlis atau Jabatan Agama Islam lebih mengetahui siapakah yang patut menerima bahagian daripada zakat tersebut. Pihak Tabung Haji percaya bahawa Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri telah menjalankan tugas mereka sewajarnya dalam hal ini.

Perkara yang kedua yang disebutkan beberapa kali, yang telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya ialah mengenai Proton Saga dan beliau telah membangkitkan mengenai ramalan bahawa PROTON hanya akan mendapat keuntungan sekiranya ia mengeluarkan dan menjual 100,000 unit setahun. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri telah merosot

ke 40,000 unit setahun. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan bercadang untuk mengeksportnya ke luar negeri. Namun demikian, adakah Kerajaan yakin dapat menjual bilangan yang mencukupi di luar negeri agar Proton Saga dapat menghasilkan keuntungan. Itu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah Proton Saga tidak dijual di negeri Jepun? Apakah sebabnya usaha tidak diambil untuk menjualkan kereta ini di Jepun dan juga di negeri-negeri lain?

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya penjelasan hanya berkaitan dengan jualan ke Amerika sahaja, sebab ini jawapan kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, tidak ada kaitannya dengan jual Proton Saga ke Jepun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau tidak mahu beri penjelasan, tidak payahlah.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tidak ada kaitan langsung perkara asal. Kalau dia tanya mengapa tidak jual ke bulan, mengapa tidak ke Mars, itu boleh tanya juga, tetapi tidak ada kaitannya dengan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak hendak menjawab itu, tidak payah, teruskan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan ini, ingin saya

tegaskan bahawa pada asalnya Proton Saga dicadangkan dijual di pasaran tempatan bagi beberapa tahun sebelum ianya dieksport. Walau bagaimanapun, oleh kerana pasaran kereta di negeri kita telah jatuh, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengeksport kereta Proton Saga ke luar negeri lebin awal daripada jangkaan.

Sememangnya ialah tujuan Kerajaan untuk mengeluarkan seberapa banyak kereta di pasaran eksport supaya kos bagi setiap unit kereta Proton Saga akan turun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kos ini turun kelak, rakyat juga akan mendapat faedah oleh kerana kos tiap-tiap Proton Saga di pasaran tempatan juga akan diturunkan.

Menyentuh mengenai kereta Proton Saga yang dijual di Amerika Syarikat pada harga \$12,000 seunit dan melibatkan kerugian kepada rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya menjelaskan bahawa buat masa sekarang kereta Proton Saga masih belum dijual di Amerika Syarikat. Ianya dijangka masuk pasaran kereta negeri tersebut pada bulan Februari atau Mac tahun 1988. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan harga kereta Proton Saga di Amerika Syarikat masih belum ditentukan lagi dan anggapan Yang Berhormat dari Petaling Jaya bahawa kereta Proton Saga akan dijual pada harga \$12,000 seunit tidak begitu tepat. Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya minta penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kita ada diberitahu melalui suratkhbar iaitu satu perjanjian sudah ditandatangani oleh pihak Bricklin Industries daripada Amerika Syarikat, sebuah negara

Zionis. Kita diberitahu mereka akan minta 100,000 buah kereta Proton Saga setiap tahun. Dan juga kita diberitahu baru-baru ini, dua hari yang lepas ada pegawai-pegawai daripada Pelabuhan Houtson yang datang meminta semua jualan kereta Proton Saga kepada Amerika Syarikat, sebuah negara Zionis, diminta melalui Pelabuhan Houtson, maka saya tidak faham mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada kita inilah satu khabar sia-sia sahaja. Tolong beri penjelasan siapa yang betul.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Saya tidak mengatakan siapa salah siapa betul. Cuma saya mengatakan bahawa sekarang ini kita belum lagi mengeksport ke Amerika Syarikat. Pengesportannya akan bermula dalam bulan Februari ataupun bulan Mac tahun 1988. Itu adalah satu statement of fact. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Itulah sahaja jawapan yang saya hendak sampaikan mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan, bagaimana Kerajaan Barisan Nasional reconcile akan mengadakan satu harga yang murah untuk sebuah negara yang dicontrol oleh Zionis dan mengeksport ataupun "harga yang lebih mahal kepada Bangladesh" sebuah negara Islam (*Tepuk*). Itu saya telah kagum. Sebab Kerajaan Barisan Nasional selalu menyebut ada ancaman dari Zionis, tetapi kita akan menjual kereta nasional kita kepada mereka dengan harga yang murah, tetapi kita akan menjual kereta nasional kita kepada



sebuah negara Islam dengan harga yang tinggi. Macam mana Kerajaan Barisan Nasional reconcile ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dan pelik tetapi tidak kagum mengapa dia tidak bercakap sewaktu membincangkan . . . .

**Tuan Ngoi Thiam Woh:** Tidak ada peluang.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tidak ada peluang itu bukan fasal saya (*Ketawa*)—mengapa dia tidak bercakap sewaktu membincangkan pada hari Jumaat. Saya boleh memberi penjelasan hanya berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Kalau Jawapan-jawapan lain saya rasa tidak perlu saya jawab pada waktu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau tidak bersetuju kata tidak bersetuju dengan jelas.

Sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$1,169,564,368 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1985, untuk menampung sejumlah \$23,527,590 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1986, untuk menampung sejumlah \$1,146,036,778 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**Setiausaha: Jadual.**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Bekalan B.4 di bawah Suruhanjaya Pilihanraya terbuka untuk dibahas. Minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri dahulu.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$100. . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, itu salah peraturan, sudah masuk Committee tanpa diintroduce oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudah masuk tetapi di dalam Committee dia kemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, sekarang sudah B.4, mahu membahas B.4. Tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan introduce B.4 dia mahu introduce semua in Committee, itu sudah habis.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Itu salah saya. Yang Berhormat . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu silap—akui silap boleh.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat, dia. . . .

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, ini bukan silap saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi kesilapan itu betul.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanjung, sudah akui. Teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun bukan silap dia tetapi itu kesilapan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Dia kata Tuan Pengerusi salah, itu ikut Tuan Pengerusilah. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi biarkan sahaja dia kata. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payahlah, itu perkara kecil Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$130,606,410 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1986 bagi Maksud-maksud Bekalan B.4, B.14, B.30, B.36, B.44 dan B.66 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah daripada \$23,527,590 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) Bil. 3 Tahun 1985 bagi maksud-maksud Pembangunan P.18, P.24, P.26, P.51, P.52, P.58, P.61 dan P.62 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 1987 dan wang daripada \$1,146,036,778 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) Tahun 1987 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.8, P.13, P.14, P.16 hingga P.26, P.28, P.31, P.33 hingga P.37, P.40 hingga P.42, P.44, P.45, P.47, P.52 dan P.54 hingga P.63 untuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan

dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 1987 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan Peruntukan-peruntukan Tambahan dalam Anggaran Mengurus Tahun 1986 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan (Tambahan) Tahun 1985 dan 1986. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah diberi dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7A tahun 1987 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1986 dan Kertas Perintah 8A tahun 1987 dan 9A tahun 1987 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1985 dan Tambahan Kedua 1986. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

*Maksud B.4 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Kepala Bekalan B.4 di bawah Suruhanjaya Pilihanraya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bagan.

4.30 ptg.

**Tuan Teoh Teik Huat (Bagan):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Rang Undang-undang ini.

Di bawah Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihanraya Kod 2000 dan 3000, di mana diperuntukkan Perkhidmatan dan Bekalan dan Pemilikan Harta Modal. Dewan yang mulia ini diminta untuk meluluskan jumlah wang

sebanyak \$8,482,000 yang telah dibelanjakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya semasa menjalankan Pilihanraya Umum 1986.

Tuan Pengerusi, sebelum Parlimen meluluskan perbelanjaan tambahan oleh Suruhanjaya Pilihanraya ini, di mana saya pasti akan diluluskan nanti dengan ganasnya dan tanpa fikiran majoriti Barisan Nasional, adalah tersangat penting hendaknya kita mengkaji peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam Pilihanraya Umum tahun 1986 dan sejauh manakah tanggungjawab ini dilaksanakan dengan adilnya.

Perlembagaan Merdeka kita tahun 1957 dengan jelasnya memberi peruntukan untuk satu Suruhanjaya Pilihanraya yang amanah, cekap dan tidak memihak kepada sesiapa pun dan bebas dari Kerajaan. Walau bagaimanapun, dari apa yang dapat kita lihat dari Pilihanraya Umum 1986 dan peristiwa yang berkaitan sebelum pilihanraya, adalah sangat jelas bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah gagal dalam tugasnya menjalankan satu pilihanraya yang adil. Peristiwa yang berlaku merangkap Pilihanraya Umum 1986 telah menimbulkan banyak tanda tanya akan kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya dan telah menguatkan syak-wasangka bahawa Suruhanjaya ini tidak bebas dari pengaruh dan suruhan politik.

Pilihanraya Umum 1986 telah dijalankan dengan cara yang sungguh tidak berdemokratik, tidak adil dan tidak berperaturan dalam sejarah negara Malaysia. Bukan sahaja tidak cukup dengan mengharamkan rapat umum, kawalan mereka ke atas jentera-jentera Kerajaan dan sekatan bagi berita-berita dan pandangan-pandangan Pembangkang ke dalam media massa, malah melalui Suruhanjaya Pilihanraya mereka telah melanjutkan langkah-langkah mereka

untuk memastikan kekalahan pihak Pembangkang dalam pilihanraya umum itu.

Oleh kerana apabila sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Parlimen akan dibubarkan pada 19hb Julai tahun lalu, Suruhanjaya Pilihanraya dengan semena-menanya telah menjadi begitu cekap yang mana pada malam yang sama juga telah membuat pengumuman tarikh penamaan calon dan tarikh membuang undi serta mengeluarkan writ pilihanraya dalam hari yang sama itu. Ini dibuat sebelum Parlimen dibubarkan pada keesokan harinya.

Tuan Pengerusi, pemerhati yang neutral sekalipun akan bersetuju bahawa ini bukanlah satu kecekapan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya, tetapi lebih merupakan satu skim yang telah diatur terlebih dahulu dan bahawa pihak Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan peranannya mengikut arahan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kesegeraan yang tidak berperlembagaan dan pelik ini di mana hari penamaan calon dan membuang undi ditetapkan dan diumumkan sebelum Parlimen dibubarkan adalah dirangka supaya dapat memberi pihak Barisan Nasional akan faedah ke atas pihak Pembangkang dengan memberi pihak Pembangkang seberapa singkat masa yang boleh untuk menyediakan pilihanraya umum.

Tuan Pengerusi, pengurangan masa berkempen dari biasanya selama 14 hari ke 9 hari adalah sungguh tidak adil dan adalah dirangkakan bersama dengan pengumuman tarikh yang begitu tergesa-gesa supaya ini dapat memberi pihak Pembangkang masa yang terpendek seberapa boleh untuk berkempen.

Untuk melemahkan lagi pihak Pembangkang, kenaikan wang pertaruhan ke tahap paling maksima dari \$500 ke \$3,000 bagi kerusi Dewan Undangan Negeri dan dari \$1,000 ke \$5,000 bagi kerusi Parlimen oleh Suruhanjaya Pilihanraya adalah sungguh-sungguh tidak adil.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah mengemukakan tiga cadangan kepada Jemaah Menteri untuk dikenakan wang pertaruhan yang kurang tetapi setiap cadangan itu telah ditolak oleh Jemaah Menteri yang mendesak deposit yang maksima hendak dikenakan. Ini sendiri menunjukkan dengan jelasnya bahawa Suruhanjaya Pilihanraya dikontrol atau dikawal oleh Jemaah Menteri.

Idea yang sebenarnya ialah supaya memberi calon-calon Pembangkang yang kekurangan wang dan sumber-sumber, kesulitan dan kesusahan seberapa berat yang boleh oleh kerana jumlah \$5,000 adalah dikira kecil bagi calon-calon Barisan Nasional dengan politik wang mereka dan berjuta-juta ringgit yang mudah diperolehi oleh mereka.

Selanjutnya Suruhanjaya Pilihanraya telah gagal dalam tugasnya bertindak terhadap calon-calon yang telah melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya. Dari cara-cara dan gaya setengah dari calon-calon Barisan Nasional menjalankan kempen-kempen mereka dengan mudah sekali dapat kita membuat kesimpulan bahawa mereka telah membelanjakan beratus-ratus ribu ringgit dengan tidak mempedulikan Akta Kesalahan Pilihanraya di mana ada menyebut jumlah maksima wang yang dibolehkan untuk dibelanjakan bagi setiap kawasan pilihanraya. Kita masih belum pernah melihat pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengambil sebarang tindakan terhadap

perlanggaran berleluasa Akta Kesalahan Pilihanraya sehingga ke hari ini.

Kegagalan pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengambil sebarang tindakan terhadap perlanggaran berleluasa Akta Kesalahan Pilihanraya ini akan hanya menggalakkan bertambahnya politik wang, merobohkan semangat demokrasi dan kebebasan pilihanraya di negara ini di masa akan datang.

Ketidakadilan yang selanjutnya dalam menjalankan Pilihanraya Umum 1986 dapat dilihat dari kegagalan pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengenakan sekatan ke atas penggunaan jentera-jentera Kerajaan dengan berleluasa sekali. . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun minta penjelasan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta penjelasan dan minta ruling, Tuan Pengerusi. Soal Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh disentuh sebab tidak boleh disentuh segala kerja-kerja Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Tuan Pengerusi, kita membahaskan Suruhanjaya Pilihanraya bukan? Macam mana tidak boleh disoal?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Apa. . . .

**Tuan Teoh Teik Huat:** Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh disoal, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya boleh disoal.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kerja-kerja Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh dipersoalkan.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Mana, mana itu?

**Tuan Othman bin Abdul:** Mengikut Peraturan Mesyuarat. . . .

**Tuan Teoh Teik Huat:** Mana itu. Tunjuk, tunjuk mana?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Mungkin dia tak mahu buat peruntukan pun untuk Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau dia setuju, kita batalkan peruntukan itu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Bagan, sila teruskan.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Suruhanjaya tidak mengenakan sekatan ke atas penggunaan jentera-jentera Kerajaan dengan berleluasa sekali oleh Barisan Nasional untuk kepentingan mereka, seolah-olah ini semua tidak cukup. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang lain telah melebihi batas dengan sanggup menggunakan taktik menakutkan dan mengugut pengundi-pengundi supaya menyokong Barisan Nasional dengan menimbulkan ketakutan akan bayangan May, 13, dengan izin, dan ugutan bahawa peruntukan pembangunan tidak akan diberi jika pihak Pembangkang menang.

Dengan keadaan ini, saya ingin bertanya pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan mengapa kertas-kertas undi dan keratan-keratannya mempunyai nombor siri dan mengapa nombor-nombor pengundi ditulis oleh setengah kerani-kerani tempat mengundi di atas keratan-keratan kertas-kertas undi yang berikut. Dengan menggunakan kertas-kertas undi yang bernombor siri telah menanamkan rasa kebimbangan ke atas pengundi-pengundi rakyat

Malaysia bahawa undi-undi mereka bukanlah rahsia lagi dan ini telah menakutkan orang ramai dari mengundi pihak Pembangkang oleh kerana takut akan kemungkinan ditindas. Oleh yang demikian, Suruhanjaya Pilihanraya adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk merangkakan satu sistem di mana undi-undi yang dibuang adalah benar-benar rahsia bagi meyakinkan rakyat Malaysia.

Selanjutnya, memandangkan akan begitu banyak nama-nama yang hilang dari pendaftaran pengundi-pengundi dalam Pilihanraya Umum 1986, walaupun nama-nama ini ada mengundi pada Pilihanraya Umum, 1982 dan terdapat aduan-aduan akan nama-nama yang timbul lebih dari sekali.

Saya mendesak Suruhanjaya Pilihanraya supaya menjalankan sistem pendaftaran secara automatik di mana seseorang yang sudah cukup umurnya boleh mendaftar pada mana-mana pejabat pilihanraya dan pada mana-mana masa pun. Ini akan memastikan bahawa masalah yang utama di mana nama-nama yang hilang dari pendaftaran pengundi tidak akan berulang lagi dan akan menjimatkan wang yang mungkin akan dibelanjakan bagi menjalankan kempen dua kali setahun bagi mendaftar pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini adalah sangat jelas dari pilihanraya umum, 1986 dan penggarisan semula kawasan pilihanraya yang tidak adil bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak lagi jujur, cekap dan memihak dan sebenarnya telah menjadi alat kepada UMNO dan Barisan Nasional amnya.

Oleh yang demikian, saya mendesak pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya supaya meletakkan jawatan mereka dan satu Suruhanjaya Pilihanraya yang benar-benar bebas ditubuhkan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

*4.30 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada peruntukan tambahan sebanyak \$8.4 juta yang dikehendaki menampung keperluan ataupun perbelanjaan Pilihanraya Umum, 1986 yang mana Dewan Rakyat yang bersidang pada hari ini diminta supaya meluluskan peruntukan tambahan ini. Di dalam membahaskan permintaan peruntukan tambahan ini, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi dan juga Suruhanjaya Pilihanraya kepada beberapa perkara berkaitan dengan perjalanan Pilihanraya Umum yang telah diadakan pada 2hb dan 3hb Ogos, 1986 yang lalu.

Saya mempunyai pendapat yang sama sebagaimana tadi yang telah disuarakan oleh wakil dari Bagan mengenai beberapa aspek, beberapa perkara penting yang berlaku dalam Pilihanraya Umum yang lalu dan khasnya mengenai berbagai kesulitan ataupun kesukaran yang dialami oleh parti Pembangkang dalam kempen Pilihanraya Umum itu.

Apakah yang saya ingin titik beratkan di sini ialah mengenai tempoh kempen yang begitu singkat dan ini telah menyulitkan parti-parti Pembangkang untuk menghuraikan beberapa isu yang penting bersabit dengan Pilihanraya Umum dan di samping itu untuk menjawab berbagai tuduhan yang telah dilemparkan oleh parti Kerajaan terhadap parti Pembangkang.

Memandangkan bahawa parti Pembangkang tidak boleh mendapat sokongan daripada media massa. Ini adalah satu hal yang saya anggap sangat penting oleh sebab di dalam sesebuah negara yang mengamalkan

demokrasi berparlimen adalah mustahak bahawa masa yang cukup dapat diperuntukkan untuk membolehkan parti-parti politik khususnya parti-parti Pembangkang untuk menyertai kempen pilihanraya itu.

Dan di samping itu juga saya ingin sentuh sedikit berkenaan dengan kenaikan deposit yang telah dilaksanakan dalam Pilihanraya Umum yang lalu dan saya anggap bahawa keputusan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menaikkan deposit yang dikehendaki dibayar oleh tiap-tiap calon dalam Pilihanraya Umum lalu adalah satu perkara yang tidak wajar, memandangkan bahawa ini mungkin akan memberikan satu gambaran bahawa sesiapa yang berkemampuan yang mempunyai duit yang cukup sahaja yang boleh bertanding dalam pilihanraya umum yang dilangsungkan pada tahun 1986 yang lalu.

Selain daripada apa yang telah disentuh oleh Wakil dari Bagan itu tadi, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Suruhanjaya Pilihanraya mengenai perjalanan, mengenai proses perjalanan Pilihanraya Umum yang lalu dan itu ialah berkenaan dengan latihan untuk pegawai-pegawai tempat mengundi ataupun, dengan izin, Presiding Officers dan juga pembantu-pembantunya dalam segala urusan mengenai pilihanraya. Saya menyentuh perkara ini kerana saya mendapati ada setengah-setengah ataupun sebahagian pegawai tempat mengundi atau Presiding Officer ini dan pembantu mereka yang berkhidmat dalam Pilihanraya Umum lalu yang tidak mempunyai pengalaman yang cukup dan menghadapi kesulitan untuk menjalankan tugas mereka. Mungkin ini disebabkan oleh kekurangan latihan yang intensif kepada mereka yang berkenaan.

Di samping itu, saya ingin juga menarik perhatian Suruhanjaya Pilihanraya, kepada setengah-setengah pembantu yang bertugas di luar tempat mengundi yang memberi panduan kepada para pengundi tentang saluran-saluran pengundian yang mana mereka tidak berpengalaman dan kadangkala mereka memberi nasihat yang salah tentang saluran di mana para pengundi boleh membuang undi.

Saya pernah meronda pusat-pusat pengundian di dalam kawasan saya, dalam Pilihanraya Umum yang lalu dan saya sendiri ada menerima banyak aduan-aduan daripada pengundi-pengundi tentang nasihat yang salah, nasihat yang silap yang telah diberikan oleh pemandu di luar pusat mengundi dan saya berfikir bahawa masalah seumpama ini bukanlah berlaku hanya dalam kawasan saya tetapi juga dalam kawasan-kawasan yang lain dan saya ingin menegaskan di sini bahawa kecuali pemandu-pemandu yang berkenaan akan diberi latihan intensif yang tahu bagaimana menjalankan tugas-tugas mereka, maka masalah seumpama ini akan timbul juga lagi.

Perkara yang kedua ialah tentang nama-nama pengundi, Tuan Pengerusi, yang hilang dalam daftar pemilih sepertimana juga yang telah disentuh tadi oleh Wakil dari Bagan.

Saya sendiri banyak menerima aduan yang menyatakan nama-nama pengundi telah bertukar tempat dari satu pusat mengundi ke pusat mengundi yang lain, sungguhpun mereka tidak berpindah alamat kediaman dan tiada membuat apa-apa perubahan tetapi nama mereka telah dipindahkan kepada pusat pengundi yang lain yang mereka sendiri tidak ketahui dan keadaan ini akan menimbulkan kelim kabut di sebahagian pengundi dan saya harap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya boleh mengambil perhatian tentang perkara ini supaya sistem yang lebih teratur

dapat disediakan pada masa yang akan datang untuk mengatasi masalah yang disentuhkan oleh saya tadi.

Satu perkara lain yang saya ingin membangkitkan di sini, ialah tentang pendaftaran pemilih secara otomatis, yang mana saya berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengkaji kemungkinan mengadakan Sistem Pendaftaran Pemilih secara otomatis dan sekiranya ini tidak dapat dilaksanakan buat masa kini sekurang-kurangnya Suruhanjaya Pilihanraya haruslah mengkaji satu syor, yang saya sampaikan untuk perhatian Dewan ini pada beberapa kali yang lepas, iaitu mengenai dengan satu cara pendaftaran pemilih yang lebih berkesan dengan memperkenalkan pendaftaran pemilih sepanjang tahun.

Saya difahamkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya sedang merancang satu sistem pemilih sepanjang tahun setelah pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya telah melakukan satu lawatan ke New Zealand dan Australia tidak lama dahulu dan mereka telah mengemukakan satu laporan tentang pengendalian Sistem Pendaftaran Pemilih ini kepada pihak Kerajaan.

Saya harap bahawa Suruhanjaya Pilihanraya menerusi Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan lanjut tentang kedudukan tersebut, tentang apa yang sedang diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihanraya berhubung dengan pendaftaran pemilih sepanjang tahun ini.

Akhirnya saya berharap bahawa cadangan mengadakan Sistem Pendaftaran Pemilih sepanjang tahun ini dapat dilaksanakan, oleh sebab ini ialah satu cara yang dapat mengurangkan kesusahan kepada bakal-bakal pengundi yang ingin mendaftarkan diri sebagai pemilih di samping memaksimumkan pendaftaran pemilih-pemilih baru.

4.53 *ptg.*

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.4—Suruhanjaya Pilihanraya, Butiran 2000 dan 3000.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah berjaya mengendalikan Pilihanraya Umum tahun 1986 baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, dalam mengemukakan pandangan berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya, suka saya menyatakan di sini mengenai beberapa perkara yang saya kira ada satu dua pendapat yang saya bersetuju dengan rakan-rakan daripada Parti Pembangkang, tetapi ada juga saya langsung tidak bersetuju dan agak rasa dukacita di atas tohmahan yang keterlaluan terhadap Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, sepanjang negara kita mencapai kemerdekaan dan sesudah kita mengadakan beberapa kali pilihanraya termasuklah pilihanraya tahun 1986, berapa banyak dan berapa kalikah proses pilihanraya negara kita ini dipersoalkan oleh dunia luar? Jarang kita dengar bahawa proses pilihanraya di negara kita ini dipersoalkan seperti mana kita pernah dengar pilihanraya yang dijalankan di setengah-setengah negara sehingga selepas pilihanraya berlaku pemberontakan, huru-hara, kucar-kacir yang akhirnya matlamat pilihanraya untuk memilih Kerajaan yang dipilih oleh rakyat bagi memerintah negara tidak mencapai apa-apa matlamat.

Kita lihat di negara kita sememangnya wajar kita memberi ucapan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana dari segi iklim



politik dan suasana masyarakat majmuk, kita dapati tidak mudah dan tidak senang bagi sesuatu Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengada dan menguruskan pilihanraya di negara kita ini dengan selicin yang boleh, malah sepanjang masa ataupun, dengan izin, prior to election, kita lihat suasana-suasana yang wujud dalam masyarakat kita sama ada isu-isu yang dibangkitkan itu bukan sahaja mencemaskan kita dari segi perpaduan kaum, mencemaskan kita dari segi keselamatan negara, tetapi akhirnya oleh kerana sikap dan prinsip kita mengamalkan demokrasi, kita dapat menjunjung cita-cita tersebut melalui pilihanraya yang kita ada sepanjang 4 ataupun 5 tahun sekali. Inilah kelebihan kita dan orang yang patut ataupun golongan yang patut kita mengucapkan tahniah ialah pihak Suruhanjaya Pilihanraya. Dalam hal seperti ini kita mesti akui hakikat, malah saya berani menegaskan Tuan Pengerusi, kalau kita mengatakan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak demokratik masakan kita mempunyai rakan-rakan Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini. Mustahil sama sekali, tetapi sepanjang pilihanraya tahun 1986, pihak Pembangkang telah dapat menambahkan kerusi yang bagi kita, kita mengalu-alukan semua pihak . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta jalan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Silakan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Beri atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kalau hendak cakap, cakaplah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya!

**Dr Eng Seng Chai:** Beliau kata dalam Dewan yang mulia ini jika Suruhanjaya Pilihanraya tidak adil, memang tidak adalah Parti Pembangkang, tetapi saya suka beritahu kepada Yang Berhormat kalau Suruhanjaya Pilihanraya adil dan ada ubahsuai kawasan-kawasan pilihanraya dengan cara "satu undi satu orang", sepatutnya ahli-ahli Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini, hari ini meningkat sekurang-kurangnya tiga empat kali berganda, kita dapat hari ini Ahli-ahli Parlimen Pembangkang sekurang-kurangnya 60 atau 80 kerusi. (*Tepuk*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat dari Sungai Besi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Petaling Jaya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Petaling Jaya, saya ingat Sungai Besi, tidak berapa kenal Tuan Pengerusi, sebab saya bukan beri perhatian sangat kepada mereka ini. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya kira pandangan ataupun soalan yang dibangkitkan oleh Wakil Petaling Jaya ini, kita seharusnya sebagai golongan yang intelektual jangan bercakap angkuh, jangan kita bercakap sombong. Kalau benda belum berlaku, jangan kita menganggap mendabik dada kita boleh menang. Nasib baik kita ini adalah golongan umat Islam, orang-orang Islam dari segi pegangan agamanya dia tidak takbur, dia tidak angkuh, dia tidak cuba memberi satu keputusan perkara yang belum terjadi. Ini kelebihan, maka sebab itu dalam hal seperti ini, kalau kita hanya hendak menganggap semata-mata, kalau begitu, kita begini; kalau begitu, kita dapat banyak—itu soal lain. Soalnya proses pilihanraya baru-baru ini yang berlangsung tahun 1986 . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan, beri atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Nanti sekejap, selepas ini boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Takut!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak takut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak takut—tidak ada apapun!

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Mahu beri jalan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak takut sudah lama berjuang—tidak takut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada beri jalan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak ada.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tanya ada beri jalan atau tidak? Tadi Yang Berhormat kata bahawa nasib baik kita orang Islam. Adakah ini bererti bahawa orang bukan Islam tidak nasib baik?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Saya tidak bermaksud terhadap bukan Islam, saya mengatakan saya orang Islam, sebagai seorang Islam, kita tidak boleh bercakap angkuh dan sombong mengagak benda yang belum berlaku, jadi kalau tidak berapa faham, fahamkan dahulu soalan itu.

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat dari Petaling Jaya hendak lagi? Hendak cakap?

**Dr Eng Seng Chai:** Penjelasan!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Boleh bercakap betul-betul.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Pengerusi, tadi bukan jadi angkuh. Saya beri satu pengambaran iaitu jika Suruhanjaya Pilihanraya jadi adil, memanglah ubahsuai kawasan-kawasan pilihanraya ikut cara “satu undi satu orang”. Maka jika ikut cara itu memang bertambah meningkat lebih ahli-ahli Pembangkang hari ini. Saya kata “jika”, bukan saya anggap memang mereka mahu buat. Sepatutnya mereka tak adil dan tak ada buat. Fasal hari ini ada 24 orang sahaja—patut ada 60 atau 80. Bukan saya angkuh, saya kata “jika”—itu satu pengambaran.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan itu mudah. Kalau Yang Berhormat dari Petaling Jaya mengatakan mendapat 60 ataupun 80 kerusi, cuba kita ubahsuaikan kawasan mengikut kehendak Yang Berhormat dari Petaling Jaya bagi negeri Kedah, negeri Kelantan, negeri Johor dan satu dua negeri lagi mengikut kehendak Yang Berhormat, mustahil DAP boleh mendapat 80 kerusi. Jangan bercakap sombong dan angkuh. Hal seperti ini . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Pengerusi . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, dia minta jalan, berikah atau tidak?

**Dr Eng Seng Chai:** Dia cabar, saya terima.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Susah cakap orang yang . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Dia cadang, saya akan sokong.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, nanti.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Silalah, tak payah pekik.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Mas beri jalan?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Boleh, saya beri.

**Dr Eng Seng Chai:** Dia cadang, saya sokong apa yang dia kata itu. Jika dibahagikan semua kawasan pilihanraya macam itu, kalau dia akan membentangkan atau mencadangkan satu usul, saya akan sokong dia.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sudahlah perkara ini, Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Usul itu boleh dibentangkan kalau DAP dapat memerintah Malaysia nanti, yang mustahil tak boleh.

Tuan Pengerusi, bagi meneruskan hujah-hujah saya tadi, pada pandangan saya dalam konteks soal-soal yang kita menyebut dari segi waktu rapat umum, ceramah ataupun sebagainya, pada pandangan saya ianya amat tepat, sebab dalam menjunjung demokrasi kita melihat kepada perkara-perkara yang berlaku sebelum pilihanraya dan di waktu pilihanraya, kita kira waktu lebih daripada cukup untuk setiap parti mempengaruhi rakyat bagi mendapat sokongan. Kita lihat walaupun rapat umum tidak dibenarkan, tetapi rapat umum berlaku juga. Kita lihat di mana-mana sahaja ada rapat umum.

**Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong minta jalan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Alah! Sibuknya.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat dari Pasir Mas ini dia memang beriman dan nampaknya budiman juga. Kalau demikian, adakah beliau bermaksud bahawa rapat-rapat umum ini diadakan oleh pihak UMNO sahaja, terutamanya di Kelantan dan di Pantai Timur. Saya nampak itulah hakikatnya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Rapat-rapat umum, Tuan Pengerusi, diadakan oleh parti-parti Pembangkang yang kita semua tahu. Kita semua tahu rapat umum ini diadakan, malah kita kesal, sebab kadang-kadang apabila perkara ini berlaku, bercanggah dengan undang-undang. Sebab itu saya ingin mengusulkan di Dewan yang mulia ini kepada pihak Kerajaan supaya apabila kita mengadakan undang-undang, termasuklah undang-undang seperti tidak boleh mengadakan rapat umum dan jika rapat umum itu diadakan, dengan izin, "at any cost" kita mesti mengambil tindakan. Ini yang saya hendak bangkitkan, ini yang hendak saya kemukakan, terutamanya kepada Suruhanjaya Pilihanraya, sebab kita tidak mahu "at the expense" kepada pergaduhan kalau wujudnya pergaduhan di antara kaum seperti berlaku 13 Mei. Nasib baik baru-baru ini tidak berlaku walaupun ada "casualty" perkara-perkara yang kecil-kecil di sana-sini. Ini sebagai hanya ingatan supaya satu hari nanti 5-10 tahun akan datang kita yang ada di sini tidak dibabitkan lagi kesalahan apabila anak-cucu kita membaca dalam

*Hansard Parlimen*, Ahli-ahli Parlimen tidak bercakap dalam soal-soal seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya menyebutkan perkara ini, kerana perkara ini serius, sebab apabila kita mengadakan peraturan-peraturan, kita mesti cuba mencari jalan melaksanakan undang-undang yang kita buat . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Pasir Pinji . . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tak payahlah, saya ada sedikit lagi—sudah hendak habis. Duduklah!

**Tuan Lau Dak Kee:** Boleh beri jalan sedikit?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tak payahlah.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Mas, berikah atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Dia minta, berilah. (*Ketawa*)

**Tuan Lau Dak Kee:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee:** Adakah Yang Berhormat dari Pasir Mas mencadangkan bahawa beliau dapati parti Pembangkang mengadakan rapat umum secara haram atau tidak haram, tetapi dalam isi kandungannya beliau telah berkata ini patut diambil langkah yang serius terhadapnya. Adakah Yang Berhormat dari Pasir Mas mencadangkan langkah atau tindakan pertama patut diambil terhadap Perdana Menteri kita bahawa Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengadakan beberapa rapat umum di seluruh negeri kita?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Pengerusi, perkara ini mudah sahaja. Yang saya katakan perhimpunan yang pada pandangan saya haram, sebab kita lihat perhimpunan-perhimpunan yang dibuat itu secara berleluasa jumlah orang yang hadir. Yang Perdana Menteri adakan itu rasmi (official). Kita tahu itu adalah program Perdana Menteri, jadi itu lain daripada apa yang dimaksudkan dalam peraturan pilihanraya. Ini kita kena faham dahulu, kalau kita hendak bangkit pun.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tak payahlah, itu cukuplah. Tak beri, cukup, cukup, cukup. Saya hendak habiskan.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji nanti dahulu. Berikah atau tidak?

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tak beri, cukuplah.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tentang perkara itu . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk, patuhi. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Kita sembang dekat luar nanti.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini, saya membangkitkan perkara ini sebagai satu ingatan untuk catatan pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Ada satu dua lagi perkara yang saya hendak kemukakan di sini, Tuan Pengerusi, bersabit dengan soal Pendaftaran Pengundi. Soal

pendaftaran pengundi kita dapati kurang sangat jumlah pengundi Melayu yang didaftarkan di bandar-bandar. Mungkin tanggungjawab ini tanggungjawab kita bersama, walaupun begitu saya ingin mengusulkan dan mencadangkan kepada pihak Suruhanjaya supaya kempen dan penerangan dan cara-cara untuk mendaftarkan pengundi-pengundi bukan sahaja Melayu dan sebagainya di bandar-bandar khususnya diperhebatkan, diperkembangkan dan supaya usaha-usaha ini lebih positif, bukan sahaja di bandar-bandar malah juga di luar-luar bandar ataupun di seluruh negara kita.

Dan masalah nama-nama pengundi hilang dalam daftar, itu saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Tengok kita itu, ada kita boleh bersetuju dengan Pembangkang, tak semua tak bersetuju dengan pihak Kerajaan, ini gentleman (*Ketawa*). Jadi kita bersetuju pun tak boleh juga?

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk!

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Jadi kita bersetuju supaya masalah hilangnya nama dalam daftar-daftar pengundi di waktu pilihanraya ini memang ketara berlaku di banyak tempat. Mungkin ini adalah kerana salah pengundi itu sendiri yang bertukar tempat di antara satu tempat ke satu tempat dan tidak mengambil indah untuk mendaftarkan balik di mana tempat mereka tinggal. Tetapi maklum sahajalah kita harus juga ingat bahawa di kalangan rakyat kita, di kalangan yang bawah-bawah ini tidaklah begitu arif sangat dengan hal-hal, soal-soal daftar mengundi ini sehinggakan kadang-kadang mereka lupa. Maka sebab itulah susulan kempen-kempen yang kita maksudkan

ini harus dan perlu dipercepatkan dan dikemaskinikan daripada masa ke semasa.

Yang akhir, ini tak banyak, Tuan Pengerusi, perkaranya tak penting tetapi saya berasa tak berapa sedap hendak tengok. Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya saya dapati duduk di Jalan P. Ramlee dan sekali dengan bangunan pejabat itu saya tengok satu syarikat agensi kapal terbang yang bernama "Aeroflot" . . . .

**Seorang Ahli: Aerofrog!**

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Bunyi macam ayam sahaja (*Ketawa*)—Aeroflot. Saya rasa tak ada apa-apa salah. Saya tak tahu bangunan siapakah yang disewa oleh Suruhanjaya Pilihanraya di Jalan P. Ramlee, cuma tak sedap mata memandang. Saya tidak curiga apa-apa yang berlaku, cuma ada cerita saya baca dalam beberapa akhbar satu ketika dahulu pernah berlaku, ada juga pernah ditangkap satu dua pengintip-pengintip KGB yang dimaksudkan, dengan izin, yang bekerja dengan syarikat penerbangan seperti ini. Saya ingin mencadangkan banyak lagi bangunan-bangunan agensi Kerajaan yang boleh disewa seperti Bangunan Tabung Haji bukan main cantik, ramping bukan main, yang boleh digunakan. Saya percaya masih ada lagi ruang-ruang yang kosong ataupun ibu pejabat atau bangunan-bangunan Kerajaan yang lain yang harus dipergunakan sepenuhnya, malah saya percaya sewa pun mungkin agak rendah. Sebab itu saya ingin mengusulkan supaya Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya itu kalau boleh dipindahkan dan saya tiada apa kecurigaan dalam hal ini, cuma tidak sedap mata memandangnya sahaja.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan tambahan untuk Suruhanjaya Pilihanraya di

bawah Maksud B.4 ini dan diucapkan sebanyak terima kasih dan kalau pihak Pembangkang tidak puashati, boleh kita minum kopi di luar sama dan kita boleh sembang.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Jelutong.

*5.11 ptg.*

**Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):** Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihanraya menjadi satu badan yang bebas, satu badan yang dilantik di bawah peruntukan Perkara 114 oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri. Dengan izin, saya bacakan apa yang ada dalam Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan:

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Diizinkan.

**Tuan R. Karpal Singh:**

- (1) The Election Commission shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong after consultation with Conference of Rulers, and shall consist of a chairman, a deputy chairman and three other members.
- (2) In appointing members of the Election Commission the Yang di-Pertuan Agong shall have regard to the importance of securing Election Commission which enjoys public confidence."

Tuan Pengerusi, dalam fikiran saya, Suruhanjaya Pilihanraya yang kita ada sekarang tidak bebas oleh kerana Suruhanjaya Pilihanraya ini tidak ada "tulang belakang" apabila pengubahsuaian kawasan-kawasan pilihanraya dibuat.

Tuan Pengerusi, ada peruntukan dalam Thirteenth Schedule dan dengan

izin, saya ingin baca apa yang ada dalam Schedule itu:

*(Dengan izin)*

**"DECLARATION OF AND PRINCIPLES RELATING TO THE DELIMITATION OF CONSTITUENCIES**

- (1) The consituencies for the election of members to the House of Representatives and the Legislative Assemblies of the States shall, until altered in accordance with the provisions of this Schedule, be those first used for elections to the House or Assembly, as the case may be, pursuant to this Constitution or the Malaysia Act.
- (2) The following principles shall as far as possible be taken into account in dividing unit of review into constituencies pursuant to the provisions of Articles 116 and 117—
  - (a) while having regard to the desirability of giving all electors reasonably convenient opportunities of going to the polls, constituencies ought to be delimited so that they do not cross State boundaries and regard ought to be had to the inconveniences of State constituencies crossing the boundaries of federal constituencies;
  - (b) regard ought to be had to the administrative facilities available within the constituencies for the establishment of the necessary registration and polling machines;
  - (c) the number of electors—ini yang mustahak, Tuan Pengerusi—within each constituency in a State ought to be approximately

equal except that, having regard to the greater difficulty of reaching electors in the country districts and the other disadvantages facing rural constituencies, a measure of weightage for area ought to be given to such constituencies;

- (d) regard ought to be had to/ the inconveniences attendant on alterations of constituencies, and to the maintenance of local ties.”

Tuan Pengerusi, apa yang penting dan mustahak dalam Schedule ini ialah, dengan izin, the number of electors within each Constituency in a state ought to be approximately equal except that, having regard to the greater difficulty of reaching electors and so forth dan boleh mengadakan perbezaan di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain. Tetapi dalam keadaan sekarang apa yang ada dalam perkara ini tidak munasabah. Saya merayu kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengadakan satu sistem dalam perkara ini iaitu sistem yang munasabah. Parti DAP, parti saya ada 24 kerusi dalam Dewan yang mulia ini sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya dari Petaling Jaya tadi, jikalau dalam perkara ini ada keadilan—yang sekarang tidak ada, jikalau ada keadilan, kami dalam DAP akan tentu ada lebih kurang 60 kerusi. “One vote one value”, dengan izin, itulah prinsip atas mana Suruhanjaya Pilihanraya harus . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Jelutong, Yang Berhormat dari Petaling Jaya minta penjelasan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tentu boleh, tentu beri. (*Ketawa*)

**Dr Eng Seng Chai:** Saya akan menjelaskan . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dr Eng Chai:** Tuan Pengerusi, saya akan menjelaskan apa yang dia baru-baru kata. Sebagai kawasan saya Petaling Jaya, ada 80,405 pengundi. Tetapi di kawasan Labuan hanya ada 12,000 pengundi dan di kawasan Gua Musang ada lebih kurang 20,000 pengundi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Apa penjelasan?

**Dr Eng Seng Chai:** Ini saya hendak jelaskan apa yang dia baru katakan tadi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan atau memberi penjelasan?

**Dr Eng Seng Chai:** Jelas apa yang dia akan jelas. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh lain kali Yang Berhormat. Teruskan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

**Tuan R. Karpal Singh:** Mana boleh tidak boleh? Boleh.—(*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini rakan saya, Tuan Pengerusi dan dia boleh beri nasihat kepada saya, bila-bila pun boleh. Tetapi Ahli-ahli . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Di sini pun boleh.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Lain kali setelah dapatkan nasihat datang ke sini. Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Baik. Apa yang saya katakan itu, lebih kurang 60 kerusi kami boleh dapat. Rakan saya dari Petaling Jaya tadi mengatakan di kawasan beliau . . . .

**Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Boleh beri jalan?

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat dari Jelutong tentang pengundian satu orang satu undi dan tadi ada disebut dan dibaca, kalau tidak silap pendengaran dan kefahaman saya, ada pengecualian bagi kawasan-kawasan tertentu dengan keadaan tertentu misalnya seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang menolong menjelaskan tadi, dibanding kawasan Petaling Jaya dengan 100,000 pengundi dan Labuan dengan 12,000 pengundi dan kawasan saya sendiri di Tanah Merah dengan lebih kurang 25,000 pengundi. Apakah Yang Berhormat tahu masalah-masalah luar bandar di Tanah Merah? Jalan luar bandar jalan berdebu, berlumpur, masalah bukit, cerung, gunung dan sebagainya berbanding dengan Petaling Jaya yang bertar, penuh dengan api elektrik, air dan sebagainya. Jadi apakah penjelasan Yang Berhormat dari Jelutong boleh beri dalam konteks pengecualian kepada keadaan-keadaan tertentu dan tidak terhad kepada seorang satu undi. Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, benar.

Tetapi maksud peruntukan yang ada dalam Thirteenth Schedule bukanlah untuk mengadakan perbezaan seperti yang ada sekarang. Dalam kawasan Petaling Jaya, ada 80,000 pengundi; di kawasan Puchong lebih kurang 81,000 tetapi ada kawasan-kawasan lain yang mana ada 20,000 pengundi sahaja. Boleh mengadakan perbezaan oleh kerana ada sebab-sebab. Tetapi maksud saya ini, tidak boleh mengadakan perbezaan seperti yang ada sekarang. One vote, one value, dengan izin, Tuan Pengerusi, bukan bermakna semua kawasan-kawasan tertentu ada pengundi-pengundi yang serupa, tetapi perbezaan yang ada sekarang—di satu kawasan 20,000 pengundi dengan sebab-sebab tertentu dan di satu lagi kawasan di mana ada 80,000 pengundi-pengundi. Jikalau itu betul, dalam fikiran saya, Tuan Pengerusi, arithmetic Suruhanjaya Pilihanraya very poor, dengan izin, Tidak ada arithmetic, oleh kerana tidak ada logik dalam apa yang keadaan dalam perkara ini sekarang.

Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas, jikalau tidak silap . . . .

**Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Minta penjelasan? Teruskan.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tidak logik pada perkiraan Yang Berhormat dari Jelutong itu mengikut perkiraan DAPkah atau mengikut rakyat? Logik yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengenai masalah fasal pilihanraya pun tidak ada persamaan, kerana di sini 80,000 pengundi, di satu tempat 20,000, kemudian dia membuat kesimpulan bahawa performance, dengan izin, Suruhanjaya Pilihanraya itu sebagai



lemah. Apakah logik pada perkiraan itu mengikut pemikiran DAP ataupun mengikut pemikiran rakyat jelata?

**Tuan R. Karpal Singh:** Logik orang yang menasabah, orang yang boleh fikir. Bukan orang dalam UMNO dan juga Barisan Nasional, tetapi satu reasonable man, Tuan Pengerusi. Itulah test dalam undang-undang juga. Reasonable man, kami dalam DAP semua reasonable men (*Tepuk*). Dan apa yang saya kata tadi semua logical dan reasonable, tidak boleh dinafikan. Tuan Pengerusi sendiri pun bersetuju dengan apa yang saya kata, tentu.

**Tuan Zubir bin Embong:** Apakah Yang Berhormat dari Jelutong ini seorang reasonable man ataupun tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Tentu reasonable, mana boleh . . . .

**Tuan Zubir bin Embong:** Kalau ini reasonable man, bererti DAP bukan reasonable, sebab bagi saya Yang Berhormat dari Jelutong bukanlah seorang yang reasonable man. (*Ketawa*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Logik beliau begitu—biarlah begitu juga.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, rapat umum. Tadi Yang Berhormat dari Pasir Mas ada berucap apabila ada cabaran oleh rakan saya di sini bahawa Perdana Menteri telah diadakan rapat umum tanpa lesen di bawah Akta Polis 1967. Beliau boleh, di mana pun boleh. Tetapi jikalau Parti

DAP diadakan satu rapat umum atau satu mesyuarat di mana ada lebih barangkali 5 atau 6 orang, seperti yang berlaku di Alor Setar, apabila dalam kempen untuk selamatkan Bukit Cina, kami tidak ada perarakan pada masa itu, Tuan Pengerusi, tetapi dalam fikiran Polis, itu perarakan. Perarakan haram dan kami telah didakwa dalam Mahkamah. Seperti keadaan di Melaka, di mana 18 rakan saya telah dihadapi di Mahkamah dan didakwa di bawah Akta Polis. Perdana Menteri, Tuan Pengerusi, boleh langgar undang-undang, tidak apa, oleh kerana Polis . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi, saya bukan seorang undang-undang. Tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat dari Jelutong yang saya faham adalah seorang peguam, apakah salah kalau rakyat secara ramai-ramai ingin berjumpa Perdana Menteri untuk minta penjelasan atas capacity, dengan izin, selaku Perdana Menteri Malaysia?

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang berlaku bukan orang ramai yang mempertemui Perdana Menteri, tetapi orang UMNO ada pergi rata-rata. Serupa orang yang ada dalam Barisan itu, serupa, Tuan Pengerusi.

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Tuan R. Karpal Singh:** Tetapi apa yang . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Bagi jalankah, tidak?

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya!

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Pengerusi, apa perbezaan di antara orang UMNO dengan orang ramai? Apakah orang UMNO itu tidak ramai dan buktinya orang UMNO ramai menyebabkan UMNO itu menang dalam pilihanraya? Apakah orang UMNO tidak orang ramai? Minta penjelasan daripada seorang peguam, Tuan Pengerusi.

**Tuan R. Karpal Singh:** Itu bukan satu soalan legal, Tuan Speaker (*Ketawa*). Ini mahu kacau juga, tidak ada tujuan lain.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tidak payah buang masa atas dia, betul bukan, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan program Perdana Menteri. Itu jadi satu excuse, dengan izin. Jikalau Polis adalah satu badan bebas, satu badan menasabah, Tuan Pengerusi, tentu Perdana Menteri ini ada dihadapkan depan mahkamah. Tetapi, oleh kerana sampai sekarang Perdana Menteri ada satu sikap kuku besi—tidak berapa lama lagi oleh kerana UMNO sudah pecah sekarang kami semua tahu. Tuan Pengerusi. Keadaan dalam UMNO, pagi ini saya baca suratkhbar STAR. Di sini, Mahathir, Mahathir, Mahathir! Lagi satu, Razaleigh, Razaleigh, Razaleigh! (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya kurang senang, Tuan Pengerusi. Kita sedang membahas tentang Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan mengenai Suruhanjaya Pilihanraya. Ini apa fasal kait dengan Perdana Menteri dan UMNO, tidak ada cerita lainkah? Kalau hendak soal UMNO saya boleh challenge berkenaan soal UMNO. Bahas ikut perkara yang hendak dibahaskanlah. Jangan buat tidak erti sangat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, nampaknya ada satu lagi Tuan Pengerusi di sana. (*Ketawa*)

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Jikalau saya tidak ikut peraturan-peraturan, itu tugas Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Dia merujuk . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** Ini bermakna Tuan Pengerusi tidak buat apa yang "Tuan Pengerusi" di sana ingat Tuan Pengerusi di sini perlu buat.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, teruskan ucapan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya tahu.

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan buang masa, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Bukan buang masa. Jikalau ada lain . . . .

**Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran):** Ada lain-lain Yang Berhormat yang hendak berucap. Teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, saya mahu berbangkit satu perkara mengenai pilihanraya dan ini bersangkutan dengan kawasan Nibong Tebal. Kawasan itu ada dimenangi oleh Parti GERAKAN. Saya baca, Tuan Pengerusi, apa yang ada dalam Gazette ini—Bahagian Pilihanraya Nibong Tebal P.43.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Bilangan undi yang diberi kepada Shanmugam a/l Nadason 11,118 undi, Dr Goh Cheng Teik 15,073 undi, Kok Ah Tong *alias* Kamal Koh bin Abdullah 2,916 undi, bilangan kertas undi yang ditolak 806 undi. Majoriti—kelebihan undi 3,955 undi.

Ini apa yang diisytiharkan oleh Pegawai Pengurusan bagi kawasan Nibong Tebal pada 4hb Ogos tahun lalu, 3hb Ogos tahun lalu, Tuan Pengerusi, jadi hari buang undi, tetapi pada 2hb Ogos, 1986 satu permohonan yang dibuat oleh Dr Goh Cheng Teik, Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal kepada Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim, Menteri Pelajaran Malaysia dan isi kandungan surat ini. “*Perkara:* Permohonan dari Sekolah-sekolah Rendah Tamil di kawasan Seberang Prai Selatan. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah menerima beberapa permohonan bantuan modal untuk membeli alat-alat kelengkapan dan membaiki dan membina bilik-bilik darjah dari Sekolah-sekolah Rendah Tamil di kawasan Seberang Prai Selatan. Mereka adalah seperti berikut—nama sekolah-sekolah ada disebut di sana dan jumlah peruntukan yang ada diminta di sana, jumlah peruntukan itu \$70,000. Apa yang ada dalam surat itu, kelulusan Yang Berhormat sangatlah dihargai.” Tuan Pengerusi, hari itu juga on the eve of the general election pada 2hb Ogos 1986 diluluskan oleh Encik Anwar Ibrahim.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap tentang mana? Di bawah B.4, ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ya, Pilihanraya, Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan Pengerusi:** Adakah di atas perbelanjaan apa itu . . . .

**Tuan R. Karpal Singh:** B.4

**Tuan Pengerusi:** Ia atas perbelanjaan bayaran balik dan bayaran ganti bagi cukai-cukai hasil dalam perkhidmatan dan bekalan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya ingat semua boleh, Tuan Speaker (*Ketawa*). Termasuk semua, urusan mengurus, semuanya saya ingat boleh, di mana pun boleh, tidak berapa jauh daripada . . . .

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Tuan R. Karpal Singh:** Apa yang berlaku, Tuan Pengerusi, adakah ini ikut undang-undang. Bolehkah seorang Menteri gunakan kuasa beliau untuk berbuat demikian. Ini jadi satu kesalahan “undue influence”, tetapi inilah apa yang ada dalam Barisan Nasional. Ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat selepas pilihanraya 1986, Barisan Nasional dapat majoriti yang tinggi sekali. DAP hanya dapat 24 kerusi. Ahli dalam Barisan Nasional ada dapat majoriti, tetapi, Tuan Pengerusi, jikalau taktik-tektik begini digunakan dalam sesuatu pilihanraya atau pilihanraya umum, adakah ini baik bagi imej sesuatu Kerajaan, satu parti yang ada tubuh Kerajaan selepas pilihanraya umum 1986? Bukan itu sahaja, Tuan Pengerusi. Rapat umum, siapa yang ada haramkan rapat umum. Adakah undang-undang di bawah mana rapat umum diharamkan?

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa rapat umum sama ada dijalankan ataupun tidak itu ialah hak Polis, bukan bersangkutan-paut dengan Suruhanjaya Pilihanraya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Pengerusi, makna saya ialah ada taktik-taktik begini yang ada digunakan oleh parti yang memerintah.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta Yang Berhormat bercakap di atas tajuk, di atas butir-butir, bukan di atas prinsip ataupun dasar.

**Tuan R. Karpal Singh:** Saya harap, Tuan Pengerusi, bila menjawab hujah-hujah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, Menteri yang berkenaan boleh nafikan apa yang saya sudah cakap tadi, adakah apa yang saya cakap benar, jikalau tidak benar, nafikan. Kami boleh cari jalan untuk cabar Menteri atau pihak-pihak lain atas perkara ini.

Itu sahaja apa yang saya mahu bangkitkan, Tuan Pengerusi, dan dengan itu sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada besok sahaja lagi. Kita masih ada lagi 24 Kementerian. Malam besok barangkali kita akan berbahas sehingga jauh malam jikalau sekiranya kita tidak menjimatkan masa dan tidak bertutur mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya minta Menteri menjawab.

5.37 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan, Bukit Bintang, Pasir Mas dan baru tadi Yang Berhormat dari Jelutong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai peruntukan tambahan Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Pengerusi, banyak pandangan-pandangan yang telah diberikan yang merupakan telah berkali-kali diutarakan dalam Dewan yang mulia ini dan perlulah bagi pihak Kerajaan untuk memberikan pandangan dan penjelasan yang sebenarnya. Pertama sekali penguatkuasaan atas kesalahan pilihanraya adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak Polis dan seharusnya jangan dibawa di sini, tetapi melaporkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan. Telah dinyatakan tadi bahawa banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam pembuangan undi. Perlu dijelaskan di sini bahawa dalam tiap-tiap pilihanraya, kita meminta kerjasama daripada Jabatan-jabatan Kerajaan iaitu Pejabat Daerah, Jabatan Pelajaran dan daripada Jabatan Polis. Mereka ini diperlukan untuk menyelenggarakan pilihanraya dengan sempurna.

Mengenai sistem pendaftaran automatik yang telah diutarakan, sistem pendaftaran automatik di negara ini pada sekarang ini tidaklah diperlukan kerana undi di Malaysia adalah tidak wajib. Urusan pendaftaran pengundi adalah dijalankan pada setiap tahun. Apabila urusan pendaftaran selesai dijalankan, maka Rang Undang-undang Pemilihan akan dipamirkan selama 14 hari di Pusat-pusat Pendaftaran. Dalam tempoh tersebut orang ramai adalah berpeluang untuk mengemukakan apa-apa tuntutan dan bantahan mengenai butir-butir yang tercatat dalam Daftar yang dipamirkan itu. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya mengenai butir-butir yang mereka anggap tidak bersih dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya sedang dalam proses untuk menyediakan peraturan sama ada pendaftaran pemilih dijalankan untuk sepanjang tahun ataupun tidak.

Mengenai persetujuan untuk kenaikan deposit yang telah dipertikaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, perlu dinyatakan di sini bahawa persetujuan ini telah pun diputuskan dan dipersetujui di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi seharusnya perkara ini tidak timbul pada hari ini.

Tuan Pengerusi, banyak tohmahan-tohmahan ataupun pandangan yang tidak waras dan tidak sepatutnya diutarakan pada kali ini mengenai Suruhanjaya Pilihanraya dan perlulah untuk saya memberikan penjelasan yang lebih tepat dan teliti mengenai dengan perjalanan pilihanraya yang baru lalu. Pilihanraya yang dijalankan pada bulan Ogos yang lepas boleh dianggap sebagai paling adil dan paling demokratik. Tidak ada mana-mana pihak yang ingin bertanding di dalam pilihanraya itu telah hilang peluang untuk bertanding, dan di samping itu tidak ada sesiapa yang disukai oleh rakyat atau oleh pengundi-pengundi yang hilang peluangnya untuk dipilih.

Parti-parti Pembangkang khususnya DAP sememangnya mempunyai sikap permusuhan terhadap Suruhanjaya Pilihanraya kerana dengan dasar perkauman parti itu, mereka tidak dapat menguasai negeri ini kerana dengan cara persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dijalankan, DAP tidak boleh termimpi untuk mencapai cita-citanya. Selagi DAP mempunyai dasar memperjuangkan nasib satu kaum sahaja di negeri ini, mereka akan terus gagal. Adalah menjadi impian DAP bahawa di dalam menentukan perwakilan, apa yang mereka mahu ialah tiap-tiap jalanraya di bandar-bandar mempunyai seorang wakil rakyat dan jika boleh kawasan luar bandar di mana minat rakyat tidak kepada DAP, tidak mempunyai wakil di dalam Dewan ini.

Kegagalan DAP menguasai negara dan Kerajaan bukanlah disebabkan oleh persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya. Ianya adalah

disebabkan oleh dasar perkauman parti itu. Parti itu dinasihatkan supaya jangan menyalahkan pihak lain jika ia gagal untuk menguasai kerusi-kerusi di luar bandar. Ubahlah sikap perkauman dan sikap benci terhadap penduduk luar bandar dan orang-orang Melayu khususnya. Jika ini dilakukan ada kemungkinan parti itu dapat menarik minat penduduk-penduduk di luar bandar.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Silakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah Yang Berhormat Menteri faham bahawa kita mempunyai beberapa wakil rakyat yang mewakili kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di kawasan negeri Sabah sendiri di mana kita terdapat 2 wakil rakyat daripada kawasan luar bandar iaitu Wakil Rakyat dari Tawau dan Tanjung Aru? Saya ingat Yang Berhormat Menteri sendiri mengalami pengalaman yang pahit apabila partinya sendiri kalah oleh DAP dalam pilihanraya yang lepas.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu bukan minta penjelasan, yang itu beri syarahan. Saya minta Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Yang Berhormat itu membuat pandangan sahaja. Sekiranya betul-betul DAP ini adalah merupakan multi-racial, kenapa tidak pergi bertanding di tempat-tempat orang Melayu, tempat-tempat bumiputera?

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada satu lagi yang bangun.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Silakan.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, menurut percakapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dikatakan parti DAP adalah parti perkauman, untuk menjaga kepentingan satu kaum sahaja. Bolehkah Menteri yang berkenaan buka matanya, pandang di sini, adakah satu kaum sahaja di sebelah sini atau beberapa kaum termasuk orang India, Cina dan lain-lain di sebelah sini? Jikalau mereka tidak nampak bermakna tuduhan itu tidak berasas.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Pengerusi, apabila kita menyatakan demikian, itu adalah ekoran daripada hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh DAP sendiri yang hanya mempertikai dan memperjuangkan di tempat-tempat yang hanya diduduki oleh satu bangsa. Hujah-hujah yang diberikan tadi adalah menyatakan Petaling Jaya kerana di tempat itu kita mengetahui bahawa tempat itu adalah diduduki oleh satu kaum. Itu ekoran daripada sana, kita membuat pandangan seperti ini juga.

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

**Tuan Lau Dak Kee:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan, ya.

**Tuan Lau Dak Kee:** Oleh kerana DAP hanya menang 24 kerusi sahaja, tetapi tahukah Menteri yang berkenaan di mana parti DAP pun ada bertanding di kawasan-kawasan bukan hanya dalam bandar sahaja, di luar bandar pun ada, tetapi pun ada menang juga. Tetapi Menteri yang berkenaan itu tidak mahu tahu, tidak mahu sedar bahawa ini adalah satu perkara yang reality, mengapa nafikan perkara itu?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya rasa berkenaan dengan siapa menang, siapa kalah, ini bukan di dalam perkara yang kita bincangkan. Sama ada 24 atau 86, itu bukan di hadapan kita. Saya harap Yang Berhormat Menteri teruskan ucapan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Pengerusi, sekiranya mereka mempunyai pandangan yang demikian, janganlah mengungkit-ungkitkan fasal sempadan pilihanraya ini sebab tiap-tiap satu kawasan itu mereka pun berhak untuk bertanding dan tidak patut ditimbulkan di sini. Walaupun satu tempat itu mempunyai 2,000 pengundi, tetapi DAP juga boleh pergi bertanding di tempat itu, kenapa dipersoalkan? Itu yang pokoknya yang saya sedang beritahu di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tidak payah, tidak ada masa, cukup. Suruhanjaya hanya menentukan bahagian-bahagian dan menjalankan pilihanraya-pilihanraya dengan adil dan saksama. Tidak ada sebarang parti yang ditegah atau ditahan daripada meletakkan calonnya untuk bertanding dan tidak ada sebarang calon yang akan hilang haknya untuk dipilih secara bebas oleh rakyat jelata. Sekiranya DAP mendapati lebih senang untuk menguasai kawasan luar bandar dengan cara persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya, kenapakah DAP tidak bertanding di kawasan-kawasan luar bandar dan memenangi kerusi-kerusi itu? DAP nampaknya jelas adalah hipokrit yang besar bertopengkah kepada ideologi demokratik sosialism yang kononnya bertujuan untuk menentukan keadilan . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** On a point of order.

**Tuan Pengerusi:** Point of order, sila duduk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Peraturan Mesyuarat 36 (6), tadi Yang Berhormat Menteri telah mengeluarkan satu perkataan yang unparliamentary dan saya minta Yang Berhormat Menteri tarik balik perkataan itu.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dahulu, tanya saya dahulu, adakah perkataan itu unparliamentary?

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya minta Tuan Pengerusi buat satu ruling.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan siapa yang "hipokrit" itu? Partikah ataupun . . . .

**Tuan Kasitah Gaddam:** Parti.

**Tuan Pengerusi:** Sebenarnya perkara ini telah pun dibenarkan dahulu. Jikalau sekiranya kita kata parti itu "hipokrit"—boleh, (*Tepuk*) tetapi jikalau sekiranya dikatakan seseorang itu "hipokrit"—tidak boleh. Itu telah pun dibenarkan. Yang Berhormat tidak boleh berbahas dengan saya, itu keputusan saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Menyampuk*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, perkataan Yang Berhormat itu tidak dalam Peraturan. Jikalau Yang Berhormat ada "floor" boleh bercakap. Sila teruskan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Pengerusi, bertopengkan kepada ideologi democratic socialism yang kononnya bertujuan untuk menentukan keadilan kepada semua pihak, DAP hanya memperjuangkan nasib satu kaum sahaja dan ini dilakukan dengan cara menabur dakyah-dakyah perkauman dengan cara memutarbelitkan berbagai isu, mengadakan apa yang tiada dan meniadakan apa yang benar. Mereka mungkin akan dapat sokongan dengan cara ini daripada kaum-kaum Cina di dalam bandar dan mereka haruslah berpuas hati dengan pencapaian matlamat yang mereka tuju. Tetapi sekiranya mereka gagal di kawasan-kawasan luar bandar . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat daripada Kepong bangun.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam bandar pun termasuk di dalam Dewan ini ada berbagai-bagai kaum, di Petaling Jaya pun sebahagian besar juga orang-orang keturunan bukan Cina, adakah dia sedar ini?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tuan Pengerusi, tidak perlu dijelaskan kerana sudah banyak kali dijelaskan. Sejak bermulanya sejarah pilihanraya di negara ini, DAP sentiasa mencari jalan untuk mengkritik Suruhanjaya walaupun seluruh negara bahkan seluruh dunia dapat menyaksikan bahkan memberi pujian atas kebolehan . . . . .

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bangun. Hendak bagi jalan?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tidak boleh.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, lepas ini hendak beri jalan kepada sesiapa?

**Tuan Kasitah Gaddam:** Tidak lagi, kecuali on a point of order.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada lagi. Yang Berhormat-Yang Berhormat jangan bangun lagi.

**Tuan Chian Heng Kai:** (*Bangun*)

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tidak boleh. Di sini bukan boleh minta sana sini. Kalau dia tidak bagi, dia tidak bagilah. Sila teruskan.

**Tuan Kasitah Gaddam:** . . . . .  
 bahkan memberi pujian atas kebolehan organisasi berkenaan untuk menjalankan pilihanraya yang bebas dan adil. Mereka juga membelakangkan hakikat bahawa seluruh dunia memuji kita kerana dapat menjalankan pilihanraya secara demokratik dan di dalam keadaan aman dan tenteram. Yang penting dalam pilihanraya bukanlah parti DAP atau mana-mana parti politik. Yang penting ialah sama ada rakyat yang berhak mengundi telah diberi peluang sepenuhnya untuk mengundi dan pihak yang patut memang telah diberi haknya untuk menang di dalam pertandingan itu. Hak yang demikian itu telah diperolehi sepenuhnya oleh DAP dan yang lain-lain dan mereka seharusnya berterima kasih kepada Suruhanjaya Pilihanraya kerana telah menjalankan pilihanraya itu dengan adil dan saksama. Jika pilihanraya itu tidak dijalankan dengan adil dan saksama, tidak mungkin parti Pembangkang seperti DAP dapat berada di dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Kerajaan menaruh kepercayaan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan tidak bercadang untuk mengganggu urusan Suruhanjaya itu untuk menentukan bahawa Suruhanjaya itu terus

menjalankan pilihanraya sepertimana yang telah dilakukan iaitu secara adil dan bebas.

Pindaan undang-undang seperti memendekkan tempoh di antara notis dan hari penamaan dan juga hari penamaan dengan hari pengundian, adalah dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi memberikan Suruhanjaya itu mempercepatkan proses pilihanraya bila difikirkan perlu mengikut keadaan yang wujud pada waktu itu termasuk keadaan keselamatan. Pindaan ini tidak bermakna bahawa pilihanraya harus diadakan di dalam masa yang singkat kerana tidak ada had masa tertentu yang menentukan Suruhanjaya itu mengadakan pilihanraya yang singkat kerana antara pembubaran dan pengeluaran notis writ pilihanraya, Suruhanjaya boleh mengambil masa seberapa lama yang difikirkan perlu untuk membolehkan Suruhanjaya itu membuat persediaan-persediaan yang perlu bagi menjalankan pilihanraya.

Kenaikan deposit pilihanraya adalah sesuatu yang dikira perlu memandangkan deposit pilihanraya yang ditentukan oleh peraturan yang lama terlampau kecil dan tidak memberi kesan dan makna kepada tujuan deposit itu diadakan. Diperhatikan bahawa di dalam pilihanraya yang lepas kenaikan deposit ini telah tidak menjejaskan kedudukan calon-calon, tambahan pula deposit ini boleh dipulangkan kepada calon itu tidak hilang wang depositnya di dalam pilihanraya yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$8,482,000 untuk Maksud B.4 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.



Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$8,482,000 untuk Maksud B.4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan Maksud P.7 sebanyak \$90; \$10 dalam Maksud P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Sebelum daripada itu, saya hendak bertanya, adakah \$90 ini duit token vote Jabatan Perdana Menteri, minta dijawab.

**Datuk Oo Gin Sun:** Tuan Pengerusi, token vote.

**Tuan Pengerusi:** Token vote! Yang demikian, tidak boleh dibahaskan sepertimana yang kita putuskan dahulu manakala satu-satu vote itu dibagi sebagai token tidak boleh dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa Perbelanjaan di bawah Kepala P.7 dan P.8 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1986 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$90 untuk Maksud P.7; \$10 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1986.

*Maksud P.13 (Anggaran) Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Ini pun token vote juga. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 dalam Maksud P.13 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1986.

*Maksud B.14 (Jadual)—*

*Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.14 dan P.14 dan P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$24,351,500 untuk Maksud B.14 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,351,500 untuk Maksud B.14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$90 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dan \$20 dalam Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$90 untuk Maksud P.14 dan \$20 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Yang ini adakah token vote juga, Yang Berhormat Menteri? Adakah wang sebanyak \$60 ini token vote untuk Kepala P.17?

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Pengerusi, ya, semuanya token vote—6 projek.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$60 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$60 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan 18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Adakah yang ini token vote?

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1985; dan

perbelanjaan sebanyak \$340 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985; dan wang sebanyak \$340 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Adakah yang ini token vote—\$1,040. Kementerian Pertanian?

**Dr Tan Seng Giaw:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat dari Kepong.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, macam mana tidak ada Menteri ataupun Timbalan Menteri untuk menjawab soal ini dan nampaknya dengan begitu besar, lebih daripada \$1,000, ini bermakna bukan satu token vote. Saya pun hendak tanya di sini daripada Timbalan Menteri Kewangan sama ada dalam supplementary tambahan itu dibenarkan untuk mengadakan token votenya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau kita semak tengok Kertas Perintah 9 dan 9A yang dikepilkan pada muka surat 30, Kementerian Pertanian, semuanya kita lihat \$10, \$10. Dicampur semua agaknya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, dengan tiadanya Menteri ataupun Timbalan Menteri untuk menjawab, bagaimana kita hendak meneruskan dengan perbahasan di sini, Tuan Pengerusi. Jadi susahlah, di sini tidak ada tanggungjawab langsung. Hendak minta wang, tetapi tak datang. Ini tak boleh diterima.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong pastikan, di bawah Kementerian Pertanian semua item-item yang dipohon berjumlah sebanyak \$1,040 adalah bagi token vote semua, iaitu yang pertama Butiran 235 \$10, Butiran 236 \$10 . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** *(Bangun)*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong bangun buat apa?

**Dr Tan Seng Giaw:** Hendak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr Tan Seng Giaw:** Yang pertama, itu Menteri daripada Wilayah Persekutuan, bukan Pertanian. Mana dia tahu. Kalau tahu, tunjukkan buktinya di mana.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Saya tahu, itulah ada bukti dekat sini. Tuan Pengerusi, ini buktinya ada. Yang Berhormat tak baca. *(Ketawa)*

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya ada di sini juga, tetapi hendak tahu bila dia menjadi Menteri Pertanian.

Yang kedua, sama ada dia tahu dengan perbekalan tambahan ini dibenarkan mengadakan token votenya. Jadi, jawablah, kalau ada di dalam Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat mana dimaksudkan. Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Saya minta supaya jangan berbahas-bahas macam itu. Hanya perkara yang di hadapan sekarang ini sama ada wang ini token vote atau tidak dan melihat kepada Kertas Perintah 9 dan 9A pada pandangan saya sendiri oleh sebab kesemuanya itu \$10, \$10 belaka yang dicampurkan maka nampaknya kesemuanya itu ialah token vote. Saya memutuskan ini ialah token vote.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi sendiri pun cakap tadi tidak begitu faham apa yang terkandung di dalamnya dengan kerana kelam-kabut sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya sudah faham. Kalau kita lihat kesemuanya itu \$10, \$10, \$10, maka kita boleh membuat keputusan bahawa ini adalah token vote. Kesemuanya itu \$10 belaka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,040 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,040 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Menteri, ini adakah token vote?

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi** Token vote?

**Dato Kok Wee Kiat:** Token.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986.

*Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3) 1985)—*

*Maksud P.21, P.22, P.23 dan P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1986)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.21 hingga P.24 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** (Bangun)

**Tuan Pengerusi:** Yang ini bukan token ya? Bukan. Sila teruskan, Yang Berhormat dari Kuantan.

6.08 ptg.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan):** Tuan Pengerusi, saya ingin memperkatakan tentang Maksud P.21

iaitu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 1986 bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Pengerusi, saya percaya jumlah ini adalah untuk maksud pembangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya ingin menegaskan kepada dua perkara yang utama iaitu pembangunan sukan dan kebudayaan.

Kita sama-sama tahu bahawa kegiatan sukan di dalam negara kita tidaklah mencapai satu tahap yang boleh kita banggakan kalau kita banding dengan kegiatan sukan di negara-negara jiran kita seperti Indonesia, Thailand ataupun Filipina. Itupun belum kita mengambil pertimbangan kalau kita bandingkan dengan kegiatan sukan di negara-negara Korea, Jepun dan setengah-setengah negara lain yang sama tahap pembangunannya seperti negara Malaysia.

Tuan Pengerusi, salah satu sukan yang kita mempunyai harapan ataupun yang telah kita membuktikan kepada dunia, kita boleh menjadi johan bukan sahaja secara perseorangan, tetapi juga secara berpasukan ialah sukan badminton.

Walaupun pada waktu ini kita telah mempunyai beberapa pemain di dalam 10 pemain terbaik di dalam dunia, pada keseluruhannya prestasi pemain-pemain kita, baik perseorangan ataupun berpasukan, belum merekodkan satu kejayaan yang boleh menggelarkan negara kita sebagai johan dunia.

Kejohanan dunia sudah menjadi sejarah kepada kita apabila kita kalah Piala Thomas pada tahun 1967 dan selepas itu kita tidak pernah mempunyai seorang johan yang mewakili ataupun yang menjadi johan di dalam kejohanan tidak rasmi dunia

seperti All-England yang telah selesai pada malam tadi untuk tahun 1987, umpamanya. Apatah lagi seperti Piala Thomas kita tidak pernah mencapai kejohanan sejak tahun 1967.

Kita sama-sama tahu bahawa sudah ada perancangan khas, perancangan yang teratur yang dibuat oleh Persatuan Badminton Malaysia oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi apa yang kita mahu ialah hasilnya, hasilnya boleh menceritakan seribu cerita. Jika ditanya hasil apa yang kita buat itu seolah-olah tidak membawa satu perhitungan yang boleh kita banggakan. Tiap-tiap tahun kita mengadakan peristiwa ataupun majlis memberi penganugerahan kepada olahragawan ataupun jaguh ataupun ahli sukan negara kita dengan "ceremony", dengan majlis yang gilang gemilang di tempat seperti Stadium Negara dan sebagainya.

Kita berbangga dengan prestasi ahli-ahli sukan kita dari segi tahap, dari segi standard di dalam negara kita sahaja, tetapi sayangnya mereka tidak mencapai sesuatu yang boleh direcognisekan sebagai johan dunia.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa perlulah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan lebih aktif lagi, lebih merancang lagi dalam cara pendekatannya, hendaknya lebih mencampuri secara aktif terhadap badan-badan sukan seperti Persatuan Badminton itu. Janganlah dijadikan badan itu sebagai percakaran politik sukan sahaja untuk setengah-setengah pihak menjadi pemimpin, menjadi presiden dan sebagainya, tetapi tidak menghasilkan hasil seperti mana yang diharapkan oleh rakyat negara ini, tidak boleh menghasilkan seperti mana kehendak peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini.

Tuan Pengerusi, setelah kita berbelanja berjuta-juta ringgit berkempen untuk mendapatkan

kejohanan di dalam satu-satu sukan yang boleh kita menjadi johan iaitu badminton ini, saya rasa pada waktu ini apa yang kita kejar itu semakin lama semakin jauh. Johan kita, umpamanya, Misbun Sidek sudah semakin tua—27 tahun—bukanlah satu usia yang muda lagi, dia sepatutnya memenangi pada umur 22, 23 atau 24. Kalau tidak boleh menjadi johan pada usia 27 itu, saya rasa Kementerian Kebudayaan haruslah memandang ke arah lain untuk memupuk ahli sukan kita di dalam badminton ini supaya pada suatu hari nanti kita akan melahirkan semula johan dunia dan juga menjadi johan Piala Thomas.

Tuan Pengerusi, satu lagi aktiviti sukan yang menarik perhatian saya ialah apa yang dipanggil SUKMA (Sukan Malaysia). Saya tidak tahu bilakah ditubuhkan, saya ingat pada tahun lepas ataupun tahun 1985. Heboh-hebohnya bukan main dengan publisiti begitu luas, memakan masa iklan yang begitu banyak di radio, televisyen dan surat khabar, tetapi akhirnya SUKMA hanya meruntun sukma sahaja di kalangan ahli-ahli sukan di negara ini. Kita dapati penonton atau penyertaan tidak begitu memuaskan. Prestasi daripada segi kederasan, daripada segi ketinggian ataupun kejauhannya yang dicapai oleh ahli sukan di dalam Sukan Malaysia ini, yang tidak sepatutnya dinamakan SUKMA, kerana "Sukma" ini lebih pada hati, bukanlah seperti satu kejohanan bunyinya.

Jadi apa yang hendak dilakukan, yang hendak dicapai oleh Kementerian Kebudayaan menerusi Sukan Malaysia ini tidak tercapai; malahan belanja berjuta-juta ringgit, saya difahamkan, telah dibelanjakan.

Tuan Pengerusi, segala perbelanjaan dalam kegiatan sukan seperti SUKMA, seperti yang kita panggil olahraga baik "field" atau "track

events'', dengan izin, kita haruslah, setelah kita berbelanja berjuta-juta, kita haruslah mempunyai perancangan untuk mencapai sesuatu tahap yang boleh dikenangi 10-20 tahun kemudian. Dari segi tracknya, kali terakhir kita mempunyai seorang jaguh pada tahun 1982 iaitu Rabuan Pit di mana beliau menjadi johan di India, tetapi demi berterus terang, rekod beliau tidaklah mencapai satu rekod 100 meters yang boleh memecahkan rekod ataupun yang boleh dikenangi secara gilang gemilang sehingga sekarang ini.

Jadi bukan itu sahaja yang kita hendak capai, kita haruslah juga mempunyai johan-johan dalam acara lain seperti lempar lembing, dalam lompat jauh, lompat tinggi, lompat kijang, berenang tidak sahaja semata-mata dengan Nurul Huda atau seorang sahabatnya yang seorang lagi itu, tetapi kita harus mempunyai ramai lagi ahli-ahli sukan yang pada akhirnya mempunyai jumlah pungutan kejayaan yang boleh mengatasi ataupun boleh menyamai negara-negara jiran kita seperti Thailand, Indonesia ataupun Filipina; kita tak mahu banding, Tuan Pengerusi, dengan prestasi Jepun, Korea, China, malahan negara-negara kecil di sebelah Asia Barat di sana.

Jadi, saya bercakap ini, Tuan Pengerusi, kerana kita bercakap tentang peruntukan pembangunan, jadi apa yang kita peruntukan untuk pembangunan sukan ini haruslah mencapai hasil yang selaras, yang mewajarkan wang berjuta-juta ringgit yang kita hendak luluskan di dalam Dewan yang mulia ini,

Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya telah memperkatakan tentang belia dan sukan. Izinkan pula saya menyentuh tentang soal-soal kebudayaan, walaupun banyak diperkatakan tentang definisi kebudayaan yang luas maknanya, saya

tidak tergamak lagi memberi definisi apa dia kebudayaan. Saya rasa agak sukacita pada waktu ini kerana kegiatan kebudayaan nampaknya tidak lagi bertumpu semata-mata kepada soal-soal tari-menari sahaja, tetapi sekarang ini nampaknya ia lebih bertumpu kepada hal-hal dan cabang-cabang kebudayaan yang lain seperti sastera, muzik dan beberapa perkara yang berkaitan dengan sejarah, berkaitan dengan kehidupan rakyat dan sebagainya lagi.

**Tuan Pengerusi:** Maafkan saya, Ahli Yang Berhormat, di bawah Maksud P.21 ini saya tengok tidak ada aktiviti kebudayaan itu, kesemuanya sukan belaka, ia belanja untuk sukan belaka. Barangkali saya silap . . . . .

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Jadi, Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak rujuk kepada perkara lain, saya nampak perkara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jadi kalau sudah dapat teguran daripada Tuan Pengerusi, saya menghormati teguran Tuan Pengerusi, dan saya berbalik bertumpu kepada sukan semula.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Terima kasih.

Sebenarnya, saya sudah cramkan modal-modal tentang sukan tadi dalam satu percakapan lebih kurang 10 minit. Walau bagaimanapun, saya hendak tambah sedikit lagi kerana sukan seperti mana yang kita tahu mendapat perhatian yang begitu serius di kalangan orang-orang muda kita, bukan sahaja kita harus membentuk jaguh-jaguh dan johan-johan sukan di peringkat negara, dan peringkat antarabangsa, tetapi sukan juga harus memainkan peranan supaya anak-anak muda kita yang banyak masanya terluang dapat digunakan untuk kegiatan sukan dan tidaklah umpamanya menghabiskan masa di

kompleks-kompleks membeli-belah ataupun menghabiskan masa menghisap dadah ataupun membuat kegiatan-kegiatan yang tidak boleh menguntungkan dirinya, tidak boleh menguntungkan keluarganya dan tidak boleh menguntungkan negaranya.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian ini supaya banyak lagi merencanakan, merencanakan kegiatan-kegiatan baik dalam bentuk pusat-pusat tertentu ataupun di dalam memberikan kemudahan-kemudahan supaya anak-anak muda kita yang masih belum bekerja, yang masih menganggur dapat "access", dengan izin, kepada kemudahan sukan. Jadi dengan itu, tidak semata-mata kita memberi peluang kepada mereka yang mempunyai duit untuk bersukan kerana kegiatan-kegiatan sukan seperti badminton umpamanya, seperti squash atau permainan-permainan yang lain, kadang-kadang memerlukan perbelanjaan yang banyak.

Jadi Kementerian ini haruslah mencari jalan-jalan yang baik, yang boleh memberikan kemudahan, peluang kepada mereka yang selepas bersekolah, belum bekerja dan tidak mempunyai duit, tetapi peluang yang sama kepada mereka untuk mengisi waktu lapang dan dengan mengisi waktu itu mereka tidak menggunakan waktu lapang itu untuk kegiatan-kegiatan anti-sosial seperti dadah, menghabiskan masa dengan tidak tentu arah. Jadi dengan cara itu kita boleh memberi peluang seluas mungkin kepada anak-anak muda kita untuk mencapai kecemerlangan di dalam berbagai-bagai sukan yang mereka boleh mengkhususkan kebolehan mereka di dalam cabang sukan yang mereka pilih, yang mereka ada bakat, yang mereka tunjukkan sejak mereka berada di bangku sekolah lagi.

Tuan Pengerusi, kita pun tahu banyak lagi cabang sukan yang kelihatan seolah-olah dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu sahaja kerana kemudahan sukan itu kadang-kadang berada di dalam kompleks yang tidak dapat dinikmati sama oleh mereka yang tidak mempunyai pendapatan tinggi, tidak mempunyai kawan-kawan ataupun sahabat-sahabat yang mendapat access, dengan izin, ke kompleks atau kemudahan-kemudahan sukan yang berada dalam kompleks tertentu itu. Jasi saya rasa adalah menjadi tanggungjawab utama Kementerian ini melihat dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan seperti itu dapat dibuka seluas mungkin kepada orang-orang muda kita baik lelaki atau perempuan. Belia-belie seperti mana saya katakan tadi dapat mengembang bakat mereka, dapat memupuk kebolehan mereka dan dengan itu mudah-mudahan kita dapat satu reservoir, dengan izin, yang lebih luas, yang lebih dalam untuk memilih dan memupuk bakat-bakat sukan kita demi kebaikan negara kita, bukan sahaja pada masa ini, tetapi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P. 21 dan saya akhiri dengan ucapan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

6.23 ptg.

**Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji):** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian di atas Maksud P.21—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam perbelanjaan yang dibentangkan di kertas di sini didapati Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah meminta beberapa peruntukan untuk membiayai projek-projek seperti Projek Kompleks Sukan

Labuan, program di Skudai, di Stadium Darulaman di Alor Setar, di Sungei Besi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada kompleks-kompleks yang disediakan oleh Kerajaan ini jikalau tidak salah adalah bertujuan untuk membangunkan bidang sukan di negara kita, untuk memberi tempat-tempat kepada pemuda-pemuda kita untuk mengambil bahagian dalam sesuatu sukan yang mereka ingin bertanding atau mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi, tujuan seperti ini adalah baik dan wajar dan di sini saya dapati bahawa ada beberapa tempat kompleks sukan dan Tapian Gelanggang sukan itu dihadkan untuk satu-satu tujuan yang tertentu sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ambil satu kejadian yang telah berlaku di negeri Perak di mana Kerajaan selalu menyewa kompleks sukan untuk pertandingan badminton, pertandingan sepak takraw dan pertandingan judo, taekwando dan lain-lain, tetapi mereka telah menyewakan kompleks sukan itu dengan mengadakan beberapa syarat, tetapi syarat itu selalunya terikat kepada satu-satu permintaan sahaja, secara umum apa pertunjukkan, pertandingan ataupun sukan-sukan yang ada di gelanggang itu boleh diadakan, walaupun sekolah-sekolah ataupun tadika-tadika apabila mereka mengadakan concert di gelanggang itu pun debenarkan dengan tarian-tarian yang lain, tetapi saya dapati di Tapian Gelanggang di Jalan Kampung Simee, Ipoh itu tidak dibenarkan untuk Tarian Singa.

Apabila satu pertandingan bagi badan-badan swasta diadakan di bandar Ipoh diminta di Tapian Gelanggang, di Kampung Simee, Ipoh mereka dibenarkan menjalankan satu pertandingan Tarian Singa, tetapi ditolak oleh Kementerian dengan

sebab Tarian Singa tidaklah masuk dalam polisi Kerajaan oleh kerana Tarian Singa itu bukanlah kebudayaan tempatan atau kebudayaan Malaysia. Inilah yang menyebabkan satu perkara di mana sepak takraw adalah menjadi kebudayaan tempatan, kebudayaan Malaysia, tetapi adakah judo, taekwando ini kebudayaan Malaysia? Mengapa pertandingan judo, pertandingan taekwando boleh dibenarkan? Mengapa pula Tarian Singa yang dianjurkan oleh badan-badan swasta itu tidak dibenarkan? Inilah satu perbuatan daripada Kementerian yang berkenaan itu di mana wujudlah polarisasi mungkin perasaan yang tidak sihat kepada sesuatu kaum di mana mereka hanya hendak menjalankan satu pertandingan Tarian Singa sahaja.

Saya rasa inilah tidak patut dan saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengambil satu pendirian yang tegas, yang luas, yang baik di mana kita semua rakyat Malaysia termasuk apa kebudayaannya, apa keturunannya, apa latarbelakangnya, biarlah kita berkumpul sama-sama, biarlah kita . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di atas dasar itu.

**Tuan Lau Dak Kee:** Ini bukan dasar sahaja . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu dasar.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Pengerusi, saya hanya . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Lihatlah Peraturan Mesyuarat 67 (9), hendaklah, ditumpukan kepada butir-butir yang terkandung dalam Anggaran Belanjawan yang diminta. Berkenaan dengan Tarian Singa, itu semua tidak ada dalam perkara ini. Yang Berhormat, adakah panjang lagi hendak berucap?



**Tuan Lau Dak Kee:** Tidak sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Sudah habiskah? Yang Berhormat hendak ucap panjang lagi?

**Tuan Lau Dak Kee:** Mungkin 10 minit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Jikalau 10 minit Yang Berhormat kena sambung besok.

**Tuan Lau Dak Kee:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

### PERUMAHAN TAMAN MAYANG JAYA DAN MAJLIS PERBANDARAN

6.30 ptg.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, Perumahan Taman Mayang Jaya dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Isu Taman Mayang Jaya di Petaling Jaya bukan hanya satu isu banjir Kampung Cempaka Baru yang berhampirannya, dan bukan sahaja

satu isu perumahan, tetapi adalah juga satu isu perlantikan dan amanah dan tanggungjawab seorang ahli Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Isu ini juga berkaitan dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memperuntukkan perlantikan ahli-ahli Kerajaan Tempatan mengikut sukahati parti-parti Barisan Nasional sahaja. Isu dan kes ini adalah misalan percanggahan kepentingan ahli MPPJ dengan kepentingan rakyat Petaling Jaya yang dia mewakili.

Taman Mayang Jaya, kawasan perumahan baru, sejak 1980, dimiliki oleh Cahaya Kota Sdn Bhd, satu anak syarikat Lam Soon Huat Development Bhd, yang dimiliki dan dipengerusikan oleh Datuk Lee Shin Cheng, juga seorang ahli MPPJ, yang dipilih dan dilantik oleh pemimpin MCA, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Yang Berhormat Datuk Yap Pian Hon, ahli Exco Kerajaan Selangor.

Taman Mayang Jaya diusahakan tanpa memperolehi kelulusan dan izin daripada beberapa pihak berkuasa sebagai Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Bekalan Air, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Jika MPPJ mempersetujui pembangunan tapak ini, tidaklah boleh disalahkan pegawai-pegawai kanannya, sebab Datuk Lee Shin Cheng menganggap dia sendiri seorang "Datuk Bandar" Petaling Jaya dan menggunakan kuasa dan pengaruhnya tekan-menekan semua pendapat dan nasihat yang berlainannya.

Kerja pembinaan Taman Mayang Jaya melanggar undang-undang perumahan, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Bekalan Air dan kawalan alam sekitar, dan kerja pembangunan sekarang membebaskan dengan banjir air hujan dan air sungai kawasan Kampung Cempaka Baru yang berhampiran. Pembinaan tidak mematuhi undang-undang sebegini

akan menyulitkan pembeli rumah baru dengan segala pecahan rumah juga.

Misalan penyelewengan dan kesalahan di Taman Mayang Jaya:

- (1) Lereng-lereng bukit sejauh 500 meter dari tebing dan aliran sungai ditimbus dengan tanah gembur tanpa padat-memadat tanah itu, kini melanggar undang-undang perumahan.
- (2) Aliran larian dan arah Sungai Kayu Ara ditukarkan dan disesakkan dan disempitkan oleh penimbunan tanah dan pembuatan satu benteng tanah setinggi 40 kaki di sebelah Taman Mayang Jaya walaupun lain tebing sungai hanya 3 kaki tinggi sahaja di sebelah Kampung Cempaka Baru, kini melanggar undang-undang Jabatan Parit dan Taliair, dan kini juga membawa pencemaran alam sekitar dan kesesakan sungai, menyebabkan banjir teruk apabila hujan lebat di Kampung Cempaka Baru.
- (3) 3 paip air besar yang bergaris tengahnya 3 kaki lebar dikebumikan bawah 40 kaki tanah, kini melanggar undang-undang Jabatan Bekalan Air dan kini akan pecah paip-paip tersebut dan akan menyebabkan runtuh tanah dan rumah baru atasnya.
- (4) Benteng tanah gembur setinggi 40 kaki berhampiran rumah-rumah Kampung Cempaka akan runtuh dan mengebumikan nyawa penduduk, kini melanggar undang-undang perancangan bandar dan rumah.
- (5) Pembinaan rumah berderet dan bertingkat atas tapak tanah gembur melanggar undang-undang perumahan dan akan pecah lantai dan dinding rumah baru ini.

Banyak lagi lain-lain penyelewengan di tapak Taman Mayang Jaya.

Kes ini bukan pertama kali Datuk Lee Shin Cheng melanggar undang-undang perumahan, sebab pada tahun 1984 di Taman Mayang, iaitu satu kawasan lain, dia mengelirukan mendapat Sijil CFO untuk 116 rumah baru yang belum dipasang paip dengan bekalan elektrik.

Pertanyaan sekarang berkaitan dengan kuasa, tanggungjawab, amanah dan pengaruh seorang pemaaju perumahan yang juga seorang ahli Majlis Perbandaran di kawasan sama. Terdapat semua izin dan kelulusan belum diperolehi, tetapi Datuk Lee Shin Cheng, orang kuat MCA Selangor, terus mengusahakan kawasannya.

Pemimpin MCA, Yang Berhormat Menteri Buruh dan Yang Berhormat Ahli Exco Selangor, Datuk Yap Pian Hon yang mencadangkan Datuk Lee Shin Cheng sebagai ahli MPPJ dikatakan terlibat juga sebab mereka yang meluluskan, yang mencadang luluskan pertukaran tapak ini pada mula-mulanya dari taraf "pertanian" kepada taraf "perumahan". Yang Berhormat Menteri Buruh satu ketika adalah Ahli Exco Selangor berjawatan Perumahan dan Kampung Baru, dan Yang Berhormat Datuk Yap Pian Hon yang kemudian gantinya. Menteri Buruh dan juga Datuk Yap wajib menjelas dengan terang, tepat dan sempurna pengaruh dan peranan mereka dalam kes dan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua MPPJ dan bekas Yang di-Pertua MPPJ sewajarnya memberi penjelasan mengapa Datuk Lee Shin Cheng tidak dilarang bercampur tangan dan mengambil bahagian dalam mesyuarat, perundingan dan keputusan MPPJ yang berkaitan dengan Taman Mayang Jaya. MPPJ perlu perjelaskan mengapa pekerjaan binaan dibenarkan walaupun terdapat aduan

penyelewengan dan kesalahan? MPPJ sewajibnya menerangkan apakah peranan dan kepentingan Datuk Lee Shin Cheng atas isu ini, adakah dia mewakili rakyat Petaling Jaya atau dia mewakili syarikatnya?

Inilah kes percanggahan kepentingan! Inilah kes salah kegunaan kuasa dan pengaruh! Inilah kesalahan tanggungjawab wakil rakyat! Inilah kes pecah amanah! Inilah kes untuk Badan Pencegah Rasuah!

Apakah tindakan diambil sekarang oleh pihak MPPJ dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyelesaikan masalah perumahan dan banjir, dan taraf dan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mempunyai hanya 7½ minit.

**Dr Eng Seng Chai:** Ya, saya tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang sudah 8 minit.

**Dr Eng Seng Chai:** Lagi satu garisan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau hendak lebih daripada 7½ minit, kena minta kebenaran daripada saya.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta kebenaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lama lagi?

**Dr Eng Seng Chai:** Satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dr Eng Seng Chai:** Bukankah orang pembeli rumah Taman Mayang Jaya yang akan rugi dan bukannya penduduk Kampung Cempaka Baru yang akan dibanjiri? Bukankah hanya Datuk Lee dan syarikat dan rakannya akan berfaedah? Bukankah kes ini berpuncakan daripada kelemahan Akta Kerajaan Tempatan yang memperuntukkan perlantikan ahli-ahli sebegini daripada parti MCA?

Untuk mengelakkan kejadian kes sebegini, adakah Kerajaan Barisan Nasional akan pecat-memecat ahli-ahli sebagai Datuk Lee? Adakah Kerajaan Barisan Nasional akan mewujudkan pilihan secara undi sulit semua ahli-ahli Kerajaan Tempatan, membuktikan sistem Kerajaan semua peringkat beramalkan demokrasi tulin?

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6.38 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beri penjelasan terhadap beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Ahli Yang Berhormat berkenaan telah menyatakan bahawa pembinaan rumah di Taman Mayang telah melanggar undang-undang kerana rumah-rumah berkenaan diberi Sijil Kelayakan Menduduki sebelum bekalan elektrik dilulus dan dipasang. Sehubungan dengan ini, suka saya memaklumkan bahawa kelulusan Sijil Kelayakan Menduduki yang diberikan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya terhadap rumah-rumah berkenaan adalah berdasarkan kepada "The Petaling Jaya Building By-laws 1959", dengan izin, yang diterimapakai pada masa itu. Undang-undang kecil berkenaan tidak mengenakan syarat supaya elektrik dibekalkan terlebih dahulu sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Petaling Jaya itu tidaklah melanggar perundang-undangan yang berkaitan, tidak seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Petaling Jaya juga telah membangkitkan tentang Taman Mayang Jaya yang telah tidak mendapat keizinan dan kelulusan daripada beberapa pihak berkuasa. Dalam soal ini, adalah sukar bagi saya untuk memberi ulasan atau jawapan

oleh kerana perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu terlalu umum. Beliau tidak menerangkan dengan jelas pihak berkuasa manakah yang tidak memberi kelulusan atau keizinan terhadap projek tersebut. Begitu juga sukar bagi saya untuk menjelaskan tentang kenyataan Yang Berhormat tersebut bahawa kerja-kerja pembinaan projek Taman Mayang Jaya melanggar undang-undang perumahan, Undang-undang Jabatan Parit dan Taliair, Undang-undang Jabatan Bekalan Air dan Undang-undang Kawalan Alam Sekitar. Ini kerana beliau tidak menerangkan dari aspek manakah pembinaan tersebut melanggar undang-undang yang dibangkitkan.

Di samping itu, perkataan "kerja-kerja pembangunan" itu terlalu umum dan kita tidak tahu apakah jenis-jenis kerja yang telah dikatakan melanggar undang-undang berkenaan . . . . .

**Dr Eng Seng Chai: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Petaling Jaya minta penjelasan, hendak beri?

**Puan Napsiah binti Oamr:** Tak beri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tak beri.

**Puan Napsiah binti Omar:** Di samping itu, Yang Berhormat dari Petaling Jaya juga menamakan membayangkan bahawa Datuk Lee Shin Chen, Pengerusi Lembaga Pengarah kepada syarikat yang memajukan Taman Mayang Jaya mempunyai perancangan kepentingan oleh kerana beliau telah mengambil bahagian dalam semua perundingan dan keputusan Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Dalam soal ini, saya berpendapat bahawa sekiranya ada bukti-bukti asas yang kukuh, Yang Berhormat yang berkenaan patutlah merujuk perkara ini kepada badan atau agensi

yang sesuai yang boleh membuat penyiasatan lanjut dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya sedia maklum, Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah memperuntukkan bahawa jika seseorang ahli Majlis ada mempunyai sesuatu kepentingan wang secara langsung atau secara tidak langsung dalam sesuatu kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau perkara lain dan ia hadir dalam sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan itu atau mesyuarat mana-mana jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan dalam masa kontrak atau perkara lain itu adalah menjadi perkara pertimbangan, maka ia hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, selepas mesyuarat itu dimulakan menzahirkan hal itu dan hendaklah menarik diri daripada mesyuarat itu semasa kontrak atau perkara itu dipertimbangkan. Perlu juga ditegaskan di sini bahawa pihak Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, setakat ini belum menerima aduan secara formal terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Saya percaya tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh pihak-pihak berkenaan sekiranya aduan secara formal diterima. Berhubung pula dengan perlantikan ahli Majlis, suka saya menjelaskan bahawa ianya dilaksanakan berdasarkan kepada ciri-ciri yang telah ditetapkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Salah satu ciri yang membolehkan seseorang itu dilantik sebagai ahli Majlis ialah, seorang yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian. Ini bermakna mereka yang terlibat dengan kegiatan perdagangan atau perniagaan boleh dilantik sebagai ahli Majlis. Tenaga mereka adalah diperlukan

memandangkan Penguasa-penguasa Tempatan dibenarkan oleh Akta Kerajaan Tempatan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan perdagangan atau perniagaan yang boleh menambahkan pendapatan di samping memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal pemilihan secara undi oleh rakyat dalam melantik ahli-ahli Majlis. Dalam soal ini, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan berpuas hati dengan cara perlantikan ahli-ahli Majlis yang diamalkan sekarang ini. Mereka yang telah dilantik dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah sistem yang telah sedia diamalkan pada masa ini.

#### **MENGURANGKAN HAD KELAYAKAN UMUR DARI 60 KE 50 UNTUK MELANCONG KE CHINA**

6.43 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menggesa Kerajaan supaya menimbangkan semula dengan serius berbagai syarat dan sekatan yang dikenakan ke atas rakyat Malaysia yang berketurunan Cina yang membuat lawatan ke Republik Rakyat Cina.

Sekarang hubungan diplomatik antara Malaysia dan Reputlik Rakyat China sudah berjalan selama 13 tahun dan setakat ini 3 orang Perdana Menteri Malaysia telah melawat negara itu. Dalam hal ini adalah perlu bagi kita mengkaji semula sekali lagi pelbagai aspek dasar Malaysia mengenai negara China dan perhubungan Malaysia/China serta juga soal keseluruhan lawatan rakyat Malaysia berketurunan Cina ke negara China.

Adalah tidak diragukan bahawa dasar Kerajaan mengenai negara Cina telah dipengaruhi oleh dua faktor. Yang pertamanya, kecurigaan tentang niat China yang menjadi satu ancaman besar kepada keselamatan Malaysia daripada Soviet Union, dan kedua, perasaan syak wasangka terhadap ketaat-setiaan rakyat Malaysia berketurunan Cina. Sebab yang kedua ialah yang merupakan asas yang membuatkan Kerajaan Malaysia enggan membenarkan perjalanan bebas ke China yang dipohon oleh rakyat Malaysia dengan mempercayai bahawa mereka ini nanti mudah diindoktrinasi kepada perjuangan Komunis China dan pulang ke Malaysia sebagai fifth columnist, dengan izin, untuk memusnahkan sistem Kerajaan Malaysia. Ini sesuatu yang sangat tidak benar tentang ketaat-setiaan rakyat Malaysia berketurunan Cina.

Oleh itu, Parti DAP ingin menyeru Kerajaan supaya - menghapuskan perasaan syak wasangka terhadap kesetiaan rakyat Malaysia berketurunan Cina ini sebagai satu faktor yang mempengaruhi dasar Chinanya yang mana ianya bukan sahaja menjejaskan hubungan Malaysia/China tetapi juga keseluruhan proses membina bangsa Malaysia itu sendiri. Jika Kerajaan memberikan gambaran dan kepercayaan kepada orang-orang Cina Malaysia dengan menyatakan bahawa kesetiaan mereka memang dicurigai sehingga tidak boleh dipercayai untuk berjalan secara bebas ke negara China, maka ini merupakan sesuatu yang tidak wajar berlaku dan seharusnya memerlukan satu perubahan sikap Kerajaan Malaysia sendiri.

Supaya perhubungan di antara Kerajaan Malaysia/China sentiasa berada dalam keadaan normal dan biasa sahaja dan malah yang lebih penting dari itu ialah meletakkan

proses pembinaan bangsa Malaysia di atas tapak yang betul, maka Kerajaan hendaklah menunjukkan keyakinan dan kepercayaannya terhadap ketaat-setiaan rakyat Malaysia berketurunan Cina kepada negara ini yang telah menjadi tanahair mereka dan bukannya negara China.

Satu jalan yang mana Kerajaan boleh menunjukkan kepercayaan dan keyakinan terhadap kesetiaan orang-orang Cina di Malaysia ialah dengan memansuhkan semua bentuk sekatan yang dikenakan ke atas lawatan ke Cina oleh rakyat Malaysia keturunan Cina bagi maksud-maksud sosial dan lain-lain tujuan. Untuk permulaannya Kerajaan hendaklah mengurangkan had umur kelayakan dari 60 tahun ke 50 tahun untuk mereka yang ingin melawat ke Republik Rakyat Cina dan akhirnya ini boleh memandu ke arah memansuhkan semula sekatan yang dikenakan ke atas lawatan ke negara China.

Kerajaan Malaysia hendaklah mengamalkan satu dasar yang liberal mengenai lawatan ke China oleh rakyat Malaysia berketurunan Cina. Ketakutan ataupun kebimbangan Kerajaan bahawa mereka yang melawat negeri China akan pulang dan menjadi fifth columnist, dengan izin, bagi menghancurkan Kerajaan Malaysia adalah tidak waras dan tidak munasabah. Sebaliknya mereka yang melawat China akan mendapat satu pengalaman yang berguna dengan membandingkan cara hidup kedua-dua buah negara, sistem sosial mereka dan lain-lain aspek serta membolehkan mereka mendapat perspektif yang sebenar tentang negara China ini. Sekian.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada wakil dari Bukit Bintang atas gesaan dalam ucapan penangguhan ini. Setakat ini Kerajaan telahpun

melonggarkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan dengan lawatan warganegara Malaysia ke Republik Rakyat China dari masa ke semasa.

Bagi makluman Yang Berhormat berkenaan, pada masa ini Kerajaan memberi kebenaran kepada warganegara Malaysia melawat Republik Rakyat China bagi tujuan-tujuan berikut:

- (1) melawat keluarga yang terdekat seperti ibu-bapa, suami-isteri, adik-beradik dan anak-anak;
- (2) mendapat rawatan perubatan;
- (3) melawat Pameran Perdagangan Canton dua kali setahun iaitu dalam bulan April dan Oktober;
- (4) lawatan bagi tujuan ekonomi dan perdagangan;
- (5) lawatan sosial sekali seumur hidup bagi warganegara keturunan Cina yang berumur 60 tahun ke atas.

Selain daripada lima katogari di atas, Kerajaan juga ada menimbangkan lain-lain permohonan melawat Republik Rakyat China berdasarkan mirip tiap-tiap kes yang dikemukakan seperti berikut:

- (1) untuk mengikuti atau melawat suami yang berkhidmat di Republik Rakyat China bagi tempoh yang melebihi 12 bulan;
- (2) untuk mengambil bahagian dalam pertandingan sukan di peringkat antarabangsa seperti badminton, pingpong, bola keranjang dan lain-lain;
- (3) untuk menghadiri seminar, bengkel, mesyuarat atau seumpamanya yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa; dan
- (4) atas urusan rasmi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan, Kerajaan memang membenarkan warganegara Malaysia daripada keturunan Cina yang berumur 60 tahun ke atas untuk membuat lawatan sosial ke Republik Rakyat China sekali dalam seumur hidup mereka. Kategori ini mula dipertimbangkan oleh Kerajaan pada tahun 1983 dan pada masa itu had umur yang ditetapkan ialah 65 tahun ke atas. Bagaimanapun had umur ini telah diturunkan pada awal tahun 1985 kepada 60 tahun. Semenjak kategori ini diadakan mulai tahun 1983 hingga 31hb Disember, 1986, seramai 14,784 orang telahpun diluluskan permohonan mereka untuk melawat Republik Rakyat China iaitu kira-kira 43.93% daripada jumlah semua warganegara yang diluluskan melawat Republik Rakyat China dalam tempoh yang sama. Bilangan permohonan dalam kategori ini yang ditolak ialah di antara 5-60 permohonan sahaja dalam setahun. Rasionale bagi Kerajaan memberi kebenaran kepada warganegara Malaysia dari keturunan Cina yang berumur 60 tahun ke atas melawat Republik Rakyat China ialah bagi memberi peluang kepada mereka untuk melihat negara asal datuk nenek mereka, sebelum mereka meninggal dunia.

Mereka yang dibenarkan di bawah kategori ini terdiri daripada mereka yang tidak layak dipertimbangkan di bawah kategori-kategori lain iaitu melawat saudara terdekat, mendapat rawatan perubatan, melawat pameran perdagangan Canton, melawat atas

tujuan ekonomi dan perdagangan, melawat atas tujuan sukan, melawat atas tujuan iktisas seperti kursus, seminar atau bengkel atau tujuan rasmi Kerajaan atau menziarahi dan tinggal bersama suami yang bertugas di Republik Rakyat China. Jadi, ini adalah di luar daripada syarat yang telah saya bacakan tadi.

Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula had umur ini kerana tidak ada alasan yang kuat bagi Kerajaan berbuat demikian. Peraturan yang sedia ada tidak menyusahkan dan bilangan permohonan yang ditolak amatlah sedikit. Kita juga harus faham sepertimana yang telah disuarakan oleh Wakil dari Bukit Bintang tadi bahawa dasar perhubungan antara Kerajaan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China masih diperingkat Kerajaan dengan Kerajaan dan dasar ini akan dikekalkan untuk kepentingan keselamatan negara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada usul tadi, sekarang saya kemukakan bahawa Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 ptg.*